SIRI PEMIKIRAN DR. YUSUF AL-QARADHAWI

FATWA PALESTIN

SOAL JAWAB BERKENAAN ISU PERGOLAKAN DI PALESTIN

Kita mungkin tidak luka berdarah kerana bertempur di medan jihad.
Namun, jangan biarkan kita dangkal fiqh dan sejarah tanpa sebarang ijtihad.

DR. YUSUF AL-QARADHAWI

FATWA PALESTIN

Isu Palestin, walaupun jauh daripada faktor lokasi, tetapi sangat hampir di hati kita sebagai umat Islam. Bumi israk mikraj ini telah dirampas oleh Yahudi laknatullah. Mereka dengan sewenang-wenangnya menyakiti, membunuh, dan mengebom saudara Islam kita di sana. Tidak cukup dengan itu, rakyat Palestin menjadi pelarian di bumi sendiri!

Melalui buku *Fatwa Palestin*, Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menjawab persoalan serta hukum berkaitan isu-isu yang berlaku di bumi Palestin, berpandukan dalil-dalil daripada Al-Quran dan hadith.

Buku ini membincangkan persoalan dan menjelaskan hukum seperti berikut:

- **Adakah rakyat Palestin boleh menyerah kalah daripada mempertahankan bumi Palestin?**
- **Apa hukumnya menziarahi Masjid Al-Aqsa yang dikuasai Yahudi?**
- **Syahidkah pengebom berani mati?**
- **Adakah wanita boleh melibatkan diri dalam peperangan?**
- **Apakah hukum isteri meminta talak daripada suami yang dipenjarakan?**
- **Apakah hukum tawanan yang mogok lapar?**
- **Hukum perjanjian damai dengan Israel.**
- **Hukum menggadai bumi Palestin dan menerima ganti rugi daripada hasil jualan itu.**
- **Hukum wanita membuka aurat dalam keadaan terpaksa**
- **Hukum membocorkan rahsia**

Sem.Malaysia : RM16.00
Sabah/Sarawak : RM18.00

Kandungan

Pendahuluan

Dengan nama Allah s.w.t. yang maha pengasih lagi maha penyayang. Segala puji untuk Allah s.w.t., Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., para sahabat, kaum kerabat Baginda, serta kepada semua pembawa risalah yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Ini adalah kitab yang mengumpulkan fatwa-fatwa berkenaan bumi Palestin melalui sumber dari masa yang berbeza, mengikut kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam satu *mihwar*. Sebagaimana yang kita ketahui, bumi Palestin sekarang tidak berada di tangan kita, bahkan Israel sudah merampas bumi Palestin. Saudara satu agama dengan kita di Palestin sedang mempertahankan tanah air mereka. Tanah yang sepatutnya dimiliki oleh umat Islam.

Yahudi merampas tanah umat Islam, bumi Israk Mikraj. Tidak cukup dengan itu, mereka turut menyakiti dan mengkhianati penduduk Palestin. Yahudi dengan sewenang-wenangnya melakukan pembunuhan dan pertumpahan darah terhadap penduduk Palestin.

Tidak cukup dengan kezaliman itu, mereka turut menjadikan rakyat Palestin, saudara seakidah kita di sana sebagai pelarian. Mereka juga menghalau penduduk Palestin keluar dari tanah air mereka sendiri.

Kebanyakan orang Islam, khususnya bangsa Arab dan saudara-saudara kita di Palestin, tertanya-tanya berkenaan hukum dan beberapa fatwa berkaitan dengan keadaan yang berlaku di bumi Palestin. Saudara kita di sana ingin mengetahui fatwa-fatwa yang berkaitan dengan mereka sama ada fatwa secara umum ataupun fatwa-fatwa secara khusus.

Sebagai umat Islam, kita memiliki satu pensyariatan yang bersifat *syumul*, iaitu meliputi seluruh aspek kehidupan. Islam adalah penyelesai segala masalah dan pengubat segala penyakit. Islam adalah agama yang melengkapkan keperluan seseorang individu, masyarakat, dan negara.

Islam juga sebuah agama yang meletakkan satu garis panduan khusus kepada kaum Muslimin untuk bergaul dengan ahli keluarga, sahabat, jiran tetangga, dan masyarakat, bahkan dalam hubungan antara Muslim dengan bukan Muslim. Islam turut meletakkan satu garis panduan khusus kepada umat Islam untuk dipatuhi, tidak kira dalam keadaan aman ataupun sewaktu menghadapi peperangan.

Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *An-Nahl*, ayat 89:

وَنَزَّلْنَا عَلَيْكَ ٱلْكِتَـٰبَ تِبْيَـٰنًا لِّكُلِّ شَىْءٍ وَهُدًى
وَرَحْمَةً وَبُشْرَىٰ لِلْمُسْلِمِينَ ﴿٨٩﴾

Dan Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi petunjuk, serta membawa rahmat, dan berita yang menggembirakan untuk orang Islam.

Tujuan utama saya menulis fatwa ini bagi mengumpulkan jawapan kepada persoalan-persoalan yang dilontarkan kepada saya. Terutamanya fatwa mengenai keadaan yang berlaku di bumi Israk Mikraj ini. Bumi di mana terletaknya Masjid Al-Aqsa. Antara kandungan buku ini adalah, jawapan saya kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz, iaitu Mufti kerajaan Arab Saudi perihal perjanjian damai terhadap tanah Palestin, berdasarkan dalil daripada Al-Quran dan As-Sunnah.

Antara lainnya, buku ini membahaskan tentang:

- Hukum perjanjian damai dengan Israel
- Hukum menggadaikan bumi Palestin dan menerima ganti rugi daripada gadaian itu
- Adakah rakyat Palestin boleh menyerah kalah daripada mempertahankan bumi Palestin?
- Apakah hukum menziarahi Masjid Al-Aqsa yang dikuasai oleh Yahudi?
- Adakah pengebom berani mati Hamas, iaitu mujahidin Palestin yang meninggal dunia apabila menentang Zionis syahid?
- Adakah wanita boleh melibatkan diri dalam peperangan?
- Hukum wanita membuka aurat dalam keadaan terpaksa
- Hukum membocorkan rahsia dan lain-lain

Mungkin beberapa orang ulama berbeza pendapat dalam mengutarakan fatwa mengenai keadaan yang berlaku di bumi Palestin. Khususnya fatwa-fatwa yang berkaitan dengan *fiqh waqi'i*, iaitu fiqh berdasarkan keadaan setempat yang berlaku di Palestin.

Kadangkala, terdapat ulama yang tidak mengetahui apa sebenarnya yang kaum Yahudi Zionis inginkan daripada perjanjian damai yang mereka adakan dengan rakyat Palestin. Beberapa orang pemuda memberi cadangan kepada saya supaya mengumpulkan fatwa ini dalam satu buku. Mereka ingin mengetahui hukum beberapa situasi semasa yang dihadapi oleh penduduk Palestin.

Semoga buku *Fatwa Palestin* ini selamat sampai ke tangan pembaca dan mereka dapat memahami hukum yang berkait rapat dengan keadaan yang berlaku di Palestin. Saya berharap, buku ini memberi manfaat kepada umat Islam.

Buku ini adalah satu siri daripada siri-siri buku risalah kebangkitan yang saya tulis. Semoga dengan tersebarnya buku ini, ia menjadi pemangkin kesedaran umat Islam berkenaan keadaan sebenar yang berlaku di Palestin.

Segala puji untuk Allah s.w.t. yang awal dan yang akhir. Selawat dan salam kepada junjungan besar Rasulullah s.a.w.

Hamba yang kerdil di sisi Pencipta-Nya,

Yusuf Al-Qaradhawi

Kaherah

Rabiulawal, 1424 Hijrah / Jun 2003

FATWA
PALESTIN

FATWA PALESTIN

DR. YUSUF AL-QARADHAWI

2014

PTS ISLAMIKA SDN. BHD.
(847946-W)
No 12 & 12A, Jalan DBP
Dolomite Business Park
68100 Batu Caves, Selangor, Malaysia
Tel: +6 03 6188 0316 Faks: +6 03 6185 4960
E-mel: *ptsislamika@pts.com.my*

Laman web rasmi PTS: *www.pts.com.my*
Kedai buku online PTS: *www.bookcafe.com.my*
Facebook: *www.facebook.com/bukupts*
Twitter: *www.twitter.com/bukupts*

Buku *Fatwa Palestin* adalah terjemahan yang sah daripada buku ***Fatawa min ajli Palestin*** terbitan Maktabah Wahbah, Kaherah. Semua teks dan informasi dalam buku ini adalah daripada Penerbit Maktabah Wahbah, Kaherah.

Terbitan Pertama, 2014

Perpustakaan Negara Malaysia Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Yusuf Al-Qaradhawi
Fatwa Palestin / Dr. Yusuf Al-Qaradhawi;
[Penterjemah: Wan Amirah].
ISBN 978-967-366-231-9
1. Zionism. 2. Arab-Israeli conflict.
3. Palestinian Arabs--History. I. Wan Amirah. II. Judul.
II. Judul: Terjemahan dari: Fatawa Min Ajli Palestin.
320.54095694

Dicetak oleh:

BS Print Sdn. Bhd.,
No 10, Jalan Indrahana 1,
Off Jalan Kuchai Lama,
58100 Kuala Lumpur.

Diedarkan oleh:

PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.,
Tel: +6 03 6188 0316
Faks: +6 03 6189 0316
E-mel: *sales@pts.com.my*

Pengarah Penerbitan:
Fauzul Na'im Ishak
fauzuln@pts.com.my

Pengurus Besar Penerbitan:
Mohd Ikram Mohd Nor Wazir
ikram@pts.com.my

Penasihat Akademik:
Profesor Emeritus
Abdullah Hassan
profabdullah@pts.com.my

Pengurus Penerbitan:
Imran Azmi
imran@pts.com.my

Timbalan Pengurus Penerbitan:
Nora Herni Abdul Rahim
noraherni@pts.com.my

Pengarah Seni:
Hisham Salmin
hishamsalmin@pts.com.my

Pengurus Grafik:
Mohd Zaidi Ismail
zaidi@pts.com.my

Eksekutif Latihan dan Penerbitan:
Nur Hafidhzah Mohd Dahri
hafidhzah@pts.com.my

Editor Perolehan:
Siti Amira Mohd Din
sitiamira@pts.com.my

Editor Pengurusan:
Norhayati Mat Nor
hayati@pts.com.my

Penterjemah:
Wan Nur Amirah Wan Yusoff

Pembaca Pruf Terjemahan:
Sofia Alwani Ali

Pelajar Praktikal:
Sri Wahyu Ahmad

Susun Atur:
Sobri Ismail

Kulit dan Grafik:
Mohd Zaidi Ismail

Bab 1

Perjanjian Damai dengan Israel

Soalan

Syeikh Abdul Aziz bin Baz, Mufti kerajaan Arab Saudi, membolehkan perjanjian damai dengan Yahudi. Fatwa beliau itu tersebar secara meluas. Bahkan, beliau mengharuskan perjanjian damai dengan Israel. Selagi pemimpin negara Palestin berasa perjanjian damai itu membawa kebaikan kepada negara mereka, maka hukumnya adalah harus. Apakah pandangan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi perihal fatwa itu?

Jawapan Dr. Yusuf Qaradhawi

Syeikh Abdul Aziz bin Baz adalah seorang alim ulama terkemuka pada zaman kini. Beliau mengambil sikap terbuka dalam memberikan fatwa berkenaan bumi Palestin. Kebanyakan fatwa-fatwa beliau diguna pakai. Beliau adalah seorang ulama yang memiliki ilmu agama mendalam.

Namun, kadangkala terdapat silap faham yang dilontarkan oleh seseorang ketika mereka melontarkan pendapat. Ulama terdahulu daripada *salafussoleh*, iaitu daripada golongan zaman *tabi' tabi'in* dan sebelumnya ada mengajar kita bahawa kata-kata setiap manusia itu boleh diambil dan boleh juga ditinggalkan kecuali kata-kata Rasulullah s.a.w. Hanya Rasulullah s.a.w. sahaja yang *ma'sum*, iaitu terpelihara daripada melakukan dosa.

Oleh itu, terdapat beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dan diambil perhatian oleh para penuntut ilmu. Kita perlu berwaspada daripada silap faham golongan ulama dalam memberikan pandangan dan golongan hakim yang terbabas daripada landasan sebenar. Mu'az melaporkan hadith seperti mana yang direkodkan oleh Imam Abu Daud, Mu'az berkata, "Hendaklah kamu ambil peringatan dengan penyelewengan para hakim, dan jangan kamu memuji-muji perbuatan mereka. Mudah-mudahan dengan cara itu dia kembali ke jalan yang benar."

Fatwa yang dikeluarkan oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz, tentang perjanjian damai dengan Yahudi adalah fatwa yang betul pada pandangan beliau. Namun, fatwa itu tidak disepakati oleh ramai ulama lain.

Sebagaimana Imam Az-Zahabi menyebut perihal syeikh beliau, Imam Ibnu Taimiyyah, "Kami begitu menyanjung Imam Ibnu Taimiyyah, tetapi kami lebih memilih kebenaran."

Pada pandangan saya, kesalahan dalam fatwa yang diberikan oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz bukan pada hukum syarak ataupun *istidlal*, iaitu yang bermaksud nas daripada Al-Quran dan As-Sunnah yang diutarakan. Hukum fatwa itu secara zahirnya betul dan istidlal yang digunakannya juga tidak disangsikan.

Namun, kesalahan yang dilakukan oleh beliau adalah tidak meletakkan hukum berdasarkan penilaian fiqh waqi'i, seperti mana ahli usul menamakannya sebagai *tahqiq manat,* iaitu pelaksanaan hukum bersyarat. Maksud bersyarat di sini adalah hukum yang tidak cukup syaratnya tidak boleh dilaksanakan.

Sebagai contoh, fatwa Syeikh Abdul Aziz bin Baz yang mengharuskan perjanjian damai dengan Israel berdasarkan dua perkara utama atau dua dalil:

Dalil Pertama

Berdasarkan kata-kata Allah s.w.t. dalam surah *Al-Anfal*, ayat 61:

وَإِن جَنَحُواْ لِلسَّلْمِ فَٱجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ

Dan jikalau mereka cenderung kepada perdamaian, maka kamu juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakkallah kepada Allah.

Dalil Kedua

Gencatan senjata diharuskan syarak secara mutlak dan mempunyai tempoh. Rasulullah s.a.w. mengadakan gencatan senjata dengan Musyrikin Makkah berdasarkan dua cara itu, iaitu secara mutlak dan mempunyai tempoh. Rasulullah s.a.w. dan Musyrikin Makkah mengadakan gencatan

senjata untuk tidak berperang untuk tempoh selama 10 tahun. Mereka berada dalam keadaan aman dan damai, bahkan saling membantu antara satu sama lain selama gencatan senjata itu berlangsung.

Banyak kabilah Arab bersetuju dengan perjanjian damai itu. Malangnya, selepas kota Makkah dibuka, Musyrikin Makkah tidak mengotakan janji. Mereka melanggar perjanjian itu. Namun, mereka yang tidak terlibat dengan perjanjian ini diberi penangguhan selama empat bulan.

Berdasarkan dua dalil tadi, Syeikh Abdul Aziz bin Baz mengatakan, pemimpin diharuskan mengadakan gencatan senjata sekiranya mereka mendapati perjanjian itu membawa banyak kebaikan.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi kepada Dalil Pertama

Apabila melihat kepada dalil pertama yang disebut oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz, iaitu surah *Al-Anfal*, saya berpendapat, sekiranya kita melakukan perjanjian damai dengan musuh, wakilkan urusan itu kepada Allah s.w.t.

Tetapi, apabila Syeikh Abdul Aziz bin Baz mengatakan perjanjian damai dengan Yahudi pada masa sekarang, maka ia sebenarnya tidak tepat. Ini kerana, Yahudi adalah golongan perampas. Penduduk Palestin tidak wajar mengadakan perjanjian damai dengan mereka.

Perjanjian dengan Yahudi adalah satu perkara mustahil. Yahudi sudah merampas bumi Palestin. Mereka menyebabkan pertumpahan darah berlaku, menghalau ahli keluarga, dan merampas hak penduduk Palestin dengan menghalau mereka keluar dari bumi Palestin, tanah air mereka sendiri.

Kita umpamakan keadaan yang berlaku antara Yahudi dan penduduk Palestin seperti seorang pemuda datang ke rumah kita dan menjadikan rumah kita seperti rumahnya sendiri. Pemuda tadi masuk ke rumah kita dengan keluarga, anak, dan para pengikutnya, serta segala jenis kekuatan dan senjata yang mereka miliki.

Kemudian, pemuda tadi menghalau kita dan keluarga keluar daripada rumah kita sendiri. Kesannya, kita saling berperang, berbunuhan, dan bertelingkah dengan pemuda tadi bagi mengembalikan rumah dan mengambil kembali hak kita.

Selepas sekian lama, pemuda tadi berkata kepada kita, "Ayuh kita berdamai, aku berikan kepada kamu hanya sebuah bilik daripada rumah yang besar ini. Rumah ini adalah rumah kamu bagi menenangkan kamu. Supaya kamu berdamai dengan aku, tidak lagi memerangi dan bertelingkah dengan aku, ambillah bilik ini! Kamu tinggal di dalam bilik ini sahaja, ruang selain daripada bilik ini adalah di bawah penguasaan aku, kamu tidak ada hak ke atasnya."

Apakah kita layak mengadakan perjanjian damai dengan golongan perampas ini? Ayat yang sepatutnya menjadi dalil kepada pertikaian ini bukan daripada surah *Al-Anfal*, tetapi, surah *Muhammad*, ayat 35:

فَلَا تَهِنُوا۟ وَتَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلسَّلْمِ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ وَٱللَّهُ مَعَكُمْ وَلَن يَتِرَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ ﴿٣٥﴾

Maka janganlah kamu lemah dan mengajak berdamai, padahal kamu adalah orang yang tertinggi keadaannya. Dan Allah bersama-sama kamu dan Dia tidak akan mengurangi pahala amal-amal kamu.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi kepada Dalil Kedua

Dalil kedua pula berkenaan dengan gencatan senjata. Gencatan senjata terbahagi kepada dua, iaitu sama ada secara kekal atau mutlak ataupun secara bertempoh.

Pada pandangan saya, gencatan senjata diadakan bagi menghentikan pertumpahan darah yang berlaku antara kedua-dua belah pihak. Pembunuhan yang membabitkan satu daripada kedua-dua belah pihak tidak dibenarkan sama sekali.

Adakah selepas gencatan senjata dimeterai, bangsa Yahudi benar-benar menepati perjanjian itu dengan meninggalkan peperangan, menghentikan pembunuhan, dan membantu antara satu sama lain?

Realiti Sebenar

Pertelingkahan yang berlaku antara bangsa Yahudi dan penduduk Palestin, tidak mampu diselesaikan semata-mata melalui gencatan senjata. Ini perkara yang besar dan berbahaya. Yahudi mengiktiraf bumi yang mereka rampas itu sebagai bumi mereka dengan menggunakan senjata api. Mereka menghalau berjuta-juta penduduk Palestin.

Bangsa Yahudi menjadi pemilik bumi itu. Mereka melaksanakan syariat Yahudi. Mereka turut menjadikan tempat-tempat di Palestin seperti Hefa, Yafa, 'Aka Lud, Ramallah, Bir Sabi', bahkan Al-Quds sebagai negara Israel. Hakikatnya, ini adalah tanah Arab yang dikuasai oleh orang-orang Islam sejak 13 kurun lalu. Sekarang, tanah itu adalah sebahagian daripada negara Israel Yahudi Zionis.

Bangsa Yahudi sama sekali tidak akan mengembalikan hak kita sehingga kita menuntut kembali hak-hak kita daripada mereka. Maknanya, apa yang sudah diambil dengan senjata perlu diambil semula dengan undang-undang.

Apa yang berlaku sekarang dalam perjanjian yang dimeterai oleh Presiden Palestin antara Fatah dengan bangsa Yahudi, bukan satu gencatan senjata sebagaimana yang digambarkan oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz, bahkan ia satu pengiktirafan dan pengakuan bahawa bumi Palestin sebagai negara Israel.

Palestin sudah terlepas daripada tangan kita untuk selama-lamanya. Perjanjian itu sudah termeterai dan bangsa Yahudi bermaharajalela di bumi Palestin.

Saya tidak sependapat dengan Syeikh Abdul Aziz bin Baz yang membenarkan pajak gadai tanah Palestin. Pada pandangan saya, tanah yang ada di sekitar bumi Palestin adalah tanah yang penuh dengan sejarah

dan sirah nabi-nabi terdahulu. Tanah itu tidak sesuai untuk pajak gadai bahkan harganya terlalu mahal, serta tidak dapat ditukar ganti dengan dunia dan seisinya.

Syeikh Abdul Aziz bin Baz sentiasa bersama kami dalam pertemuan Ikatan Ulama Fiqh Islam Sedunia. Dalam persidangan itu, para ulama fiqh tidak menolak pendapat yang diutarakan oleh mana-mana ulama. Mereka yang pakar perlu mengkaji dahulu pendapat yang dikeluarkan. Kemudian para *fuqaha*, iaitu mereka yang pakar dalam bidang fiqh akan mengadakan perbincangan dan mengeluarkan hukum itu.

Perbezaan pendapat sentiasa berlaku bukan dalam urusan agama sahaja, bahkan dalam urusan harta benda dan ekonomi. Maka, pakar-pakar ekonomi dan pengurusan harta diperlukan bagi membincangkan perbezaan pendapat yang berlaku.

Perbezaan pendapat juga berlaku dalam ilmu perubatan. Golongan pakar dalam ilmu perubatan akan berkumpul dan mencari satu titik penyelesaian kepada masalah yang dihadapi. Begitu juga dalam bidang sains dan ilmu falak. Perbincangan secara mendalam dan teliti pasti diadakan sebelum sebarang hukum ditetapkan.

Tetapi, pendapat Syeikh Abdul Aziz bin Baz dalam perbahasan kita ini, berkaitan dengan musuh tradisi yang sepatutnya kita perangi. Bangsa Yahudi sudah lama membenci dan menyimpan hasad dengki kepada orang Islam. Sudah hampir 50 tahun Yahudi mendirikan negara haram mereka di tanah Palestin. Sepuluh tahun sebelum mendirikan negara haram mereka itu, mereka menyambut baik pendapat pakar-pakar politik, perdamaian, dan peperangan. Mereka adalah pakar yang dipercayai, yang cenderung kepada keamanan.

Setiap orang perlu tahu, adakah Yahudi sebenarnya cenderung dan suka kepada kedamaian? Umat Islam perlu peka dengan perjanjian damai itu. Apa yang sedang berlaku dan apa yang bakal berlaku. Adakah perjanjian damai itu hanya bermaksud gencatan senjata ataupun penukaran penuh hak bumi Palestin kepada bangsa Yahudi?

Sudah terang lagi bersuluh, kita tidak boleh mengadakan perjanjian damai dengan perampas selagi mereka tidak mengembalikan barangan yang mereka rampas kepada tuannya yang asal. Para fuqaha tidak menggalakkan kita mengiktiraf kepimpinan dan pentadbiran golongan perampas sekiranya kepimpinan itu ditubuhkan melalui perjanjian damai, sama ada perjanjian damai secara mutlak ataupun mempunyai tempoh tertentu.

Ketika menentang tentera Salib dalam beberapa siri peperangan, Salahuddin Al-Ayyubi tidak sewenang-wenangnya mengadakan perjanjian damai dengan tentera Salib. Akhirnya, Allah s.w.t. mengukuhkan pakatan tentera Salahuddin Al-Ayyubi dan memberi kemenangan kepada tentera-tentera beliau dalam Perang Hittin dan juga dalam peristiwa pembukaan Baitul Maqdis. Kemenangan itu dihadiahkan kepada umat Islam meskipun tentera Salib pernah menguasai dua tempat itu selama 90 tahun.

Saya tidak ingin membahaskan perihal perdamaian itu dengan lebih panjang. Bumi Palestin menjadi hak milik Yahudi. Mereka mengambil tanah umat Islam dan tidak memulangkannya kembali walaupun sejengkal. Pada hari pertama penguasaan Yahudi terhadap bumi Palestin, mereka berkata dengan penuh angkuh, "Baitul Maqdis adalah ibu negara yang abadi kepada rakyat-rakyat Israel."

Masalah-masalah yang timbul sekitar Baitul Maqdis terus berkekalan tanpa pembelaan. Saudara kita yang meminta perlindungan tidak dibela. Adakah perjanjian damai itu mampu menyelesaikan setiap masalah?

Saya tidak mahu hanya membincangkan perihal perjanjian damai, tetapi saya ingin membahaskan mengenai istidlal yang diutarakan oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz dalam fatwa beliau mengenai perjanjian damai itu. Syarak menolak perjanjian damai itu.

Saya berpegang teguh dengan pendapat saya, seluruh tanah Palestin adalah bumi Islam. Tanah Palestin bukan hanya milik penduduk Palestin sahaja, malah ia adalah milik semua umat Islam yang ada di seluruh pelosok dunia.

Sekiranya satu bangsa bersikap cuai, tidak harus semua umat membiarkan bangsa itu dalam kelalaian. Sekiranya bangsa Palestin cuai dan mereka berasa putus asa, maka umat Islam wajib mempertahankan hak mereka. Bagaimana ini berlaku sedangkan rakyat Palestin sendiri menolak perjanjian damai itu. Mereka berjuang dengan setiap kemampuan yang mereka miliki bagi mempertahankan Baitul Maqdis tercinta.

Umat Islam berasa hairan, mengapa sebahagian daripada bangsa Arab mengubah malam menjadi siang? Mereka mengubah musuh menjadi teman? Mereka tunduk kepada orang yang memerangi dan menghalau saudara mereka keluar dari tanah air sendiri? Al-Quran ada menyebut perihal mereka yang bersikap sedemikian rupa dalam surah *Al-Baqarah,* ayat 246:

وَمَا لَنَآ أَلَّا نُقَـٰتِلَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِن دِيَـٰرِنَا
وَأَبْنَآئِنَا ۖ

Mengapa pula kami tidak akan berperang di jalan Allah, sedang kami sudah diusir dari kampung halaman kami, dan (daripada) anak-anak kami?

Semoga Allah s.w.t. memperlihatkan kepada mereka kebenaran itu sebagai kebenaran dan memperlihatkan kebatilan sebagai kebatilan serta menjauhkan kami daripada kebatilan itu. Amin.

Bab 2

Fatwa Abdul Aziz bin Baz

Perjanjian Hudaibiyah adalah Perjanjian yang Dimeterai dengan Kaum Quraisy yang Merampas Harta Orang Islam

Syeikh Abdul Aziz bin Baz membalas balik jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi terhadap fatwa beliau, sebagaimana yang terdapat dalam *makalah*, iaitu artikel yang tersebar dalam *Majalah Mujtama'*, bilangan 1133. Makalah itu diterbitkan pada 9 Syaaban tahun 1415 Hijrah, bersamaan 10 Januari 1995.

Makalah ini membincangkan perjanjian damai dengan Yahudi dan beliau menjawab kembali kritikan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi terhadap fatwa beliau dalam makalah yang tersebar dalam akhbar *Al-Muslimun*. Makalah itu diterbitkan pada 12 Rejab 1415 Hijrah. Dr. Yusuf Al-Qaradhawi menjawab fatwa ini selepas disoal oleh pemuda Palestin mengenai fatwa Syeikh Abdul Aziz bin Baz.

Syeikh Abdul Aziz bin Baz berkata, "Perjanjian damai dengan bangsa Yahudi tidak ditegah, sekiranya ia membawa kepada kebaikan dan keamanan untuk penduduk Palestin di negara mereka. Di samping itu, rakyat Palestin dapat berpegang dan mengamalkan agama mereka tanpa ada sebarang gangguan.

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi mengatakan, saya membelakangi kebenaran kerana bangsa Yahudi adalah perampas. Beliau juga mengutarakan hujah-hujah yang mengatakan, penduduk Palestin tidak harus mengadakan perjanjian damai dengan bangsa Yahudi.

Saya berterima kasih kepada Dr. Yusuf Al-Qaradhawi kerana mengambil berat perihal perbincangan ini dan saya menghargai kesungguhan beliau merungkaikan kebenaran melalui pandangan beliau sendiri.

Tidak syak lagi, sememangnya setiap perkara itu dilihat kepada istidlal dan kita boleh mengambil ataupun menolak kata-kata seseorang melainkan golongan ma'sum, iaitu Rasulullah s.a.w. dan para nabi. Kenyataan beliau benar kerana dalam semua masalah khilaf, Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *An-Nisaak*, ayat 59:

Kemudian jikalau kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka kembalikanlah ia kepada Allah dan Rasul-Nya jikalau benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (untuk kamu) dan lebih elok pula kesudahannya.

Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *As-Syura*, ayat 10:

وَمَا ٱخۡتَلَفۡتُمۡ فِيهِ مِن شَيۡءٖ فَحُكۡمُهُۥٓ إِلَى ٱللَّهِۚ

Dan apa juga perkara yang kamu berselisihan padanya, maka hukum pemutusnya terserah kepada Allah.

Ini disepakati oleh Ahli Sunnah wal Jamaah. Tetapi, dalil-dalil yang saya sebutkan sebelum ini sudah menjelaskan berkenaan perjanjian damai antara penduduk Palestin dan bangsa Yahudi. Saya menjawab pertanyaan yang diajukan oleh pelajar kuliah syariah daripada Universiti Kuwait kepada saya.

Risalah jawapan ini disebarkan dalam akhbar *Al-Muslimun* yang diterbitkan pada hari Jumaat, 19 Syaaban 1415 Hijrah bersamaan 20 Januari 1995. Risalah ini menjelaskan beberapa kemusykilan yang berlaku kepada saudara kita yang bertanya.

Saya ingin menjelaskan kepada Dr. Yusuf Al-Qaradhawi dan ahli-ahli ilmu yang lain, sebenarnya Quraisy merampas harta golongan Muhajirin dan rumah mereka. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Hasyr*, ayat 8:

لِلْفُقَرَآءِ ٱلْمُهَٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ
وَأَمْوَٰلِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ
وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿٨﴾

(Iaitu) orang fakir yang berhijrah, yang diusir dari kampung halamannya dan harta bendanya kerana mencari limpah kurnia daripada Allah dan keredhaan-Nya, serta menolong (agama) Allah dan Rasul-Nya, mereka itu adalah orang yang benar.

Oleh itu, Rasulullah s.a.w. mengadakan perjanjian damai dengan Quraisy pada tahun ke-6 Hijrah. Perjanjian itu tidak menafikan perbuatan yang dilakukan oleh Musyrikin Makkah sebelumnya. Mereka menzalimi kaum Muhajirin dengan merampas rumah dan harta mereka.

Rasulullah s.a.w. melihat perjanjian itu membawa kebaikan kepada kaum Muhajirin dan kepada individu selain daripada Muhajirin yang berminat dengan Islam.

Saya juga ingin menjawab pandangan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi yang mengumpamakan sekiranya rumah seseorang dirampas kemudian perampas menghalau dia dan keluarganya daripada rumah itu. Kemudian, perampas mengajak tuan rumah yang dihalau tadi mengadakan perjanjian damai antara satu sama lain.

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi mengatakan, perjanjian itu tidak sah. Ini betul-betul aneh, bahkan sengaja disalahkan. Tidak syak lagi, sekiranya orang yang dizalimi redha haknya diambil, lalu saling berdamai dengan orang yang menzalimi dirinya. Dia redha haknya diambil kerana dia tidak mampu mengambil semula semua haknya. Perkara-perkara yang tidak dapat dilakukan semua, jangan ditinggalkan semuanya. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *At-Taghabun*, ayat 16:

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ

Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu.

Allah s.w.t. turut menerangkan dalam surah *An-Nisaak,* ayat 128:

وَٱلصُّلْحُ خَيْرٌ

... Kerana perdamaian itu lebih baik.

Jadi, lebih baik kita memiliki satu bilik daripada bilik-bilik yang ada di rumah kita daripada kita dihalau dan terpaksa tinggal di tempat terbuka.

Allah s.w.t. berkata lagi dalam surah *Muhammad,* ayat 35:

فَلَا تَهِنُوا۟ وَتَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلسَّلْمِ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ وَٱللَّهُ مَعَكُمْ وَلَن يَتِرَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ ﴿٣٥﴾

Maka janganlah kamu lemah dan mengajak berdamai, padahal kamu adalah orang yang tertinggi keadaannya. Dan Allah bersama-sama kamu dan Dia tidak akan mengurangi pahala amal-amal kamu.

Ayat ini menunjukkan, apabila orang yang dizalimi tadi lebih kuat daripada orang yang menzalimi, maka dia harus menuntut kembali haknya.

Tetapi, ayat ini tidak mengharuskan kepada orang yang dizalimi tadi sekiranya dia tergolong dalam kalangan orang yang lemah. Mereka perlu menyerah diri. Menyerah diri lebih baik daripada dizalimi. Sekurang-kurangnya, dia dapat mengambil kembali haknya meskipun sedikit. Jikalau dia tidak mampu menyatakan kekuatan, tidak mengapa untuk dia menyerah kalah.

Imam Ibnu Kathir menyebut ketika mentafsir ayat ini, Rasulullah s.a.w. mengadakan Perjanjian Hudaibiyah dengan Musyrikin Makkah selepas Rasulullah s.a.w. berpendapat bahawa perjanjian damai itu membawa kebaikan. Perjanjian damai itu lebih baik daripada berperang dan saling membunuh.

Rasulullah s.a.w. adalah sebaik-baik contoh untuk diteladani. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Al-Fath,* ayat 18:

لَّقَدْ رَضِيَ ٱللَّهُ عَنِ ٱلْمُؤْمِنِينَ إِذْ يُبَايِعُونَكَ تَحْتَ ٱلشَّجَرَةِ

Sungguh, Allah meredhai orang-orang Mukmin ketika mereka berjanji setia kepada kamu (Muhammad) di bawah pohon.

Ketika mereka membatalkan perjanjian, Allah s.w.t. mentakdirkan mereka berperang pada hari pembukaan kota Makkah. Mereka berperang di negara mereka sehingga Allah s.w.t. memberi kemenangan kepada negara itu. Lalu, Allah s.w.t. menguatkan pakatan mereka, mengampuni mereka. Maka, sudah sempurna pembukaan dan kemenangan kota Makkah. Untuk Allah s.w.t. juga segala pujian dan kurniaan.

Saya memohon semoga Dr. Yusuf Al-Qaradhawi dan semua ulama meneliti kembali dalil-dalil yang disebut berdasarkan hujah-hujahnya dalam akhbar *Al-Muslimun* pada 19 Syaaban 1415 Hijrah, bersamaan 20 Januari 1995.

Jelas bahawa, wajib berjihad menentang Musyrikin daripada kalangan Yahudi mengikut kadar kemampuan sehingga mereka berdamai ataupun membayar cukai sekiranya mereka terdiri daripada kalangan mereka yang patut membayar cukai. Ini berdasarkan dalil-dalil dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Sekiranya tidak mampu, mereka tidak dipaksa supaya mengadakan perjanjian damai. Ini diharuskan selagi ia membawa manfaat dan tidak memudaratkan umat Islam.

Jadi, fatwa yang saya utarakan itu diteladani daripada Rasulullah s.a.w. dalam peperangan dan perjanjian damai yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Kita berpegang pada dalil syarak yang umum dan khusus. Ini adalah jalan yang selamat di dunia dan akhirat. Allah s.w.t. memberi taufik kepada kita dan menunjukkan kepada kita jalan yang benar dan diredhai-Nya.

Allah s.w.t. menguji kita perihal cara bagi memahami agama dan *istiqamah*, iaitu berterusan dalam memenangkan agama-Nya serta meninggikan kalimah-Nya. Di samping itu, Allah s.w.t. ingin menaikkan kepimpinan Islam, berpandukan hukum syariah dan berhukum dengan hukum syariah itu. Allah s.w.t. juga mengajar kita supaya berwaspada daripada perkara-perkara dosa. Selawat dan salam hanya untuk junjungan besar Rasulullah s.a.w."

Bab 3

Wajib Berjihad Mempertahankan Bumi Islam

Jawapan Balas daripada Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Alhamdulillah selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w., kaum kerabat, para sahabat, dan sesiapa yang mengikuti Baginda.

Saya sudah meneliti pendapat Syeikh Abdul Aziz bin Baz yang membalas balik pendapat saya terhadap fatwa beliau. Fatwa itu adalah jawapan kepada persoalan yang diutarakan kepada beliau dalam akhbar *Al-Muslimun* pada 12 Rejab tahun 1415 Hijrah, mengenai perjanjian damai antara Palestin dan bangsa Yahudi Zionis, iaitu Israel.

Saya masih memegang pada hujah saya seperti mana Syeikh Abdul Aziz bin Baz yang berpegang teguh pada hujah beliau yang terdahulu. Namun, kebenaran perlu didahulukan. Saya masih mengatakan, pendapat seseorang itu boleh kita ambil ataupun tolak kecuali pendapat Rasulullah s.a.w.

Dalam penjelasan saya yang lalu, saya ada menjelaskan perihal pentingnya ahli ilmu memahami makna sebenar istidlal yang diutarakan oleh mereka dan menyelaraskan fatwa yang dikeluarkan dengan fiqh waqi'i sesuatu keadaan.

Sekiranya kedua-dua ciri ini dipisahkan, sudah pasti kecacatan dalam fatwa yang dikeluarkan oleh mereka akan berlaku. Istidlal yang digunakan dalam fatwa Syeikh Abdul Aziz bin Baz adalah betul, tetapi beliau tidak memadankan fatwa itu dengan fiqh waqi'i yang berlaku di bumi Palestin.

Kadangkala, apabila kita mengetahui keadaan setempat, kita dengan sendirinya akan memahami hukum yang berkaitan dengan isu semasa tempat itu. Kadangkala pula, ia memerlukan pakar bagi menjelaskan keadaan sesebuah tempat supaya kita dapat memahaminya. Tidak kira melalui pembacaan ataupun mendengar. Begitu juga dalam bidang perubatan, ilmu falak, dan ekonomi. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Furqan,* ayat 59:

فَسْـَٔلْ بِهِۦ خَبِيرًا

Maka bertanyalah akan hal itu kepada yang mengetahui tentang-Nya.

Dalam surah *Fatir*, ayat 14 juga Allah s.w.t. memberitahu:

وَلَا يُنَبِّئُكَ مِثْلُ خَبِيرٍ

Dan tiada yang memberitahu kepada kamu seperti yang diberikan oleh yang Maha Mengetahui.

Saya berlapang dada menerima hujah Syeikh Abdul Aziz bin Baz yang masih bertegas dengan pendapat beliau. Tetapi, beliau hanya memandang pada sudut istidlal dan meninggalkan sudut fiqh waqi'i.

Saya menyebut dalam risalah sebelum ini, Syeikh beristidlal dengan ayat 61 daripada surah *Al-Anfal*, iaitu:

وَإِن جَنَحُوا۟ لِلسَّلْمِ فَٱجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ ۚ

Dan jikalau mereka cenderung kepada perdamaian, maka kamu juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakkallah kepada Allah.

Ayat itu mengandungi hukum yang jelas dan hukum yang diistinbat daripada ayat itu secara umumnya dapat diterima. Tetapi pelaksanaannya, mengikut realiti masa kini tidak dapat diterima. Ini kerana, bangsa Yahudi tidak pernah sekalipun ingin berdamai dengan umat Islam.

Mereka adalah perampas yang wajib diperangi. Mereka merampas tanah daripada tuannya menggunakan senjata api dan kekerasan. Tidak cukup dengan itu, mereka juga menghalau penduduknya, lalu membina sebuah kerajaan zalim di atas tanah rampasan itu.

Saya katakan, kita tidak boleh mengadakan perjanjian damai dengan seorang perampas, kecuali selepas dia mengembalikan segala yang dirampas kepada tuan asalnya!

Saya juga tidak bersetuju dengan jawapan Syeikh Abdul Aziz bin Baz perihal seorang yang merampas rumah kita, kemudian kita perlu tunduk kepada kekuasaannya sekiranya kita lemah. Cukuplah kita memiliki satu bilik daripada bilik-bilik yang ada di rumah kita, sedangkan bilik-bilik yang lain dikuasai oleh perampas tadi.

Syeikh Abdul Aziz bin Baz menyebut dalam kenyataan beliau, "Tidak syak lagi, sekiranya orang yang dizalimi redha haknya diambil, lalu saling berdamai dengan orang yang menzalimi dirinya. Dia redha haknya diambil kerana dia tidak mampu mengambil semula semua haknya."

Ini adalah kenyataan Syeikh Abd Aziz bin Baz, dan beliau mengatakan yang saya sengaja menyalahkan fatwa yang saya keluarkan.

Presiden Mesir, iaitu Anwar Sadat ketika menandatangani perjanjian dengan Israel menggunakan ayat 61 daripada surah *Al-Anfal* tadi sebagai dalil. Semua bangsa Arab memulaukan dan mengkritik beliau. Mereka berkata, "Tidak boleh berdamai dengan bangsa Yahudi!"

Saya berasakan, perjanjian damai yang disepakati antara Presiden Palestin, Fatah, dan Israel lebih teruk daripada perjanjian yang ditandatangani oleh Anwar Sadat. Sejarah kaum-kaum terdahulu dan sirah dalam Al-Quran sudah membuktikan, sikap dan perangai Yahudi tidak dapat dipercayai. Mereka adalah sebuah bangsa yang tidak layak untuk diajak berdamai untuk selama-lamanya.

Bagaimana kita mampu melihat bangsa Yahudi menyembelih penduduk Palestin di dalam masjid Nabi Ibrahim a.s? Bagaimana kita merelakan pembunuhan orang yang rukuk dan sujud dalam Baitullah pada bulan Ramadhan? Bagaimana kita merelakan bangsa Yahudi merampas bumi Palestin dan mengharamkan umat Islam masuk ke bumi itu?

Bagaimana kita mampu membenarkan bangsa yang bermukim di sesebuah negara Islam, menguasai tanah itu? Mereka mencabut

tanaman tuan tanah, kemudian menggunakan jentolak milik mereka bagi menghancurkan rumah-rumah penduduk tempatan. Penduduk tempatan pula bertempik dan meraung-raung meminta pertolongan tetapi, tiada siapa yang ingin membantu!

Bagaimana kita mampu mengadakan perjanjian damai dengan orang yang menggali lubang sekitar Masjid Al-Aqsa dari bawah, bagi meruntuhkan Masjid Al-Aqsa dan membina Haikal Sulaiman, iaitu tempat pemerintahan Dajal pada akhir zaman di atas tapak runtuhan Masjid Al-Aqsa itu? Pembinaan Haikal Sulaiman adalah impian paling besar orang Yahudi!

Bagaimana kita mampu melakukan pendamaian dengan mereka yang mengancam keamanan negara? Mereka menyimpan gedung senjata dan menggunakan senjata kimia bakteria bagi menyerang kita, dalam negara kita sendiri.

Hakikatnya, semua bukti jelas menunjukkan, bangsa Yahudi memiliki tabiat permusuhan dan merancang bagi menentang umat Islam yang menjadi musuh mereka.

Mereka berterusan dalam usaha mencapai cita-cita terbesar mereka dengan membina negara Israel daripada Sungai Furat hingga ke Sungai Nil. Dari tanah bumi beras, iaitu Lebanon hingga ke tanah bumi kurma, iaitu Hijaz yang ada di Madinah dan di Khaibar. Khaibar adalah tempat tinggal Yahudi Bani Qainuqa', Bani Quraizhah, dan Bani Nadhir.

Yahudi bersungguh-sungguh melakukan perdamaian ketika mereka melihat umat Islam bersungguh-sungguh dan berlumba-lumba untuk berjihad dan berperang di jalan Allah s.w.t. Jihad umat Islam mempertahankan bumi tercinta menimbulkan rasa gundah dan gentar dalam hati bangsa Yahudi.

Oleh itu, mereka merancang perdamaian itu supaya rakyat Palestin ditindas oleh bangsa sendiri. Sebenarnya, mereka mengharapkan sesuatu yang pasti tidak akan berlaku.

Syeikh Abdul Aziz bin Baz menerangkan kebaikan Perjanjian Hudaibiyah, iaitu perjanjian antara Rasulullah s.a.w. bersama Musyrikin Makkah. Seterusnya, gencatan senjata selama 10 tahun selepas mereka menzalimi kaum Muslimin dengan merampas harta dan tempat tinggal.

Beliau menyamakan keadaan itu dengan keadaan yang bangsa Yahudi lakukan kepada rakyat Palestin di Baitul Maqdis sekarang. Cara itu adalah istidlal yang ditolak, dan kedua-dua keadaan ini berbeza sama sekali.

Keadaan Musyrikin Makkah dengan keadaan bangsa Yahudi berbeza. Musyrikin Makkah tidak masuk ke bumi Makkah, bahkan Makkah itu adalah negara mereka. Rumah itu rumah mereka. Orang-orang Islam berhijrah kerana Allah s.w.t. dan Rasul-Nya ke Madinah kerana pilihan mereka dan membantu agama mereka. Mereka tidak sesekali mencari keduniaan.

Kaum Quraisy bukan golongan pendatang asing di bumi Makkah, bahkan bumi Makkah itu adalah bumi mereka. Golongan Muhajirin berhijrah ke Madinah secara sukarela bagi memenangkan agama mereka, bukan bertujuan mendapatkan habuan dunia. Golongan Musyrikin tidak menyukai penghijrahan Muhajirin ke Madinah. Oleh sebab itu, mereka berhijrah secara senyap-senyap, kecuali Saidina Umar r.a. yang berhijrah secara terang-terangan ke Madinah.

Allah s.w.t. menyebut dalam surah *Al-Hasyr*, ayat 8:

ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَـٰرِهِمْ وَأَمْوَٰلِهِمْ

...yang diusir dari kampung halamannya dan harta bendanya...

Umat Islam berasa terhimpit dan disakiti. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah dan ayat yang sama:

لِلْفُقَرَآءِ ٱلْمُهَٰجِرِينَ ٱلَّذِينَ أُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأَمْوَٰلِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِّنَ ٱللَّهِ وَرِضْوَٰنًا وَيَنصُرُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلصَّٰدِقُونَ ﴿٨﴾

(Iaitu) orang fakir yang berhijrah, yang diusir dari kampung halamannya dan harta bendanya kerana mencari limpah kurnia daripada Allah dan keredhaan-Nya, serta menolong (agama) Allah dan Rasul-Nya, mereka itu adalah orang yang benar.

Berbeza dengan Israel, mereka bukan penduduk tempatan di bumi Palestin. Tetapi mereka masuk ke bumi Palestin, membina sebuah negara sendiri. Penduduk bumi Palestin dan orang-orang Islam perlu menukar kerajaan itu.

Rasulullah s.a.w. mengadakan perjanjian damai dengan Musyrikin Makkah secara bertempoh. Rasulullah s.a.w. mengambil keputusan bagi mengadakan perjanjian itu kerana Baginda berasakan perjanjian itu membawa banyak kebaikan kepada orang Islam dan orang yang berminat dengan agama Islam.

Keadaan yang berlaku antara Baginda dan Musyrikin Makkah berbeza, bahkan perbezaannya jauh sama sekali jikalau dibandingkan dengan keadaan bangsa Yahudi yang mengadakan perjanjian damai dengan penduduk Palestin. Ia satu pengiktirafan terhadap hak yang dirampas oleh kaum Yahudi.

Bangsa Yahudi memiliki kuasa memerintah bumi Palestin dan kuasa mereka itu pula adalah sah. Kita tidak berhak lagi bagi menuntut kembali hak-hak itu, jauh sekali berjihad bagi mengembalikannya semula ke tangan kita. Ini tidak akan berlaku. Semua itu adalah mustahil apatah lagi selepas kita menandatangani perjanjian-perjanjian itu yang disaksikan oleh negara-negara besar dan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Syeikh Abdul Aziz bin Baz menggunakan dalil ayat 128, daripada surah *An-Nisaak* yang bermaksud, "Perdamaian itu lebih baik." Perdamaian yang disebutkan di sini bukan perdamaian secara mutlak, bahkan perdamaian yang menyempitkan hak ummah ke atas bumi Palestin. Perjanjian yang mensia-siakan hak umat Islam dan menggadaikan bumi umat Islam kepada perampas. Perjanjian itu bukan satu perjanjian damai yang baik.

Dalam hadith yang masyhur, Imam At-Tirmidzi merekodkan, "Perjanjian itu harus antara orang Islam sekiranya ia tidak mengharamkan yang halal ataupun menghalalkan yang haram." Perjanjian antara umat Islam sendiri tidak dapat disifatkan baik secara mutlak, bahkan ia bersyarat sebagaimana yang diketahui oleh para ulama.

Kenyataan Syeikh Abdul Aziz bin Baz yang menjawab pendapat saya dalam makalah saya yang pertama dahulu, dalil yang sepatutnya diutarakan dalam perbincangan ini adalah surah *Muhammad,* ayat 35:

فَلَا تَهِنُوا۟ وَتَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلسَّلْمِ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ وَٱللَّهُ مَعَكُمْ
وَلَن يَتِرَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ ﴿٣٥﴾

Maka janganlah kamu lemah dan mengajak berdamai, padahal kamu adalah orang yang tertinggi keadaannya. Dan Allah bersama-sama kamu dan Dia tidak akan mengurangi pahala amal-amal kamu.

Syeikh Abdul Aziz bin Baz berkata, "Sekiranya orang yang dizalimi lebih kuat daripada orang yang menzalimi dan mampu mengambil kembali haknya dia tidak boleh menyerah kalah dan mengajak musuh bagi memeterai perjanjian kerana dia mampu menguasai orang yang zalim. Sekiranya orang yang dizalimi tidak memiliki kekuatan yang dapat ditonjolkan, maka dia dibolehkan mengadakan perjanjian damai, sebagaimana yang disebut oleh Ibnu Kathir dalam tafsir beliau."

Saya menjawab, "Hujah Syeikh Abdul Aziz bin Baz tidak selari dengan konteks ayat yang beliau jadikan sebagai dalil. Bahkan, ayat itu melarang mengadakan perjanjian damai ketika lemah bukannya ketika kuat. Buktinya, lafaz *ad-dakwah ila as-salmi* disandarkan kepada lafaz *al-wahnu*. Harus juga ditafsirkan huruf *waw* pada lafaz *wa tadu' ila as-salmi* sebagai *waw ma`iyyah*. Maksud ayat berdasarkan tafsiran itu adalah, "Jangan berasa lemah dalam masa yang sama kamu mengajak kepada perdamaian. Ayat itu mengingatkan mereka, iaitu umat Islam bahawa mereka adalah umat yang kuat dan mempunyai kedudukan yang tinggi."

Ayat itu adalah satu peringatan kepada mereka bahawa martabat umat sentiasa diangkat. Ini kerana, mereka menganut agama yang paling tinggi darjatnya. Hak mereka lebih tinggi daripada kaum Musyrikin. Penggesaan mereka kepada Allah s.w.t. juga lebih mulia daripada pensyirikan orang Musyrikin kepada Allah s.w.t.

Sekiranya mereka mengutarakan hujah, itu lebih elok daripada sikap *syubhah,* iaitu teragak-agak. Mereka adalah golongan yang digambarkan dalam *ayat* 173, *surah As-Saffat*:

وَإِنَّ جُندَنَا لَهُمُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿١٧٣﴾

Dan bahawasanya tentera Kami, mereka adalah orang yang menang.

Ayat ini seiring dengan makna kata-kata oleh Allah s.w.t. dalam surah *Ali Imran,* ayat 139, iaitu selepas kekalahan yang menimpa kaum Muslimin dalam Perang Uhud:

وَلَا تَهِنُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

Dan janganlah kamu berasa lemah dan janganlah kamu berdukacita, padahal kamu adalah orang yang tertinggi (darjatnya) jikalau kamu orang yang beriman.

Apa yang difahami oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz daripada ayat tadi adalah, orang Islam perlu memerangi balik musuh mereka sekiranya mereka memiliki kekuatan. Jikalau mereka dalam keadaan lemah, tidak mampu membalas balik serangan musuh yang memiliki kekuatan, maka mereka digalakkan bagi melakukan perdamaian. Umat Islam seolah-olah tidak dimuliakan, bahkan menggambarkan bangsa lain mudah mengambil kesempatan terhadap umat Islam.

Ahli-ahli tafsir yang lain tidak sependapat dengan Imam Ibnu Kathir ketika mentafsir ayat 61 daripada surah *Al-Anfal.*

Syeikh Abu Jaafar At-Thabari dalam tafsir beliau ketika mentafsirkan ayat ini menyebut bahawa maksud yang dinyatakan dalam kata-kata Allah s.w.t., iaitu "Kamu wahai orang-orang Mukmin, jangan berasa lemah dan tidak bermaya untuk berjihad menentang kaum Musyrikin. Jangan kamu menjadi pengecut dalam membunuh mereka."

Imam At-Thabari menyebut, "Jangan kamu lemah dan mengharapkan perdamaian dengan mereka. Sebenarnya, kamu lebih teguh dan lebih tinggi daripada mereka. Sesungguhnya, Allah akan sentiasa bersama-sama kamu dan memenangkan kamu ke atas mereka."[1]

Imam Al-Alusi menjelaskan dalam tafsir beliau ketika mentafsir ayat itu bahawa sekiranya kamu mengetahui, Allah yang menghapuskan segala amalan kamu dan hukuman yang dikenakan kepada kamu, maka jangan kamu pedulikan mereka. Jangan menunjukkan kelemahan yang ada pada diri kamu. Jangan pula mengajak orang kafir mengadakan perjanjian damai dengan kamu.

Lafaz *wa antum a'launa* adalah *jumlah haliyyah* yang menyokong makna larangan berdamai. Ia menguatkan lagi hukum wajib meninggalkan perdamaian. Maksud ayat berdasarkan *i'rab* itu adalah, "Jangan kamu berasa

lemah dan dalam masa yang sama kamu mengajak kepada perdamaian, sedangkan kamu adalah umat yang tinggi."[2]

Manakala, hujah yang dibawa oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz yang dijelaskan dalam surat khabar *Muslimun* pula membawa maksud, "Wajib berjihad menentang golongan Musyrikin, bangsa Yahudi, dan golongan yang seumpama dengan mereka menggunakan kemampuan yang kita miliki sehingga mereka menyerah dan menunaikan hak-hak cukai..." Ini adalah berkaitan jihad menuntut bukan jihad mempertahankan.

Kita sekarang berbincang perihal jihad mempertahankan negara daripada musuh yang cuba mengganggu gugat negara Islam serta penduduknya. Ini bukan satu bentuk jihad menuntut. Sekiranya jihad menuntut, musuh berada di negara mereka bukan di negara kita.

Ketika ini ulama menetapkan, hukum berjihad ketika musuh berada di negara mereka adalah fardhu kifayah, iaitu apabila seorang melaksanakannya, maka dosa yang ditanggung oleh orang lain pun gugur.

Jihad bagi mempertahankan negara berbeza dengan jihad menuntut pembayaran cukai. Hukum jihad mempertahankan negara adalah fardhu ain, iaitu wajib. Bahkan, kewajipan itu tergalas di atas bahu seluruh rakyat. Tidak gugur dosa sekiranya hanya seorang sahaja yang berjihad mempertahankan negara. Semua rakyat yang mampu dalam mengerahkan tenaga wajib mempertahankan keamanan negara khususnya, dan lebih utama mempertahankan agama Islam. Muslim yang berada di negara lain juga wajib membantu Muslim yang negaranya diserang sehingga mereka mampu mengalahkan dan menghalau musuh keluar dari negara mereka.

Namun pendapat Syeikh Abdul Aziz bin Baz yang mengatakan, jikalau seseorang pemimpin melakukan sesuatu keputusan yang dirasakan mempunyai kebaikan padanya, maka orang Islam wajib mentaati keputusan pemimpin mereka. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *An-Nisaak*, ayat 59:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ أَطِيعُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُواْ ٱلرَّسُولَ وَأُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنكُمۡ

Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan Rasul dan kepada ulil amri daripada kalangan kamu.

Imam Ibnu Taimiyyah dan ulama fiqh menyebut, apa yang dimaksudkan dengan ulul amri, iaitu pemimpin adalah mereka yang mengetuai segala urusan. Mereka juga adalah orang yang menjadi ketua kepada manusia. Ini termasuk juga golongan yang memiliki kuasa serta ahli ilmu dan tauhid. Oleh itu, terdapat dua jenis ulul amri, iaitu ulama dan *umara'*. Sekiranya mereka itu individu yang baik, maka seluruh manusia menjadi baik. Namun, jikalau mereka berkelakuan buruk, maka sikap seluruh manusia menjadi buruk sikap.[3]

Surah *An-Nisaak*, ayat 83 menyebut:

وَلَوۡ رَدُّوهُ إِلَى ٱلرَّسُولِ وَإِلَىٰٓ أُوْلِي ٱلۡأَمۡرِ مِنۡهُمۡ لَعَلِمَهُ ٱلَّذِينَ يَسۡتَنۢبِطُونَهُۥ مِنۡهُمۡۗ

... Sedangkan jikalau mereka mengembalikan sahaja hal itu kepada Rasulullah dan kepada ulul amri (pemimpin) antara mereka, tentu hal itu dapat diketahui oleh orang-orang yang layak mengambil keputusan mengenainya antara mereka ...

Perkataan ulul amri diletakkan selepas Rasulullah s.a.w. Baginda adalah imam yang hebat, ketua kepada sesebuah negara. Baginda juga mengatur urusan jemaah yang ada bersama-sama Baginda. Mereka adalah golongan yang memiliki ilmu dan mampu memberi keputusan dalam menghukum sesuatu. Ketika diutarakan masalah kepada mereka, mereka mampu menyelesaikan masalah itu.

Berdasarkan dalil Al-Quran, apa yang dimaksudkan dengan ulul amri ini, lebih syumul, luas, dan bersifat menyeluruh. Ia tidak tertumpu pada pemerintahan dan penghukuman semata-mata.

Syeikh Rashid Redha dalam kitab tafsir *Al-Manar* menerangkan permasalahan ini dengan panjang lebar. Pembaca dapat merujuk kepada kitab tafsir beliau bagi meneliti dengan lebih dalam lagi perihal permasalahan ini.

Sekiranya kita katakan ulul amri itu semata-mata seorang pemudah cara, maka hakim yang dilantik oleh umat dalam Al-Quran dan As-Sunnah, seolah-olah beliau hanya satu kuasa pemutus sahaja. Hakim ini hanya memiliki kuasa yang terhad, beliau hanya mampu memimpin negara dan bangsanya sahaja.

Hakim ini juga hanya berkuasa dalam skop yang sudah ditetapkan oleh musuh kepada dirinya. Ini bukan ciri-ciri seorang pemimpin yang wajib untuk ditaati.

Taat kepada seorang ulul amri bukan ketaatan secara mutlak hanya dalam hal-hal kebaikan. Kita tidak boleh mentaati ulul amri dalam sesuatu perkara yang mengundang kemaksiatan. Ini jelas disebut dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Antara kaedah fiqh yang ditetapkan oleh syarak mengenai ulul amri adalah, rakyat perlu mendengar kata-kata pemimpin selagi beliau membawa kebaikan kepada mereka. Jikalau pemimpin itu berpaling dan membuat sesuatu keputusan yang memberi mudarat kepada rakyat dan negara, beliau perlu dicegah.

Dalam hal ini, tidak ada kebaikan atau kemaslahatan yang diperoleh oleh orang Islam sekiranya tanah mereka diserahkan kepada bangsa Yahudi. Sama ada melalui cara rampasan ataupun perjanjian damai. Ini hanya membawa kebaikan kepada keturunan Zionis sahaja. Perjanjian damai yang mereka dakwa memberi kebaikan kepada kedua-dua belah pihak, hakikatnya hanya memberi keuntungan kepada sebelah pihak sahaja.

Saya sekali lagi ingin menegaskan di sini, keadaan yang berlaku di Palestin bukan keadaan biasa. Bumi Palestin tidak sama seperti bumi-bumi lain. Bumi Palestin adalah bumi yang suci. Di sana masih tersergam Masjid Al-Aqsa yang menjadi tapak berakhirnya Israk Nabi Muhammad s.a.w. ketika peristiwa Israk Mikraj. Di situ juga bermulanya Mikraj Rasulullah s.a.w. menghadap Allah s.w.t. Ia juga adalah kiblat pertama umat Islam.

Keadaan Palestin ini perlu diambil berat oleh semua orang Islam. Ia tidak terbeban kepada penduduk Palestin sahaja. Allah s.w.t. mengaitkan Masjid Al-Aqsa dengan Masjidil Haram. Oleh itu, umat Islam tidak boleh memandang remeh kepada satu daripada masjid-masjid itu.

Suatu ketika dahulu, dunia Islam digemparkan dengan peristiwa pembakaran Masjid Al-Aqsa. Raja Malik bin Faisol antara mereka yang bersungguh-sungguh menyuruh pemimpin dunia Islam supaya menyelesaikan permasalahan itu ketika satu persidangan yang besar berlangsung. Jadi, satu jawatankuasa khas daripada Muktamar Islam ditubuhkan bagi menyelesaikan masalah itu.

Apa yang sudah berlaku pada hari ini? Masjid Al-Aqsa diancam untuk dimusnahkan dan dilenyapkan! Apakah kita masih bersuka ria, bertepuk tangan, dan membiarkan bumi suci Palestin menjadi ibu kota Israel untuk selama-lamanya?

Perbezaan pendapat antara saya dan Syeikh Abdul Aziz bin Baz tidak menafikan kasih sayang dan hormatnya saya kepada beliau. Saya berpendapat, beliau tersilap memahami keadaan politik sebenar yang berlaku di bumi Palestin. Lalu, beliau mengeluarkan hukum berdasarkan kefahaman beliau sahaja. Perjanjian damai tidak memberi apa-apa kebaikan kepada penduduk Palestin, bahkan ia hanya menguntungkan Yahudi Zionis sahaja.

Saya memohon supaya Syeikh Abdul Aziz bin Baz menilai kembali dalil-dalil yang sudah diutarakan. Semoga beliau meneliti dalil itu dengan kajian yang lebih mendalam. Semoga kita sama-sama menemui kebenaran daripada penelitian ini.

Saidina Umar r.a. menyebut dalam surat beliau ketika menghukum sesuatu keputusan, "Tidak menjadi kesalahan sekiranya kamu sudah menetapkan sesuatu hukum pada masa lalu dan kamu bertaubat bagi mengubah hukum (fatwa) kamu pada hari ini. Sesungguhnya, kebenaran memiliki sifat yang berpanjangan. Kembali kepada kebenaran itu lebih baik daripada membiasakan diri dengan kebatilan."

Nota Hujung

1. *Tafsir At-Tabari* (11/326).
2. *Ruh Al-Maa'ni* (20/80).
3. *Majmu' Al-Fatawa* (28/170).

Bab 4

Hukum Islam Perihal Pengebom Berani Mati

Soalan

Ramai bertanya perihal hukum para pejuang berani mati Hamas yang meletupkan diri sehingga letupan dahsyat di Tel Aviv dan Asqalan berlaku. Ramai Yahudi yang terbunuh dalam letupan terakhir yang dilancarkan oleh pemuda Hamas. Apakah tindakan yang diambil oleh pejuang Hamas ini adalah jihad pada jalan Allah s.w.t. ataupun tindakan seorang pengecut? Adakah kematian pemuda-pemuda ini dikira sebagai syahid ataupun membunuh diri kerana mereka membunuh dengan meletupkan diri mereka sendiri? Adakah mereka dinilai sebagaimana yang disebut dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 195:

وَلَا تُلْقُوا۟ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ

...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Saya suka menyatakan, ini adalah sebesar-besar jihad di jalan Allah s.w.t. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Al-Anfal*, ayat 60:

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ
ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

Dan sediakanlah bagi menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, bagi menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu.

Pendapat yang mengatakan mengebom diri itu menjadi satu kesalahan dan sesat adalah satu pendapat yang tidak wajar untuk diterima. Bahkan,

pendapat itu menggambarkan pengebom berani mati itu seolah-olah membunuh diri sendiri.

Orang yang membunuh diri biasanya dipengaruhi oleh faktor keruntuhan akhlak sosial dan kepincangan institusi keluarga. Berbeza dengan para mujahidin. Mereka mengorbankan diri bagi membantu agama Allah s.w.t. dan umat. Orang yang membunuh diri ingin mengakhiri kekecewaan dan keresahan yang mereka hadapi dalam hidup dengan membunuh diri.

Pengebom berani mati adalah cara yang terbaru yang digunakan oleh para mujahidin Palestin bagi menghadapi musuh-musuh Allah s.w.t. Musuh-musuh Allah s.w.t. ini tergolong daripada mereka yang bersikap diktator, sombong, takabbur, dan besar kepala.

Para mujahidin Hamas memiliki strategi hebat ketika mengatur kedudukan pengebom berani mati. Mereka memilih tempat dan masa tertentu bagi meletupkan diri mereka dan menghancurkan musuh-musuh Allah s.w.t.

Yahudi dan rejim-rejim musuh Allah s.w.t. pasti gentar ketika menghadapi mujahidin. Mereka adalah pejuang syahid. Mereka menjual jiwa dan nyawa mereka kepada Allah s.w.t. bagi mempertahankan sebuah perjuangan Islam. Nyawa mereka seolah-olah berada dalam genggaman mereka sendiri.

Para pemuda itu mempertahankan tanah air, agama, dan maruah mereka. Kematian mereka bukan mengorbankan diri semata-mata, bahkan jauh sama sekali membunuh diri. Tetapi, mereka adalah sebenar-benar syuhada. Mereka menyerahkan dan meredhai nyawa mereka diserahkan pada jalan Allah s.w.t. Selagi niat mereka kerana Allah s.w.t., mereka pasti tidak ragu-ragu dengan jalan yang mereka pilih bagi memusnahkan musuh Islam.

Mereka bukan membunuh diri, mereka bukan pengganas. Mereka adalah penegak syariat Islam. Mereka ingin mengambil kembali bumi mereka yang dirampas oleh bangsa Yahudi.

Para mujahidin cuba menegakkan hak dan mempertahankan masa hadapan mereka yang masih panjang. Sememangnya, musuh-musuh mereka tidak lekang daripada memusuhi mereka. Islam mewajibkan mereka mempertahankan agama dengan diri, jiwa, bahkan dengan nyawa mereka sendiri. Penduduk Palestin tidak harus menyerahkan bumi Palestin, tanah suci kepada musuh Allah s.w.t. walaupun seinci.

Apa yang dilakukan oleh mujahidin ini seolah-olah mempertaruhkan nyawa diri sendiri dalam tangan mereka. Itu bukan perkara sia-sia sebagaimana yang didakwa oleh sesetengah pihak. Ini adalah perkara bahaya, yang dibolehkan oleh syarak. Ia adalah satu jalan yang dibolehkan oleh syarak untuk berjihad.

Golongan Yahudi pasti berasa cemburu dan iri hati dengan keberanian yang dimiliki oleh mujahidin. Mereka mampu membunuh separuh daripada keturunan Yahudi. Sudah pasti mujahidin Hamas menambahkan lagi kegentaran dan kegusaran yang ada dalam hati bangsa Yahudi kerana para Muslimin berani menghadapi mereka.

Bangsa Israel adalah bangsa yang melatih seluruh keluarga mereka supaya menjadi tentera. Pemuda-pemuda dan wanita-wanita mereka adalah askar dalam ketenteraan. Mereka boleh memanggil tentera mereka bagi melaksanakan tugas pada bila-bila masa sahaja.

Seandainya ada kalangan kanak-kanak ataupun orang tua terkorban dalam serangan pengebom berani mati ini, ia bukan disengajakan, tetapi tersalah. Ataupun keadaan itu dinamakan sebagai darurat peperangan seperti mana yang dipermudahkan dalam syarak, iaitu keadaan darurat mengharuskan perkara yang membahayakan.

Hukum mengorbankan diri atau meletupkan diri sendiri itu dibolehkan dan dilonggarkan oleh para ulama fiqh dalam dalil yang mereka utarakan. Begitu juga pendapat ahli tafsir mengenai ayat 195, surah *Al-Baqarah*:

وَلَا تُلْقُوا۟ بِأَيْدِيكُمْ إِلَى ٱلتَّهْلُكَةِ

...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.

Apakah pandangan ahli-ahli tafsir terhadap ayat ini?

Pendapat Imam Jasos Al-Hanafi

Ketika mentafsir ayat ini, beliau menyebut dalam kitabnya, *Ahkamul Quran:*

Pertama: Muhammad bin Abu Bakar melaporkan hadith daripada Aslam bin Abu Imran berkata, "Kami berperang di Konstantinopel, di bawah pimpinan Abdul Rahman bin Walid. Ketika itu, tentera Rom berselindung di sebalik tembok kubu kota Konstantinopel. Lalu, terdapat seorang lelaki mencampakkan dirinya ke kubu pihak lawan, lalu orang ramai berkata, 'Jangan lakukan sedemikian, la ilaha illallah (tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah)! Dia sudah membinasakan dirinya sendiri.'"

Lalu, Abu Ayyub pun berkata, "Ayat ini diturunkan kepada kami, golongan Al-Ansar, selepas Allah memberi pertolongan kepada Rasulullah dan selepas agama Islam dizahirkan."

Golongan Al-Ansar pun berkata, "Ayuh, kami akan mempertahankan kamu dengan harta kami. Ayuhlah kita berjihad!"

Abu Imran berkata, Abu Ayyub Al-Ansari berterusan mewakafkan diri pada jalan Allah s.w.t. Meskipun di saat usia tua dan uzur, beliau masih memperjuangkan agama Islam sehingga beliau wafat dan disemadikan di benteng kota Konstantinopel.[1]

Apakah yang dimaksudkan dengan menghancurkan diri dengan tangan sendiri? Abu Ayyub Al-Ansari berkata, membinasakan diri dengan tangan sendiri adalah tidak turut serta dalam berjihad di jalan Allah s.w.t.

Pendapat ini juga turut dilaporkan oleh Ibnu Abbas, Huzaifah, Hasan, Qatadah, Mujahid, dan Adh-Dhahhak.

Dilaporkan daripada Barra' bin 'Azib dan Abudah Salmanim, membinasakan diri dengan tangan sendiri adalah berputus asa daripada memohon keampunan kepada Allah s.w.t. dan berterusan melakukan maksiat.

Pendapat lain mengatakan, apa yang dimaksudkan dengan membinasakan diri dengan tangan sendiri adalah membazir ketika membelanjakan harta sehingga dia tidak memiliki apa-apa untuk dimakan. Akibatnya, keborosan dalam membelanjakan harta itu membinasakan dirinya sendiri.

Menyerbu masuk medan peperangan tanpa rasa dendam kepada musuh. Mereka adalah kaum yang di-*takwil*-kan, iaitu diberi maksud oleh Abu Ayyub Al-Ansari sebagai mereka yang mengingkari dan menceritakan sebabnya.

Setiap maksud yang diberikan oleh ulama ketika mentafsirkan ayat ini tidak menafikan maksud yang diberikan oleh ulama lain. Kita dapat mengatakan, semua pendapat yang diberikan oleh ulama ini betul tanpa bertentangan antara satu sama lain.

Menghantar seorang pemuda kepada musuh, seolah-olah menyerahkan nyawa kepada mereka, begitu juga pemuda yang merempuh barisan hadapan musuh ketika di medan peperangan. Apakah pendapat ulama mengenai perkara ini?

Menurut Syeikh Muhammad bin Hassan yang menyebut dalam kitab *Sairul Kabir*, seorang pemuda yang dihantar kepada 1000 orang musuh tidak memberikan apa-apa kesan kepada tentera Islam sekiranya pemuda tadi inginkan kebebasan dan ingin membalas dendam.

Sekiranya seorang pemuda yang diutus itu tidak menginginkan kebebasan dan tidak ingin membalas dendam kepada musuh, dia ditegah untuk dihantar berurusan dengan musuh. Ini mendedahkan dirinya kepada kebinasaan. Bahkan, penghantarannya ini sedikit pun tidak memberikan manfaat kepada orang Islam.

Jikalau pemuda yang merempuh barisan hadapan tentera musuh tadi tidak ingin membalas dendam dan tidak bercita-cita ingin selamat daripada pertempuran itu, tetapi dia hanya ingin menunjukkan keberaniannya kepada pihak musuh, sehingga musuh terpengaruh dengan apa yang dilakukan oleh tentera Islam yang diutus tadi, maka perbuatan ini juga dibenarkan. Tidak mungkin seorang yang tidak memiliki perasaan ingin membalas dendam kepada musuh dan tidak ingin selamat daripada peperangan mampu merempuh barisan hadapan pihak musuh.

Begitu juga sekiranya ada kalangan tentera Islam yang menyebabkan tentera musuh marah dengan rempuhan yang dilakukan, maka ini juga dibolehkan. Syeikh turut mendoakan supaya Allah s.w.t. membalas pemuda itu dengan sebaik-baik ganjaran.

Perkara yang ditegah adalah melakukan perkara yang tidak membawa manfaat kepada dirinya daripada mana-mana sudut pun. Dia juga tidak bercita-cita bagi membalas dendam kepada musuh, apatah lagi bagi menyelamatkan diri. Tetapi, sekiranya dia cuba menakutkan dan menggetarkan hati musuh dengan cubaan rempuhan yang dilakukan, maka ini juga dibenarkan kerana perbuatan itu adalah sebaik-baik balas dendam dan memberi manfaat besar apabila musuh berasa gentar.

Kata Imam Jasos, "Apa yang disebutkan oleh Imam Muhammad adalah benar, tetapi ulama lain tidak mengharuskannya."

Daripada apa yang dibincangkan ini, berdasarkan hadith Abu Ayyub Al-Ansari, dapat disimpulkan bahawa orang yang membinasakan diri dengan tangannya sendiri, dengan merempuh barisan musuh sewaktu peperangan kepada dua pandangan. Tidak harus dia membinasakan diri sendiri sekiranya perbuatan itu tidak membawa sebarang manfaat kepada agama dan umat Islam.

Namun, sekiranya didapati perbuatan itu mempunyai manfaat kepada agama dan umat Islam, maka dibenarkan dia meledakkan diri sendiri di tengah-tengah kawasan musuh Allah s.w.t. Bahkan, perbuatan itu sangat mulia. Allah s.w.t. memuji sahabat Rasulullah s.a.w. dalam surah *At-Taubah*, ayat 111:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ ۚ يُقَٰتِلُونَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ ۖ

Sesungguhnya Allah sudah membeli daripada orang yang beriman akan jiwa dan harta benda mereka dengan (balasan), bahawa mereka akan beroleh syurga, mereka berjuang pada jalan Allah; maka (antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh.

Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Ali Imran*, ayat 169:

وَلَا تَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ قُتِلُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ أَمْوَٰتًۢا ۚ بَلْ أَحْيَآءٌ عِندَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ ﴿١٦٩﴾

Dan jangan sekali-kali engkau menyangka orang yang terbunuh pada jalan Allah itu mati, bahkan mereka hidup di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki.

Allah s.w.t. menjelaskan juga dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 207:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَشْرِى نَفْسَهُ ٱبْتِغَآءَ مَرْضَاتِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ رَءُوفٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿٢٠٧﴾

Dan antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredhaan Allah; dan Allah pula amat belas-kasihan akan hamba-hamba-Nya.

Ayat-ayat ini menyebut tentang pujian Allah s.w.t. kepada mereka yang memberikan jiwa dan diri mereka untuk agama Allah s.w.t.

Imam Jasos berkata lagi, "Oleh itu, seharusnya hukum menyuruh melakukan kebaikan dan melarang daripada melakukan kemungkaran, ketika sesuatu perkara memberi manfaat kepada agama dan seseorang itu mengorbankan nyawanya sendiri sehingga dia terbunuh, itu adalah tempat paling tinggi di sisi Allah."

Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Luqman,* ayat 17:

Wahai anakku, dirikanlah solat, dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar, dan bersabarlah atas segala yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada perkara-perkara yang dikehendaki melakukannya.

Dilaporkan daripada Ikrimah, daripada Ibnu Abbas, daripada Nabi Muhammad s.a.w. menjelaskan, "Sebaik-baik syuhada (golongan yang mati berjuang di jalan Allah) adalah Hamzah bin Abdul Mutalib serta seorang pemuda yang berkata benar di hadapan seorang sultan yang zalim dan selepas itu dia dibunuh."[2]

Dilaporkan daripada Abu Said Al-Khudri, Rasulullah s.a.w. berkata, "Sebaik-baik jihad adalah mengatakan kebenaran ketika berhadapan dengan sultan yang zalim."[3]

Syeikh Jasos juga menyebut dalam hadith yang dilaporkan oleh Abu Hurairah, sebuah hadith *marfu',* iaitu hadith yang sampai kepada Rasulullah s.a.w., "Seburuk-buruk pemuda adalah pemuda yang bakhil dan pengecut."[4]

Beliau mengulas hadith itu dengan mengatakan, seorang pengecut itu dicela dan kami memuji orang yang sentiasa ke hadapan dan berani.

Sifat-sifat ini memberi manfaat kepada agama dan dia yakin dengan kemusnahan yang akan dibalas kepada pihak musuh.[5]

Pendapat Imam Qurtubi Al-Maliki

Imam Al-Qurtubi, seorang bermazhab Maliki, menyebut dalam tafsir beliau, "Ulama berbeza pendapat dalam memberi pandangan mengenai hukum seorang tentera Islam yang mara seorang diri ke barisan musuh. Kemudian, dia berlawan dalam barisan itu seorang diri semasa berada di medan peperangan."

Qosim Ibnu Mukhoimirah, Qosim bin Muhammmad, dan Abdul Malik daripada kalangan ulama kita berpandangan, tidak mengapa jikalau seorang tentera Islam memecahbelahkan barisan musuh dengan mara seorang diri di barisan hadapan musuh sekiranya dia memiliki kekuatan yang hebat dalam menggerunkan pihak lawan. Begitu juga sekiranya dia berniat ikhlas kerana Allah s.w.t.

Sekiranya seorang tentera tidak memiliki kekuatan, tetapi cuba untuk mara memecahkan barisan pihak lawan seorang diri, maka perbuatan itu tidak digalakkan. Ia membawa kemudaratan kepada diri sendiri dan tidak memberi manfaat kepada tentera Islam lain.

Pendapat lain menyebut, sekiranya seseorang ingin menegakkan syahadah, iaitu kalimah tauhid la ilaha illallah, dan berniat ikhlas kerana Allah s.w.t., maka dia bersungguh-sungguh berjuang di medan perang. Cara yang digunakannya adalah merempuh barisan musuh seorang diri bagi mengucar-ngacirkan barisan musuh. Maka, apa yang dilakukan oleh dirinya itu dibolehkan kerana dua perkara:

Sama ada ingin menegakkan syahadah ataupun niat yang ikhlas kerana Allah s.w.t.

Ibnu Khuaiz Mindad berkata, sekiranya seseorang merempuh seorang diri ke dalam sebuah barisan lawan, sama ada lawannya berjumlah 100 orang, seramai sepasukan askar, ataupun sekumpulan perompak yang memeranginya, ataupun puak Khawarij, iaitu golongan yang terkeluar daripada Ahli Sunnah wal Jamaah, maka situasi itu terbahagi kepada dua:

Pertama: Sekiranya dia mengetahui dan menyangka orang yang dirempuh itu akan terbunuh dan dia terselamat, maka situasi ini dibolehkan.

Kedua: Begitu juga sekiranya dia mengetahui dan menyangka dia akan terbunuh, tetapi dia berhasil membalas dendam kepada musuh, ataupun musuh ditimpa bencana, ataupun memberi kesan mendalam kepada musuh, ia diharuskan. Pada masa yang sama, perbuatan itu juga memberi manfaat kepada orang-orang Islam.

Ibnu Khuaiz Mindad dikhabarkan perihal keadaan tentera Islam berkuda melawan tentera Parsi menunggang gajah. Ketika tentera Islam berkuda mendekati tentera Parsi, kuda tentera Islam terkejut, lalu memecut melarikan diri. Rupa-rupanya kuda tentera Islam takutkan gajah yang ditunggangi oleh tentera Parsi.

Lalu, tentera Islam memikirkan cara bagi membuang rasa takut kuda mereka kepada gajah. Seorang daripada tentera Islam mencipta seekor gajah yang diperbuat daripada tanah. Dia cuba menjinakkan kudanya dengan membawa kuda itu ke hadapan gajah. Dia berkata kepada kudanya, "Ini adalah lawan kamu, kamu sepatutnya membunuhnya!"

Berulang kali dia melakukan perkara yang sama sehingga kuda itu menjadi jinak dan tidak merengek ataupun memecut lari ketika menghadapi seekor gajah. Akhirnya, kuda itu menjadi kuda yang berani dan hebat. Pemilik kuda pun berkata, "Sudah tidak ada halangan untuk aku dan kali ini aku pasti membuka jalan bagi membantu kaum Muslimin."

Begitu juga peristiwa yang berlaku dalam Perang Yamamah. Ketika pemuda berketurunan Hanifah sedang berlatih menunggang kuda, seorang pemuda daripada tentera Islam datang kepada mereka.

Pemuda Islam itu berkata, "Letakkan aku dalam *hajafah*, iaitu sebuah busur pemanah besar yang diperbuat daripada kulit, kemudian lemparkan aku kepada mereka." Lalu, mereka melakukan seperti mana yang diminta oleh pemuda tadi. Beliau seorang sahaja yang terkorban, tetapi akibat daripada tindakan beliau itu, pintu berjaya dibuka kepada seluruh kaum Muslimin.

Imam Qurtubi berkata, daripada cerita itu, dilaporkan bahawa seorang pemuda bertanya kepada Nabi Muhammad s.a.w., "Apakah pandangan Tuan sekiranya aku terbunuh di jalan Allah, dalam keadaan aku ditahan dan dipenjarakan oleh musuh?"

Rasulullah s.a.w. menjawab, "Syurga untuk kamu."

Beliau pun terus menerpa ke arah musuh bagi mengerjakan mereka sehingga beliau terbunuh.[6]

Dalam *Shahih Muslim* ada menyatakan, direkodkan oleh Anas bin Malik, Rasulullah s.a.w. bersendirian tenggelam dalam tentera musuh dalam Perang Uhud bersama tujuh orang Ansar dan dua orang Quraisy. Ketika mereka diserang rasa resah dan ketakutan, Rasulullah berkata, "Sesiapa melawan dan membalas balik serangan musuh terhadap kita, syurga untuk dirinya." Maka, seorang pemuda Ansar menawarkan diri bagi melawan musuh. Pemuda itu terus menyerang dan berlawan sehingga beliau terbunuh. Perkara ini terus berlaku sehingga terbunuhnya ketujuh-tujuh orang Ansar.

Kemudian, dalam satu laporan mengatakan, selepas itu Rasulullah s.a.w. menjelaskan, "Kita (Quraisy) tidak berlaku adil terhadap sahabat-sahabat kita (Ansar). Mengapa kita membiarkan mereka berperang sehingga mereka terbunuh?"

Manakala, ada juga dalam laporan hadith yang lain mengatakan, Rasulullah s.a.w. menjelaskan, "Sahabat-sahabat kita (golongan yang berundur dari medan perang) tidak berlaku adil terhadap kita."

Perbezaan maksud dalam kedua-dua laporan hadith itu disebabkan oleh perbezaan para pelapor meletakkan baris pada huruf *fa* dan *ba* dalam kata-kata Nabi s.a.w. Laporan pertama di atas dilaporkan dengan cara bacaan *ma ansafna ashabana*. Manakala, laporan kedua pula dibaca dengan cara *ma ansafana ashabuna*.

Kemudian, Imam Qurtubi menyebut, sekiranya seorang tentera Islam melawan 1000 orang tentera Musyrikin, dengan tujuan menyelamatkan

umat Islam ataupun mengalahkan tentera musuh, maka dibenarkan. Jikalau selain daripada tujuan itu, maka perbuatannya tidak digalakkan. Hukumnya makruh kerana membinasakan dirinya dan tidak memberi manfaat kepada umat Islam.[7]

Pendapat Imam Ar-Razi As-Syafi'i

Imam Ar-Razi menyebut dalam tafsirnya berkenaan surah *Al-Baqarah* ayat 195, bahawa jangan kamu menyerbu masuk ke barisan hadapan musuh sekiranya perbuatan itu tidak memberi manfaat kepada kamu. Tindakan ini mensia-siakan kematian mereka sahaja. Perbuatan itu tidak dihalalkan.

Namun, menjadi hukum wajib pula bagi menyerbu masuk ke barisan musuh jikalau seorang tentera Islam itu bersungguh-sungguh membalas dendam dan tidak takut akan terbunuh.

Sekiranya seseorang itu tidak ingin membalas dendam, namun jikalau merempuh musuh dia akan dibunuh, jadi dia tidak boleh menyerbu.

Pandangan ini diutarakan oleh Barra' bin 'Azib yang diambil daripada Abu Hurairah, yang menyatakan pendapat beliau ini berdasarkan ayat, 'pemuda ini adalah pemuda yang berpisah daripada dua barisan.'

Terdapat beberapa orang yang tidak setuju dengan takwil ini. Imam Ar-Razi berkata, antara orang yang tidak setuju dengan takwil yang diberikan ini adalah, orang yang membunuh dengan cara ini tidak haram. Pandangan yang mengatakan sebegini terbahagi kepada beberapa pandangan:

Pertama: Dilaporkan, terdapat seorang pemuda daripada kalangan Muhajirin merempuh masuk barisan musuh. Kemudian, mereka yang berada di sekitar kawasan itu terus menjerit menyebut ayat Al-Quran yang bermaksud, "Kamu sudah membinasakan diri kamu dengan tangan kamu sendiri!" Lalu Abu Ayyub Al-Ansari berkata, "Kami mengetahui ayat itu, ia diturunkan kepada kami." Penjelasan ini sama seperti kisah yang disebut dalam tafsir Imam Jasos yang menghuraikan cerita tentang sebab turunnya ayat itu.

Kedua: Dilaporkan daripada Imam As-Syafi'i, Rasulullah s.a.w. bercerita tentang syurga. Terdapat seorang pemuda daripada kalangan Ansar bertanya kepada Rasulullah s.a.w., "Apakah pandangan Tuan sekiranya aku terbunuh dalam keadaan ditahan?" Rasulullah s.a.w. menjawab, "Syurga untuk kamu." Lalu, pemuda tadi merempuh ke barisan musuh dan mengayun pedangnya melawan musuh sehingga dia terbunuh ketika dia masih di sisi Rasulullah s.a.w. Terdapat juga seorang pemuda yang melempar baju besinya selepas mendengar Rasulullah s.a.w. menyebut syurga, lalu dia meluru ke barisan musuh dan berlawan menggunakan pedangnya hingga ke titisan darah terakhir."

Ketiga: Seorang pemuda daripada kaum Ansar yang sudah berpaling daripada Bani Muawiyyah berjalan di medan perang. Ketika dia berjalan mencari jasad-jasad sahabatnya yang syahid, dia melihat terdapat beberapa ekor burung sedang mengelilingi jasad sahabatnya yang syahid. Dia kemudiannya berkata kepada beberapa orang sahabat lain yang masih hidup dan ada bersama-samanya, "Aku akan berhadapan dengan musuh bagi membunuh mereka dan aku tidak akan berpaling ke belakang melihat sahabat aku yang dibunuh." Selepas itu. dia melakukan seperti mana yang dia katakan. Cerita itu sampai ke pengetahuan Rasulullah s.a.w., lalu Baginda mendoakan lelaki itu dengan doa yang baik.

Keempat: Dilaporkan, terdapat satu kaum mengepung kubu. Pemuda-pemuda yang dikepung melawan dan saling berbunuhan dengan orang-orang yang mengepung mereka sehingga terbunuh. Dikatakan kepada mereka, "Sesungguhnya kamu sudah membinasakan diri kamu dengan tangan kamu sendiri."

Saidina Umar Al-Khattab r.a. mengetahui cerita itu lalu berkata, "Mereka yang mengatakan pemuda itu sudah membinasakan dirinya sendiri sebenarnya sudah berdusta. Adakah mereka tidak mengetahui bahawa Allah menjelaskan, 'Dan ada dalam kalangan manusia yang membeli diri mereka bagi mencari keredhaan Allah.'"

Daripada semua pandangan-pandangan ulama ini, dapat kita simpulkan, haram seseorang itu meluru ke barisan musuh sekiranya dia tidak mampu membalas dendam kepada tentera musuh atau tentera

lawan. Tetapi, jikalau dia mampu membalas dendam dan menghancurkan barisan musuh, perbuatan itu diharuskan.[8]

Pendapat Imam Ibnu Kathir dan Imam At-Thabari

Hafiz Ibnu Kathir melaporkan, seorang pemuda berkata kepada Barra' bin 'Azib Al-Ansari, "Sekiranya aku merempuh ke barisan musuh, lalu mereka membunuh aku, apakah aku akan membinasakan diriku dengan tanganku sendiri?"

Beliau menjawab, "Tidak, kamu tidak membinasakan diri kamu sendiri. Allah berkata kepada Rasulullah, 'Oleh itu, berperanglah (wahai Muhammad) pada jalan Allah bagi membela Islam daripada pencerobohan musuh. Kamu tidak dibebankan selain daripada kewajipan kamu sendiri.'"

Ayat ini menyebut tentang nafkah, iaitu meninggalkan nafkah untuk berjihad.[9]

Imam At-Thabari melaporkan dalam tafsirnya, daripada Abu Ishak As-Sabie' berkata, "Aku berkata kepada Barra' bin 'Azib (seorang sahabat Rasulullah s.a.w.), 'Wahai Abu Imarah, seorang pemuda berhadapan dengan 1000 orang musuh, lalu meluru masuk ke barisan musuh. Tetapi dia sendiri sahaja yang merempuh masuk (adatnya dia akan terbunuh, tidak mustahil). Apakah dia termasuk dalam kalangan orang yang Allah sebut dalam kata-kata-Nya, *jangan kamu membinasakan diri dengan tangan kamu sendiri*.' Dia kemudiannya berkata, "Tidak, dia tidak termasuk dalam kalangan orang yang Allah katakan itu. Dia akan membunuh musuh sehingga dia terbunuh."

Allah s.w.t. memberitahu kepada Nabi-Nya dalam surah *An-Nisaak*, ayat 84:

Oleh itu, berperanglah di jalan Allah; engkau tidak diberati selain daripada kewajipanmu sendiri.

Pendapat Imam Ibnu Taimiyyah

Syeikhul Islam Imam Ibnu Taimiyyah menyebut dalam fatwa beliau yang masyhur mengenai hukum membunuh tentera Tatar. Berdasarkan dalil yang disebutkan oleh Imam Muslim dalam kitab shahih beliau. Daripada Nabi Muhammad s.a.w., Baginda bercerita tentang Ashabul Ukhdud. Antara kisah itu, terdapat seorang pemuda menyuruh pemimpin pada zaman itu membunuh diri untuk kebaikan agamanya sendiri. Ketika pembunuh ingin melontarkan anak panah ke arahnya, dia menyuruh pelontar anak panah tadi menyebut *bismillahirabbi ghulam* yang bermaksud, dengan nama Allah, Tuhan pemuda ini.

Imam Ibnu Taimiyyah berkata, berdasarkan dalil cerita itu, ulama empat mazhab, iaitu Imam As-Syafi'i, Hanafi, Maliki, dan Hanbali membolehkan seorang Muslim merempuh pihak musuh seorang diri, sekiranya dia menyangka dia akan menang meskipun musuh pasti membunuh dirinya. Perbuatan Muslim itu membawa manfaat besar kepada umat Islam. Kami sudah memanjang lebarkan perbincangan kami perihal perbahasan ini dalam tajuk-tajuk yang lain.[10]

Pendapat Imam Syaukani

Imam Syaukani menyebut, kita mengira sesuatu hukum berdasarkan lafaznya yang umum. Bukannya berdasarkan sebabnya yang khusus. Setiap perkara yang dirasakan benar-benar akan merosakkan agama ataupun merosakkan dirinya di dunia, maka ia termasuk dalam kata-kata Allah s.w.t.

Antara situasi yang termasuk dalam kata-kata Allah s.w.t. itu adalah, seorang pemuda yang menyerbu masuk ke barisan musuh dalam satu peperangan, lalu berlawan dengan tentera musuh. Tetapi, dia tidak mampu melepaskan diri daripada cengkaman musuh dan tidak memberi apa-apa manfaat kepada kaum Muslimin.

Namun, ketika dia menggempur musuh memecahkan barisan mereka dan membahayakan diri sendiri, perbuatan itu memberi manfaat kepada

mujahidin[11], menakutkan dan menggentarkan jiwa musuh. Maka, situasi itu tidak membawa kepada kebinasaan.

Pendapat Syeikh Rashid Redha

Pada zaman sekarang, Syeikh Rashid Redha menyebut, antara perkara yang termasuk dalam perkara dilarang adalah, menyerbu barisan musuh ketika peperangan. Dalam masa yang sama, dia tidak mengetahui selok-belok peperangan dan tipu daya yang dirancang oleh musuh. Perbuatan seperti itu termasuk dalam perkara yang tidak disyariatkan. Sikap itu menampakkan ketidakmatangan dan mengikut hawa nafsu. Ia bukan sikap yang membantu kebenaran.[12]

Ini bermaksud, perbuatan bahaya dalam pensyariatan Islam boleh dilakukan bagi menakutkan musuh-musuh Allah s.w.t., menggentarkan hati mereka, mencari kemenangan dalam kebenaran, dan tidak mengikut hawa nafsu semata.

Dr. Yusuf Al-Qaradhawi berasakan, kebenaran sudah jelas terpampang. Cahaya terang menerangi kedua-dua belah mata. Semua kata-kata ini kembali kepada orang yang bertangguh. Ia ditujukan kepada mereka yang mentohmah pemuda beriman kepada Allah s.w.t., Tuhan mereka dan ditambahkan petunjuk kepada kehidupan mereka. Mereka sudah menjual diri mereka ke jalan Allah s.w.t., mengorbankan nyawa, dan dibunuh demi menegakkan agama Allah s.w.t. Apakah para mujahidin memusnahkan masa depan mereka dengan tangan mereka sendiri?

Insya Allah, mereka tergolong dalam kalangan mereka yang syahid di jalan Allah s.w.t. Mereka tetap hidup dan tidak mati sama sekali. Mereka kekal dan tidak akan hilang.

Kesimpulannya, perbuatan itu perlu dinilai berdasarkan kesan positif dan negatif yang akan dihadapi oleh umat Islam. Jikalau kita mendapati pada perbuatan itu terdapat kebaikan, maka kita perlu percaya dan bertawakal kepada Allah s.w.t. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Anfal*, ayat 49:

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَإِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah maka sesungguhnya Allah maha kuasa, lagi maha bijaksana.

Nota Hujung

1. Ibnu Kathir menisbahkan hadith ini dalam kitab tafsir beliau kepada Imam Abu Daud, At-Tirmidzi, An-Nasaie, Abu Ya'la, dan Ibnu Hibban dalam kitab shahih beliau. Al-Hakim juga melaporkan hadith ini dengan syarat As-Syaikhaini dan lain-lain. Lihat: Ibnu Kathir (1/228, 229), cetakan Al-Halabi.

2. Al-Hakim melaporkan dan menshahihkannya daripada hadith Jabir. Az-Zahabi membantah. Al-Albani menshahihkan daripada jalan yang dilaporkan oleh Al-Khatib dalam kitab *Tarikh* beliau.

3. Direkodkan oleh Imam Abu Daud, At-Tirmidzi, dan Ibnu Majah daripada Atiyah Al-Aufa. Imam At-Tirmidzi berkata: *hasan gharib*. Imam An-Nasaie merekodkan hadith ini dengan *isnad* yang shahih seperti yang dikatakan oleh Al-Mundziri daripada Thoriq bin Shihab. *Al-Muntaqa min At-Targhib* (1364).

4. Direkodkan oleh Imam Abu Daud (2511), Ahmad (7977). Dishahihkan oleh Syeikh Syakir, dan Ibnu Hibban dalam kitab shahih beliau (3250).
5. *Ahkam Al-Quran li Abi Bakar Al-Jasos* (1/262, 263).
6. Direkodkan oleh Imam Muslim dalam *Al-Jihad*, bab *Perang Uhud* (3/1415), nombor (1789).
7. *Tafsir Al-Qurtubi* (2/363), cetakan Dar Al-Kutub Al-Misriyah.
8. *Tafsir Al-Fakhr Ar-Razi* (2/148).
9. *Tafsir Ibnu Kathir* (1/229), cetakan Al-Halabi.
10. Lihat: *Majmu' Fatawa Syeikh Al-Islam Ibnu Taimiyyah* (28/540).
11. *Fath Al-Qodir*, As-Syaukani (1/262), cetakan Dar Al-Wafa, Mesir.
12. *Tafsir Al-Manar* (2/213).

Bab 5

Penyertaan Kaum Wanita dalam Mempertahankan Agama Allah s.w.t.

Soalan

Apakah pandangan Tuan perihal penyertaan wanita dalam pertempuran di Palestin menghadapi kaum Yahudi yang merampas tanah mereka, terutamanya mereka yang syahid menentang Zionis.

Antara wanita yang membabitkan diri dalam pertempuran itu adalah Wafa' Idris, Ayaat Akhras, Indlib, dan ramai lagi pejuang-pejuang wanita Palestin. Wanita-wanita itu menghadapi pelbagai tekanan sehingga dipaksa membuka hijab mereka pada saat-saat terakhir sebelum mereka syahid.

Kami berharap, Tuan dapat menjelaskan berkenaan hukum yang berlaku. Kami juga mengharapkan supaya Tuan sertakan bersama dalil daripada Al-Quran dan As-Sunnah yang membenarkan perkara ini.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Terima kasih kepada yang bertanya. Segala puji untuk Allah s.w.t. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Dalam hadith ada menyebut, "Sesungguhnya wanita itu saudara kandung lelaki." Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *At-Taubah*, ayat 71:

وَٱلۡمُؤۡمِنُونَ وَٱلۡمُؤۡمِنَٰتُ بَعۡضُهُمۡ أَوۡلِيَآءُ بَعۡضٖۚ يَأۡمُرُونَ
بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَيَنۡهَوۡنَ عَنِ ٱلۡمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ
ٱلصَّلَوٰةَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَيُطِيعُونَ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥٓۚ
أُوْلَٰٓئِكَ سَيَرۡحَمُهُمُ ٱللَّهُۗ إِنَّ ٱللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٞ ٧١

Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong untuk setengahnya yang lain. Mereka menyuruh

berbuat baik, dan melarang daripada berbuat kejahatan; dan mereka mendirikan solat dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah maha kuasa, lagi maha bijaksana.

Ayat itu menunjukkan, wanita beriman sama-sama memikul tanggungjawab dengan golongan lelaki beriman, iaitu daripada sudut kewajipan keagamaan dan daripada sudut masyarakat umum.

Contohnya, menyuruh melakukan kebaikan dan melarang melakukan kemungkaran. Antara kewajipan keagamaan yang lain adalah daripada sudut solat, zakat, serta ketaatan kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya sehingga semua makhluk dirahmati oleh Allah s.w.t.

Allah s.w.t. menjawab permohonan Mukminin daripada *ulul albab,* iaitu cendekiawan dalam surah *Ali Imran*, ayat 195:

فَٱسْتَجَابَ لَهُمْ رَبُّهُمْ أَنِّى لَآ أُضِيعُ عَمَلَ عَٰمِلٍ مِّنكُم مِّن ذَكَرٍ أَوْ أُنثَىٰ ۖ بَعْضُكُم مِّنۢ بَعْضٍ ۖ فَٱلَّذِينَ هَاجَرُوا۟ وَأُخْرِجُوا۟ مِن دِيَٰرِهِمْ وَأُوذُوا۟ فِى سَبِيلِى وَقَٰتَلُوا۟ وَقُتِلُوا۟ لَأُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّـَٔاتِهِمْ وَلَأُدْخِلَنَّهُمْ جَنَّٰتٍ تَجْرِى مِن تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ ثَوَابًا مِّنْ عِندِ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلثَّوَابِ ﴿١٩٥﴾

Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (kata-Nya), "Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang yang beramal dalam kalangan kamu, sama ada lelaki ataupun perempuan, (kerana) setengah kamu (keturunan) daripada

setengahnya yang lain; maka orang yang berhijrah dan diusir keluar dari tempat tinggalnya, dan yang disakiti pada jalan agama-Ku, yang berperang dan yang terbunuh, sesungguhnya Aku hapuskan daripada mereka kesalahan-kesalahan mereka dan bahawa Aku akan masukkan mereka ke syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala di sisi Allah. Dan di sisi Allah jugalah pahala yang sebaik-baiknya (untuk mereka yang beramal soleh)."

Ayat ini menjelaskan, Allah s.w.t. tidak mensia-siakan amalan-amalan terbaik daripada hamba-Nya, sama ada lelaki ataupun wanita.

Ayat Al-Quran itu menjelaskan tujuan paling penting penciptaan kedua-dua jenis manusia ini, iaitu, wanita dan lelaki bagi melengkapi antara satu sama lain. Lelaki itu sebahagian daripada wanita dan wanita itu sebahagian daripada lelaki. Lelaki menyempurnakan wanita dan wanita itu melengkapi urusan lelaki. Oleh itu, lelaki berhajat kepada wanita dan wanita berhajat kepada lelaki. Sama-sama melengkapi dan tidak ada percanggahan dan perlawanan antara satu sama lain.

Kemudian, ayat itu juga menjelaskan pelbagai amalan yang akan dibalas oleh Allah s.w.t. dengan pahala sekiranya hamba-hamba-Nya melakukan amalan-amalan itu. Antaranya, hijrah, mengalihkan perkara yang menyakitkan daripada jalan, saling berjuang dan membunuh musuh di jalan Allah s.w.t., dan pelbagai amalan lain. Perkara ini semuanya mampu dilakukan oleh lelaki dan wanita seperti yang disebut dalam Al-Quran.

Dalam *Shahih Bukhari*, bab *Wanita di Medan Peperangan,* menyebut tentang apa yang berlaku kepada Ummahatul Mukminin, dan sahabat-sahabat wanita yang bertugas ketika membantu tentera-tentera mujahidin yang terbunuh dan membunuh orang yang berpaling daripada jalan Allah s.w.t. Antaranya, peristiwa yang berlaku dalam Perang Uhud dan peperangan lain.

Hadith Ummu Haram binti Milhan menyebut, ketika Rasulullah s.a.w. tidur di rumahnya, Rasulullah s.a.w. mendapat mimpi yang mengembirakan Baginda. Rasulullah s.a.w. pun menceritakan apa yang

dilihat kepada Ummu Haram. Baginda berkata, "Aku melihat umatku berperang di atas laut seumpama raja yang sedang bersemayam di atas singgahsana." Ummu Milhan berkata, "Wahai Rasulullah, doakan semoga aku menjadi seorang daripada mereka!" Lalu, Rasulullah s.a.w. pun menjawab, "Sesungguhnya engkau daripada kalangan mereka."

Itu adalah cita-cita seorang wanita Muslimah. Beliau ingin menaiki kapal di lautan untuk berperang membantu agama Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. pula memberi galakan kepada beliau.

Ulama fiqh menyebut, jihad mempertahankan negara memerlukan penyertaan daripada lelaki dan wanita untuk bertempur mempertahankan negara. Mereka perlu memenuhi setiap sudut yang diperlukan dan tidak perlu meminta izin lelaki.

Ini berbeza dengan jihad menuntut, iaitu ketika jihad menuntut, musuh berada di negara mereka. Kita yang memerangi mereka dan meminta daripada mereka. Wanita tidak dibenarkan membabitkan diri dalam perang itu sekiranya tidak mendapat izin daripada ketua keluarga. Seorang isteri perlu memohon persetujuan daripada suami ataupun daripada ayah, sekiranya dia belum berkahwin.

Jihad mempertahankan negara sendiri adalah satu situasi berbeza. Jihad mempertahankan negara adalah satu bentuk keterpaksaan dan bukannya pilihan. Sesuatu umat tidak dibenarkan membiarkan musuh memeranginya dan merampas tanah airnya. Umat Islam juga ditegah daripada membiarkan musuh menjatuhkan maruah kaum kerabatnya dan dia pula senyap tidak memberi apa-apa tindak balas.

Ulama fiqh daripada pelbagai mazhab dan sekolah Islam sepakat mengatakan, jihad dalam keadaan itu fardhu ain, terhadap penduduk negara yang diperangi. Bertempur dengan kadar kemampuan yang ada pada diri adalah wajib.

Dalam satu situasi jihad menuntut, hak pelaksanaan ke atas individu gugur daripada menjadi tanggungjawabnya sekiranya kesemua mereka bersama-sama mempertahankan dan melindungi kehormatan tanah air.

Kata ulama fiqh lagi, wanita boleh keluar mempertahankan negara tanpa izin suami. Begitu juga seorang anak boleh keluar berjihad tanpa izin ayahnya, hamba tanpa izin tuannya, dan pekerja tanpa izin majikannya. Tidak ada ketaatan kepada makhluk ketika makhluk itu menyuruh dalam melakukan maksiat kepada Penciptanya.

Oleh itu, daripada sini kita dapat melihat, seorang wanita perlu berjihad dan bertempur bagi mempertahankan negara dengan segala kemampuan yang dimiliki. Lelaki dan wanita saling melengkapi antara satu sama lain. Sama ada dalam keadaan susah ataupun senang, dalam keadaan aman ataupun berperang.

Wanita juga sama-sama memiliki tanggungjawab berjihad mempertahankan negara. Terutamanya ketika kaum lelaki mereka ditimpa kesusahan dan berada di tali gantung sehingga mereka menjadi kalangan orang yang membunuh dan terbunuh dalam pertempuran. Ini seperti yang dijelaskan dalam surah *Ali Imran*.

Wanita boleh membuka hijab atau tudung sekiranya keadaan memaksa dia supaya melakukan begitu. Situasi itu untuk sementara sahaja, sebelum dia bertempur. Apabila musuh dalam keadaan lalai dan dia terlepas daripada pandangan musuh, dia wajib memakai kembali tudungnya.

Ini adalah antara hukum darurat yang dipelihara oleh syariat Islam. Syariat Islam meraikan suasana setempat dan meringankan hukum dalam keadaan-keadaan darurat. Pelaksanaan hukum Islam diringankan mengikut keadaan setempat. Surah *Al-Baqarah*, ayat 173 menerangkan:

فَمَنِ ٱضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَآ إِثْمَ عَلَيْهِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

...maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang dia tidak mengingininya dan tidak pula melampaui batas, maka

tidaklah dia berdosa. Sesungguhnya Allah maha pengampun, lagi maha mengasihani.

Antara kaedah yang ditetapkan oleh syarak adalah, perkara yang diharamkan secara zatnya diharuskan ketika keadaan darurat. Apa yang diharamkan bagi menutup jalan-jalan maksiat diharuskan ketika berhajat. Ulama fiqh menurunkannya ke taraf darurat.

Perbuatan menunjukkan aurat kepala dan melepaskan hijab di depan *ajnabi*, iaitu orang yang halal untuk dikahwini, adalah haram bagi mengelakkan maksiat seperti zina berlaku. Ia tidak haram secara zatnya. Begitu juga hukum seorang wanita yang ingin berubat. Ulama fiqh mengharuskan mereka membuka aurat sekiranya perlu untuk tujuan perubatan, walaupun dalam perihal kewanitaan.

Justeru, tidak menjadi halangan untuk wanita Muslimah yang sedang menghadapi peperangan dipaksa membuka hijab di hadapan musuh Islam, membuka hijab mereka sekiranya mereka dalam keadaan terdesak.

Penetapan hukum fiqh yang membabitkan penjagaan kemaslahatan terbahagi kepada beberapa peringkat, iaitu sekiranya *maslahah dhoruriyyah, iaitu* keperluan bertembung dengan *maslahah hajiyyat,* iaitu memenuhi hajat keselesaan dan *maslahah tahsiniyyah, iaitu* memenuhi keinginan, maka maslahah dhoruriyyah perlu didahulukan.

Mempertahankan negara dan kedaulatannya ketika menghadapi musuh di Gaza, adalah satu bentuk maslahah dhoruriyyah. Begitu juga sekiranya bertembung maslahah seorang wanita yang terpaksa membuka hijab. Ini termasuk dalam maslahah tahsiniyyah ataupun hajiyyat mengikut kemampuan yang paling tinggi.

Begitu juga apabila *maslahah juziyyah,* iaitu secara beberapa bahagian bertembung dengan *maslahah kuliyyah,* iaitu secara keseluruhan ataupun pertembungan antara *maslahah khusus,* iaitu individu dengan *maslahah umum*, iaitu jemaah.

Daripada seluruh perbincangan ini, kita dapat melihat bahawa apa yang dilakukan oleh wanita-wanita dalam mempertahankan tanah air adalah amalan yang disyariatkan dan diberkati. Itu adalah sebesar-besar jihad di jalan Allah s.w.t. Ini kerana, perbuatan seperti itu mampu menakutkan musuh Allah s.w.t. dan menggentarkan hati orang kafir. Selawat dan salam hanya untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Bab 6

Hukum Menyerah Kalah dalam Mempertahankan Baitul Maqdis

Soalan

Kami mengharap supaya Tuan dapat menjelaskan hukum syarak berdasarkan pendirian yang dipegang oleh Presiden Palestin, Yasir Arafat. Beliau menyerahkan Quds dan semua yang ada di Baitul Maqdis itu, sama ada tempat yang disucikan oleh orang Islam ataupun tempat yang disucikan oleh orang Kristian.

Antaranya, Masjid Al-Aqsa, Qubah As-Shakhra, Masjid Umar Ibnu Khattab, dan banyak lagi tempat waqaf milik umat Islam. Selain itu, di situ juga terdapat gereja hari kiamat, jalan yang dilalui oleh Al-Masih Isa a.s., dan tempat-tempat suci untuk agama Kristian yang lain.

Adakah Arafat dengan mudah menyerahkan Baitul Maqdis, menyahut perjanjian yang diutarakan oleh Yahudi dan Amerika? Kenapa bangsa Arab dan umat Islam yang lain di setiap penjuru diam, masih berteleku, dan tidak melakukan apa-apa tindakan terhadap apa yang dilakukan oleh orang kafir kepada umat Islam di bumi Palestin?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Segala puji untuk Allah s.w.t. Selawat dan dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Presiden Palestin, Yasir Arafat ataupun orang lain tidak harus menyerahkan bumi Islam kepada sesiapa pun, walau seinci. Bumi Islam tidak dimiliki oleh pemerintah, ketua, menteri, ataupun mana-mana kumpulan manusia kecuali beliau pasti menghadapi kumpulan penentang.

Setiap individu dan masyarakat wajib untuk berjihad. Begitu juga kepada kumpulan dan penentang bagi membebaskan bumi Islam yang dirampas daripada tangan musuh. Seandainya bumi itu dirampas, maka masyarakat bumi itu perlu bersedia bagi menghadapi musuh.

Semua umat akan ditanya dan perlu bertanggungjawab atas apa yang berlaku. Tidak ada hakim yang dapat memutuskan. Tidak ada orang yang dapat membantu orang yang memandang remeh perkara itu daripada dihukum.

Sekiranya satu generasi daripada generasi Islam dalam keadaan lemah, maka kelemahan yang dihadapi oleh generasi itu tidak sepatutnya dipindahkan kepada generasi yang akan datang. Keadaan ini berterusan sehingga hari kiamat. Umat Islam tidak harus menyerahkan sesuatu kepada mereka yang tidak berhak menerimanya.

Justeru, kami mengeluarkan fatwa mengharamkan jual beli bumi Palestin kepada musuh Islam. Haram menerima ganti rugi ataupun pampasan daripada hasil jualan bumi Palestin selepas penduduk Palestin dihalau keluar dan menjadi pelarian di seluruh dunia. Walaupun pampasan itu mencapai harga jutaan dolar, bumi Islam tidak sekali-kali boleh dijual, diserahkan, ataupun digadai kepada musuh, walau dengan apa keadaan sekalipun. Sesiapa yang melakukannya, dia sudah mengkhianati Allah s.w.t., Rasul-Nya, dan seluruh umat Islam.

Sekiranya hukum itu hanya difokuskan pada bumi Islam sahaja hukumnya haram, apatah lagi jikalau hukum itu diletakkan atas Baitul Maqdis, Palestin? Tempat yang menjadi kiblat pertama umat Islam, negeri yang terdapat Masjid Al-Aqsa. Bahkan, Palestin adalah tanah suci ketiga yang dimuliakan selepas Makkah dan Madinah. Bumi Palestin juga adalah tempat berakhirnya Israk Rasulullah s.a.w. dan bermulanya Mikraj Baginda ke langit. Allah s.w.t. memuliakan bumi itu dengan menyebutnya dalam Al-Quran. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Israk*, ayat 1:

سُبْحَٰنَ ٱلَّذِىٓ أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِۦ لَيْلًا مِّنَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ إِلَى ٱلْمَسْجِدِ ٱلْأَقْصَا ٱلَّذِى بَٰرَكْنَا حَوْلَهُۥ لِنُرِيَهُۥ مِنْ ءَايَٰتِنَآ

Maha suci Allah yang sudah menjalankan hamba-Nya pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjid Al-Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk diperlihatkan kepadanya tanda kekuasaan Kami.

Baitul Maqdis memiliki tempat istimewa dalam hati orang Islam, sama ada umat Islam di timur ataupun barat. Baitul Maqdis menjadi denyut jantung orang Islam. Rasa cinta terhadap Baitul Maqdis meresap ke dalam pembuluh darah dan mengalir dalam sel darah setiap orang Islam. Baitul Maqdis sememangnya dipelihara oleh masyarakat Islam.

Keadaan yang berlaku di Palestin adalah keadaan paling utama yang perlu diketahui oleh orang Islam. Kita sepatutnya berasa bimbang dengan keadaan yang berlaku. Perlu ada golongan yang memelihara, mempertahankan, dan sanggup terbunuh dalam mempertahankan bumi Palestin. Sekiranya bumi Palestin terlepas daripada genggaman umat Islam, pasti ia tidak dapat diganti walaupun dengan barang paling berharga.

Baitul Maqdis adalah simbol keadaan yang berlaku di Palestin. Baitul Maqdis menjadi roh kepada bumi Palestin. Sebuah syair menyebut:

Apa ertinya Palestin # Tanpa Aqsa dan Quds

Palestin tanpa Quds # Ibarat jasad tanpa kepala

Perdana Menteri Palestin, iaitu Arafat, menurunkan tandatangan Perjanjian Kem David kedua yang menyetujui penyerahan bumi Palestin kepada musuh Islam.

Sekiranya perjanjian itu tidak berjaya dan menemui kegagalan, ia adalah titik penentu kejayaan. Tidak hairan selepas Arafat kembali, beliau disambut dengan penuh mulia dan dalam keadaan dialu-alukan.

Baitul Maqdis bukan milik bumi Palestin sahaja, bahkan ia milik semua umat Islam. Sama ada Arab ataupun bukan. Keadaan itu sama seperti bumi Arab yang dimiliki oleh semua keturunan Arab sama ada Islam ataupun Kristian.

Tidak sewajarnya rakyat Palestin sahaja yang memelihara Baitul Maqdis, bahkan tugas itu tergalas di atas bahu semua orang Islam yang berada di setiap penjuru dunia. Oleh itu, kita semua sebagai orang Islam wajib membantu rakyat Palestin serta mempertahankan Baitul Maqdis dan Masjid Al-Aqsa. Mereka wajib mempertahankan diri, harta, ataupun apa yang mereka miliki kerana itu adalah tanggungjawab mereka. Seandainya mereka melepaskan tanggungjawab itu, Allah s.w.t. pasti membalas perbuatan mereka setimpal dengan apa yang mereka lakukan. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *At-Taubah*, ayat 38 hingga ayat 39:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مَا لَكُمْ إِذَا قِيلَ لَكُمُ
ٱنفِرُوا۟ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱثَّاقَلْتُمْ إِلَى ٱلْأَرْضِ ۚ أَرَضِيتُم
بِٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا مِنَ ٱلْءَاخِرَةِ ۚ فَمَا مَتَٰعُ
ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا فِى ٱلْءَاخِرَةِ إِلَّا قَلِيلٌ ﴿٣٨﴾ إِلَّا
تَنفِرُوا۟ يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا
غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّوهُ شَيْـًٔا ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ
شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

Wahai orang yang beriman! Mengapa kamu, apabila dikatakan kepada kamu, "Pergilah kamu untuk berperang pada jalan Allah,

kamu merasa berat di tempat kamu? Adakah kamu lebih suka dengan kehidupan dunia daripada akhirat? Kerana kesenangan hidup di dunia ini hanya sedikit juga berbanding dengan di akhirat.

Jikalau kamu tidak pergi (untuk berperang), Allah akan menyeksa kamu dengan azab yang pedih dan Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain. Dan kamu tidak akan dapat mendatangkan bahaya sedikit pun kepada-Nya. Dan (ingatlah) Allah maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

Ramai pemuda bertanya kepada saya ketika saya melawat negara-negara Islam, mengenai Baitul Maqdis. Mereka bertanya dengan bersungguh-sungguh dan berapi-api. Berkobar-kobar dengan semangat kepemudaan, "Bagaimana kami mampu berlepas tangan dan tidak mempedulikan tanggungjawab yang tergalas di bahu kami? Baitul Maqdis adalah tanggungjawab kami, bagaimana cara untuk kami mempertahankannya?"

Kita dapat rasakan gelojak yang berlaku dalam dunia Islam melonjak naik apabila bangsa Yahudi cuba membakar Masjid Al-Aqsa pada tahun 1969. Ramai masyarakat Islam di serata dunia bangkit menentang penghinaan yang dilakukan oleh Yahudi terhadap Masjid Al-Aqsa. Umat Islam mengikat perjanjian pertama bagi menyelamatkan Baitul Maqdis. Ini dicetuskan oleh anggota Muktamar Islam bagi mempertahan Baitul Maqdis.

Ketika tentera Salib merampas bumi Palestin pada suatu ketika dahulu, ia dibebaskan kembali oleh orang Islam yang bukan berbangsa Arab. Antaranya, Imaduddin Az-Zanki yang berasal dari Turki dan anak beliau Nuruddin Mahmud Syahid, serta pelajarnya Salahuddin Al-Ayyubi yang berasal dari Kurdistan.

Umat Islam di seluruh dunia lebih daripada tiga juta orang berkobar-kobar bersedia untuk berkorban mempertahankan Baitul Maqdis yang dicintai. Ini yang saya rasai sewaktu menziarahi setiap

pemuda, bermula dari negara Filipina, Indonesia, di Timur sehingga tanah barat Arab di Barat.

Tetapi, masih ramai kalangan mereka yang menjadi hamba kepada penjajahan ilmiah dan tunduk kepada pemikiran Barat. Tidak kiralah apa jenis pemikiran yang mereka miliki. Ramai juga dalam kalangan mereka yang berasa besar diri dan ingin kekal dengan jawatan yang dimiliki seolah-olah mereka menyembah berhala. Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah s.w.t.

Para pemimpin tidak mampu melakukan apa-apa, kecuali menyedarkan bangsa mereka dan menyatakan tanggungjawab yang sepatutnya umat Islam lakukan bagi mempertahankan Baitul Maqdis.

Quds adalah sebahagian daripada Darussalam (Palestin). Ia sebahagian daripada tanah negara-negara Islam. Orang Islam menguasai bumi Palestin selama 14 Kurun. Bumi itu tidak pernah dikuasai oleh bangsa Yahudi sebelum ini. Yahudi tidak wujud di bumi itu selama 100 tahun, selepas berakhirnya kerajaan mereka 100 tahun yang lepas.

Negara Yahudi tidak pernah wujud dalam peta dunia, kecuali beberapa tahun kebelakangan ini sahaja. Iaitu selepas Presiden Palestin menandatangani perjanjian yang menggadaikan bumi Palestin. Sebelum itu, Palestin dikuasai oleh orang Arab berketurunan Yabus dan Kan'an sejak 1000 tahun lepas.

Saidina Umar Al-Khattab r.a. mengambil bumi Palestin daripada Batrikaha, seorang Nasrani berketurunan Sofraniyus. Antara syarat yang dikenakan kepada Saidina Umar r.a. adalah, "Jangan kamu membiarkan Yahudi menetap di bumi ini."

Kepimpinan yang menguasai bumi Palestin wajib terdiri daripada kalangan orang beragama Islam, berketurunan Arab, dan berasal dari bumi Palestin. Pada masa yang sama, penganut agama Masihi ataupun Yahudi tidak dilarang mengamalkan agama mereka. Mereka bebas mengamalkan agama mereka. Islam tidak pernah memaksa orang bukan Islam memeluk Islam. Islam sentiasa seiring dengan setiap zaman.

Ketetapan yang ditetapkan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bersifat berat sebelah dan tidak menyebelahi bangsa Arab dan umat Islam. Baitul Maqdis yang dijanjikan kepada bangsa Arab dirampas dan dijadikan Bumi Israel pada tahun 1967.

Selepas kita meneliti sejarah, agama, dan undang-undang negara, jelas dapat kita lihat hak-hak yang sepatutnya dimiliki oleh penduduk Palestin di Quds. Ini adalah tajuk yang wajib menjadi perbincangan utama dalam jadual kerja (Perjanjian Islam). Ia akan dijadikan perbincangan dalam pertemuan di Qatar pada bulan November, 2000. Allah s.w.t. memberitakan dalam surah *Yusuf*, ayat 21:

وَٱللَّهُ غَالِبٌ عَلَىٰٓ أَمْرِهِۦ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ
لَا يَعْلَمُونَ

Dan Allah maha kuasa melakukan segala perkara yang sudah ditetapkan-Nya. Tetapi, kebanyakan manusia tidak mengetahui.

Bab 7

Menerima Ganti Rugi Hasil Gadaian Bumi Palestin adalah Dosa Besar

Soalan

Sebagaimana yang Tuan ketahui, suasana politik yang berlaku sekarang sekitar dunia Islam begitu meruncing. Israel bersikap biadab mengadakan perjanjian dengan rakyat Palestin, tetapi kemudian mengkhianatinya.

Zionis Israel bertepuk tangan kegembiraan dengan apa yang berlaku kepada orang Islam, iaitu saudara kita di Palestin. Mereka bergembira melihat keadaan saudara kita yang menjadi pelarian di bumi sendiri. Saudara kita tidak memiliki hak untuk kembali ke tanah air sendiri. Mereka dihalau tanpa dipedulikan hak mereka yang sepatutnya menjadi ahli peribumi di tanah tercinta Palestin.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menyangka, perjanjian itu memberi hak kepada rakyat Palestin untuk kembali ke bumi dan rumah mereka dengan selamat. Hakikatnya, kami melihat Israel tidak menunaikan kebenaran dalam melaksanakan perjanjian damai dan pembahagian hasil bumi. Setengah daripada hasil itu diberikan kepada individu dan setengah lagi diberikan kepada negara Palestin.

Kami ingin bertanya kepada Tuan dan kami harap mendapat jawapan yang jelas dan nyata daripada soalan kami itu. Adakah rakyat Palestin harus menggadaikan bumi Palestin kepada Israel, Zionis? Selepas itu apakah mereka boleh menerima ganti rugi daripada gadaian itu dalam jumlah yang tinggi? Ataupun mereka tidak harus melakukannya?

Sebahagian daripada kami mengatakan, "Kami melihat kepada keadaan semasa. Kami sudah tidak mampu mempertahankan bumi ini, kami tidak memiliki kekuatan lagi. Jadi, kami mengambil ganti rugi daripadanya. Kami membelanjakan dan menggunakan duit itu bagi melakukan perkara-perkara bermanfaat. Itu menjadi tukaran, daripada kami mensia-siakan peluang yang ada." Apakah kata-kata ini boleh diterima di sisi syarak?

Kami menginginkan penjelasan yang dapat mengubat hati kami. Jawapan yang dapat melepaskan syak wasangka yang menghantui kami. Kami juga ingin menghilangkan kebimbangan dan kehairanan yang sudah lama bersarang dalam hati kami kepada sebahagian daripada manusia. Iaitu mereka yang menimbulkan syak dan orang yang masih waswas.

Semoga Allah s.w.t. memberi taufik kepada Tuan dan memberi manfaat kepada seluruh umat Islam walau di mana juga mereka berada.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Segala puji untuk Allah s.w.t. Selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Seorang Muslim harus menjualkan tanah yang mereka miliki. Mereka boleh menjual dan mengambil ganti daripada tanah itu dengan harga yang dipersetujui oleh penjual dan pembeli. Ini boleh dilakukan sekiranya pembeli tadi berada di negara sepertinya.

Hukum menggadaikan tanah juga harus, kemudian menerima ganti rugi yang setimpal sama ada dalam bentuk harta ataupun duit. Begitu juga dibolehkan sekiranya dia tidak mahu menerima hadiah, sedekah, ataupun sebagainya jikalau penerima tanah berada di sebuah negara sepertinya.

Tanah adalah harta yang dapat dipindah pemilikan daripada tangan ke tangan yang lain. Tetapi, sekiranya tanah itu dimiliki oleh masyarakat, ia kekal menjadi harta milikan umum umat itu, khususnya yang berada di negara Islam. Tanah itu tidak akan berpindah hak milik kepada umat lain. Sekiranya negara itu negara Islam, maka tanah itu tidak berhak ditukarkan pemilikan kepada bangsa ataupun agama lain.

Menjual ataupun menggadai tanah kepada kaum lain dan menerima ganti rugi daripada hasil gadaian sama ada hak milik individu ataupun negara, tidak harus. Ini kerana, ia memindahkan hak milik orang Islam kepada kaum lain. Lebih-lebih lagi bumi Palestin. Ia dirampas oleh musuh tradisi Islam, iaitu Yahudi. Yahudi memusnahkan umat Islam dan

menggunakan pelbagai jenis senjata bagi menghalau penduduk Palestin keluar dari bumi mereka sendiri. Ini memberi peluang kepada musuh bagi menguasai negara Islam.

Hukum menggadaikan bumi Islam bukan semata-mata haram, bahkan ia adalah dosa paling besar. Bukan setakat itu sahaja, bahkan tindakan itu mampu menyebabkan seseorang itu kufur. Semoga Allah s.w.t. melindungi kita daripada tergolong dalam golongan ini.

Dosa itu menjadi berganda sekiranya perbuatan menjual ataupun menggadaikan tanah kepada agama dan bangsa lain dilakukan oleh satu jemaah. Ia seolah-olah satu bangsa sudah menjual tanah air sendiri kepada bangsa lain. Sebuah tanah air tidak mungkin dapat dibeli meskipun dengan setimbun emas seluas negara itu.

Negara sendiri tidak boleh dijual kepada bangsa lain, apatah lagi bumi suci, bumi para nabi? Bumi itu adalah bumi yang Allah s.w.t. berkati seluruh alamnya.

Bumi berkat itu bukan milik pemerintah dan bukan juga milik penduduk di bumi Palestin sahaja. Meskipun ia dijual, ia tetap tidak menjadi milik pembelinya. Bumi Palestin milik seluruh umat Islam yang ada di hujung timur sehingga penjuru barat. Bagi mengekalkan bumi Palestin sebagai hak milik umat Islam, seluruh umat Islam wajib mempertahankan tanah Palestin dengan diri dan segala benda berharga yang mereka miliki.

Bumi Palestin bukan milik generasi ini sahaja, bahkan ia menjadi milik generasi akan datang. Sekiranya generasi kali ini lemah dan tidak mampu mempertahan bumi Palestin, mereka tidak harus menggadainya kepada bangsa lain. Generasi kali ini tidak berhak menghancurkan hak generasi akan datang terhadap bumi Palestin dengan menyerahkannya kepada musuh Islam.

Seseorang itu memiliki hak dalam membelanjakan harta yang dimiliki kerana ia hak individu. Tetapi, sekiranya harta itu menjadi milik masyarakat dan umat, maka individu dan orang persendirian tidak berhak

membelanjakannya. Mereka juga tidak berhak menggadainya walau apa juga keadaan yang dihadapi sekalipun.

Islam mewajibkan umat mempertahankan negara sekiranya musuh menyerang negara mereka. Hukumnya adalah fardhu ain. Mereka wajib menghalau penjajah negara mereka dan membunuh musuh yang menjajah negara mereka.

Apabila berlakunya pertembungan antara hak individu dan hak masyarakat, maka hak masyarakat perlu didahulukan daripada hak individu. Apabila sampai pada tahap itu, kaum wanita boleh keluar mempertahankan negara meskipun tanpa izin suami. Anak boleh keluar tanpa izin ayah.

Sekiranya satu bangsa dihalau keluar dari negara mereka, mereka perlu mempertahankannya. Mereka perlu berlawan dan saling membunuh dengan musuh Islam sehingga mereka berjaya kembali ke tanah air mereka. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Baqarah,* ayat 246:

وَمَا لَنَآ أَلَّا نُقَٰتِلَ فِى سَبِيلِ ٱللَّهِ وَقَدْ أُخْرِجْنَا مِن دِيَٰرِنَا وَأَبْنَآئِنَا

Mengapa pula kami tidak akan berperang pada jalan Allah, sedang kami diusir dari kampung halaman kami dan daripada anak-anak kami?

Orang-orang yang lemah berkata, "Kami menerima ganti rugi kerana kami tidak memiliki kekuatan bagi menghalang musuh Islam, iaitu Yahudi daripada menghalau kami dari bumi kami. Kami tidak memiliki kekuatan itu pada hari ini, tetapi mungkin kita memiliki kekuatan pada esok hari."

Orang yang memiliki kekuatan berkata, "Dengan segala kemampuan dan kekuatan yang kami miliki, kami tidak akan menggadaikan bumi yang kami cintai."

Pemilikan ini pasti dikembalikan kepada mereka yang berhak apabila tiba waktunya. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Ali Imran,* ayat 140:

وَتِلْكَ ٱلْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ ٱلنَّاسِ

Dan itu adalah keadaan hari-hari, Kami gilirkan ia antara sesama manusia.

Para pelarian bumi Palestin harus menerima ganti rugi daripada penderitaan yang mereka hadapi. Mereka sudah menderita untuk tempoh yang lama. Hampir setengah kurun penduduk Palestin, bersama anak cucu mereka terseksa dengan keadaan yang terpaksa mereka hadapi selama ini.

Mereka terpaksa berpindah-randah dari satu tempat ke tempat lain. Mereka juga dianiayai. Mereka terpaksa menghadapi kerugian daripada sudut material seperti harta benda, kesusasteraan, dan barang-barang berharga. Apa yang paling utama, agama mereka turut tergadai selepas mereka dihalau dari negara mereka sendiri.

Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *An-Nisaak,* ayat 66:

وَلَوْ أَنَّا كَتَبْنَا عَلَيْهِمْ أَنِ ٱقْتُلُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ أَوِ ٱخْرُجُوا۟
مِن دِيَٰرِكُم مَّا فَعَلُوهُ إِلَّا قَلِيلٌ مِّنْهُمْ ۖ

Dan sesungguhnya kalau Kami perintahkan kepada mereka, "Bunuhlah diri kamu ataupun keluarlah dari tempat kediaman kamu, nescaya mereka tidak akan lakukannya, kecuali sedikit antara mereka."

Kenapa penduduk Palestin tidak mendapat ganti rugi seperti yang diterima oleh Yahudi dan Israel? Penduduk Palestin lebih berhak menerima ganti rugi itu kerana mereka sudah menghadapi pelbagai penderitaan.

Bab 8

Hukum Pengkhianat yang Membantu Musuh (Tali Barut)

Soalan

Apakah pandangan Tuan terhadap mereka yang mengkhianati dan keluar daripada jemaah? Kemudian, mereka mengkhianati kaum mereka. Mereka turut membantu tentera Yahudi di bumi Gaza dan membocorkan maklumat tentera Islam.

Mereka menunjukkan tempat persembunyian tentera-tentera Islam. Ini memudahkan pihak musuh mengesan dan membunuh para mujahidin. Semua perbuatan yang dilakukan ini dapat dikatakan sebagai satu pengkhianatan.

Kami berharap, Tuan dapat menjelaskan hukum-hukum syarak yang melibatkan mereka. Apakah yang perlu dilakukan kepada golongan pendosa ini?

Semoga Allah s.w.t. memberi manfaat kepada kita. Semoga Allah s.w.t. membalas dengan balasan kebaikan kepada agama dan orang Islam.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Segala puji untuk Allah s.w.t. Selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Satu keaiban besar sekiranya mereka itu tergolong dalam kalangan warga Palestin. Seperti yang diketahui, warga Palestin adalah pejuang-pejuang agama Allah s.w.t. Mereka termasuk juga golongan pemuda, orang tua, wanita, dan kanak-kanak. Golongan tali barut tidak sepatutnya tergolong dalam kalangan warga Palestin, warga Arab, dan orang Islam. Kami semua berlepas tangan daripada golongan itu. Allah s.w.t., malaikat, dan semua manusia melaknat golongan tali barut seperti itu.

Kita tidak mampu mengelak *sunnatullah* yang berlaku pada setiap penciptaan Allah s.w.t. Pasti ada mereka yang menjadi pengkhianat dalam setiap bangsa. Mereka itu adalah golongan yang menjual akhirat demi mencari dunia. Menjual maruah bangsa mereka kepada musuh.

Pada zaman Rasulullah s.a.w. juga terdapat golongan munafik, iaitu pada zahirnya mereka Islam, tetapi hati mereka kufur. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 16:

أُوْلَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ ٱشۡتَرَوُاْ ٱلضَّلَٰلَةَ بِٱلۡهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت
تِّجَٰرَتُهُمۡ وَمَا كَانُواْ مُهۡتَدِينَ ١٦

Mereka itu adalah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah.

Orang yang mengkhianati bangsa sendiri pasti dibenci dan dipandang hina. Mereka itu hidup dalam keadaan tidak tenteram, bahkan ditohmah oleh kaum mereka sendiri. Sekiranya mereka tidak mendapat balasan di dunia, pasti mereka dibalas dengan balasan yang buruk di akhirat. Mereka sudah tentu dibenci oleh bangsa mereka dan akan didendami hingga ke liang kubur.

Cuba kita teladani satu peristiwa yang pernah berlaku pada zaman dahulu, iaitu Abu Righal Al-Arobi mengkhianati kaumnya sendiri. Tentera Abrahah yang berketurunan Habsyi datang ke Makkah bagi memusnahkan Kaabah. Abu Righal menjadi penunjuk jalan kepada tentera Abrahah untuk ke Makkah. Sekiranya orang Arab mengetahui apa yang dilakukan oleh Abu Righal, pasti kubur dia direjam. Orang-orang Arab pasti melemparkan batu ke atas kubur Abu Righal. Ini adalah cara orang Arab menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap apa yang berlaku. Ibnu Jarir menyebut dalam satu bait kata-kata beliau kepada Al-Farazdaq:

Sekiranya Al-Farazdaq mati, rejamlah kuburnya

Sebagaimana kubur Abu Righal direjam.

Yahudi sudah sekian lama bersungguh-sungguh merekrut beberapa orang anak Palestin untuk dijadikan sebagi mata-mata mereka. Yahudi

menggunakan pelbagai cara bagi melatih mata-mata itu. Antaranya, Yahudi menanamkan fahaman Yahudi dan menyusun beberapa strategi latihan bagi melatih mereka.

Selepas selesai dilatih, mata-mata itu dihantar kembali kepada kaum keluarga supaya menjadi perisik. Mata-mata itu menyiasat siapakah dalam kalangan kaum kerabat mereka yang menjadi musuh Yahudi.

Mata-mata terlatih itu juga diarahkan supaya mencari tempat persembunyian mujahidin, Hamas, Briged Al-Qassam, dan ramai lagi pejuang-pejuang Islam. Ramai mujahidin yang berjaya dikesan dan dibunuh oleh Yahudi, hasil risikan golongan mata-mata ini. Mereka mengkhianati agama sendiri dan membantu musuh-musuh Allah s.w.t., pengkhianat sebenar, iaitu Yahudi.

Mereka sanggup taat dan mengikut telunjuk Yahudi. Allah s.w.t. berkata dalam surah *Al-Maidah*, ayat 51:

وَمَن يَتَوَلَّهُم مِّنكُمْ فَإِنَّهُۥ مِنْهُمْ ۗ

...dan sesiapa antara kamu yang menjadikan mereka temannya, maka sesungguhnya dia adalah daripada golongan mereka itu.

Saya berpendapat, golongan mata-mata itu lebih jahat, teruk, dan lebih hina daripada bangsa Yahudi di Gaza yang menyerang orang Islam. Bangsa Yahudi adalah musuh Islam yang jelas lagi nyata. Tetapi, golongan mata-mata itu ibarat api dalam sekam. Mereka itu adalah gunting dalam lipatan. Zahirnya mereka sama seperti kita. Bercakap sama seperti kita berkata-kata, tetapi pada masa yang sama mereka mengkhianati umat Islam. Mereka itu adalah golongan munafik. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *An-Nisaak*, ayat 145:

إِنَّ ٱلْمُنَٰفِقِينَ فِى ٱلدَّرْكِ ٱلْأَسْفَلِ مِنَ ٱلنَّارِ وَلَن تَجِدَ لَهُمْ نَصِيرًا ﴿١٤٥﴾

Sesungguhnya orang munafik ditempatkan di tingkat yang paling bawah dari neraka. Dan engkau tidak akan mendapat seorang penolong pun untuk mereka.

Golongan munafik lebih teruk daripada golongan kafir. Abdullah bin Ubay lebih jahat daripada Abu Jahal. Abu Jahal sudah nyata kekafirannya. Manakala, Abdullah bin Ubay pula seorang Muslim pada zahirnya, tetapi mereka mengkhianati Islam dari dalam.

Kita tidak boleh menghukum kemunafikan seseorang. Islam mengajar kita bahawa kita berhak menghukum pada zahir sahaja. Kita tidak berhak menghukum apa yang ada dalam hati seseorang.

Sekiranya golongan munafik itu melakukan sesuatu yang menyakitkan orang Islam dan perbuatan itu jelas daripada tangan jahat mereka, maka waktu itu mereka boleh dihukum. Allah s.w.t. berkata dalam surah *Al-Ahzab*, ayat 60 hingga 61:

لَّئِن لَّمْ يَنتَهِ ٱلْمُنَٰفِقُونَ وَٱلَّذِينَ فِى قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَٱلْمُرْجِفُونَ فِى ٱلْمَدِينَةِ لَنُغْرِيَنَّكَ بِهِمْ ثُمَّ لَا يُجَاوِرُونَكَ فِيهَآ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٦٠﴾ مَّلْعُونِينَ أَيْنَمَا ثُقِفُوٓا۟ أُخِذُوا۟ وَقُتِّلُوا۟ تَقْتِيلًا ﴿٦١﴾

Sesungguhnya, jikalau tidak berhenti orang munafik dan orang yang ada penyakit dalam hatinya, serta orang yang menyebarkan berita-berita dusta di Madinah itu, nescaya Kami perintahkan kamu memerangi mereka; sesudah itu mereka tidak akan tinggal berjiran dengan kamu di dalamnya melainkan sebentar sahaja.

Serta mereka tetap ditimpa laknat. Di mana sahaja mereka ditemui, mereka ditangkap dan dibunuh habis-habisan.

Ulama fiqh menetapkan, hukuman untuk mata-mata gelap adalah bunuh. Lebih-lebih lagi mereka yang menyiasat rahsia kaumnya untuk diberikan kepada musuh.

Ketika peristiwa pembukaan kota Makkah, Hatib bin Abu Balta'ah menghantar seorang utusan ke Makkah. Dia ingin memberitahu kepada keluarganya yang ada di Makkah bahawa tentera Nabi Muhammad s.a.w. sedang bergerak menuju ke kota Makkah. Hatib memiliki niat baik bagi menyelamatkan saudara dan kaum kerabatnya di Makkah.

Rasulullah s.a.w. mengetahui perkara itu. Baginda menyuruh beberapa orang sahabat mengejar utusan tadi. Hatib dihadapkan kepada Rasulullah s.a.w. dan dia ditanya mengenai tindakannya. Lalu, Saidina Umar r.a. yang berada di situ pada ketika itu berkata, "Tinggalkan dia kepada aku, wahai Rasulullah. Biar aku pancung lehernya. Dia ini seorang munafik."

Namun, Rasulullah s.a.w. menyekat Saidina Umar r.a. daripada melakukan tindakan itu. Baginda menjelaskan, "Dia adalah ahli Badar (orang yang turut serta dalam Perang Badar). Allah memberi jaminan kepada semua ahli Badar. Lakukanlah apa yang kamu ingin lakukan, sesungguhnya Allah sudah mengampunkan kamu semua."

Ulama mengeluarkan hukuman untuk mata-mata gelap berdasarkan hadith ini. Imam Ibnu Qayyim berpendapat, harus membunuh mata-mata gelap sekiranya dia daripada kalangan orang Islam. Saidina Umar r.a. meminta kebenaran Rasulullah s.a.w. bagi memancung Hatib. Rasulullah s.a.w. menegah Saidina Umar r.a. membunuh Hatib kerana terdapat perkara yang menegah dia daripada dibunuh. Hatib menyaksikan Perang Badar. Dia juga menyertai Perang Badar. Seorang mata-mata gelap perlu dibunuh sekiranya tidak terdapat tegahan yang menghalang dia daripada dibunuh. Ini sama seperti kisah Hatib bin Abi Balta'ah. Pendapat ini juga dipegang oleh Imam Malik dan satu pendapat daripada pengikut Imam Ahmad.

Imam As-Syafi'i dan Abu Hanifah berpendapat, orang yang menjadi tali barut tidak perlu dibunuh, tetapi perlu diberi peringatan dan ancaman.

Sahnun, iaitu ulama daripada mazhab Maliki berpendapat, sekiranya orang yang dituduh itu Islam, bahkan daripada kalangan orang yang diperangi, dia perlu dibunuh dan tidak perlu bertaubat. Dia tidak perlu bertaubat seperti mana orang yang murtad bertaubat.

Ibnu Al-Qasam menyebut, dia perlu dibunuh. Taubatnya tidak diterima kerana dia seperti golongan Zindik, iaitu manusia yang mendakwa kononnya Islam pada zahir dan batin, tetapi kepercayaan mereka bercanggah dengan Al-Quran, hadith, dan ijmak.

Ibnu Qayyim berpendapat, hukum membunuh tali barut diputuskan oleh pemimpin (*takzir*). Sekiranya pemimpin berasakan membunuh tali barut itu memberikan kebaikan kepada umat, maka dia perlu dibunuh. Sekiranya pembunuhan mata-mata itu perlu ditangguhkan, maka tangguhkan. Wallahu'alam.[1]

Pada pandangan saya, hukuman yang ingin dikenakan kepada mata-mata itu perlu dinilai berdasarkan jenayah yang dilakukan. Berapa lama dia sudah berkhidmat untuk pihak musuh? Adakah dia membawa mudarat yang besar kepada tentera Islam, sehingga memudahkan musuh mengesan pejuang Islam dan membunuh mereka?

Kita perlu merujuk kepada mahkamah Islam bagi menghukum golongan mata-mata itu. Kita perlu menghukum dia berdasarkan bukti jelas bahawa dia adalah mata-mata gelap yang dihantar oleh musuh bagi menyiasat tentera Islam.

Kita tidak boleh menghukum mata-mata itu hanya berdasarkan dakwaan ataupun syak wasangka yang ditimbulkan oleh beberapa pihak.

Sekiranya jelas dia tergolong dalam kalangan mata-mata gelap, pernah membantu musuh menyiasat ahli keluarga dan kaum kerabat, membongkar tempat persembunyian mujahidin Islam, dan penyebab pertumpahan darah berlaku, dia wajib dibunuh.

Dia sudah menghalang jalan dakwah. Dia sudah menyekat para pejuang Allah s.w.t. daripada mara bagi mempertahankan Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Dia juga daripada kalangan orang yang membinasakan muka bumi ini dengan tangannya sendiri.

Sekiranya tidak ada bukti kukuh bahawa dia adalah mata-mata gelap, maka dia tidak boleh dihukum. Ditakuti kita menghukum seseorang yang tidak berhak dihukum.

Pintu taubat sentiasa terbuka untuk hamba-hamba-Nya yang melakukan dosa. Mereka yang bertaubat seolah-olah mereka yang tidak pernah melakukan dosa. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Al-Buruj*, ayat 10:

إِنَّ ٱلَّذِينَ فَتَنُوا۟ ٱلْمُؤْمِنِينَ وَٱلْمُؤْمِنَٰتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا۟ فَلَهُمْ
عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ ٱلْحَرِيقِ ﴿١٠﴾

Sesungguhnya orang yang menimpakan bencana bagi memesongkan lelaki dan perempuan yang beriman, kemudian mereka tidak bertaubat, maka mereka akan beroleh azab neraka Jahannam, dan mereka akan beroleh lagi azab api yang kuat membakar (kerana mereka tidak bertaubat).

Pintu taubat tidak pernah tertutup. Allah s.w.t. sentiasa menerima taubat hamba-hamba-Nya yang menyesali dosa yang dilakukan. Mereka tidak diazab sekiranya mereka melakukan kesalahan dan benar-benar bertaubat.

Kita dapat saksikan hakikat ini dalam peristiwa yang berlaku kepada Abu Lubabah. Ketika itu, perang Bani Quraizah sudah berakhir. Rasulullah s.a.w. berazam membunuh Yahudi yang masih ada dalam kota Madinah. Seorang Yahudi bertanya kepada Abu Lubabah, "Apakah yang Rasulullah akan lakukan kepada kami?"

Abu Lubabah tidak menjawab, tetapi memberi isyarat dengan meletakkan jarinya di tengkuk. Isyarat itu menunjukkan seolah-olah Rasulullah s.a.w. akan membunuh mereka. Ini satu pengkhianatan kepada Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Abu Lubabah menyesal dengan tindakan yang beliau lakukan, lalu beliau ke Masjid Rasulullah s.a.w. Kemudian, Abu Lubabah mengikat dirinya pada sebatang pokok yang terdapat berhampiran masjid itu. Beliau tidak membuka ikatan itu sehingga beliau menerima perkhabaran bahawa dosanya diampunkan daripada Rasulullah s.a.w. Allah s.w.t. menerima taubat dan mengampunkan Abu Lubabah.

Nota Hujung

1. *Zad Al-Ma'ad* (3/422-425) dan (5/64-65), cetakan Ar-Risalah dengan *tahqiq* Al-Arnauth. Lihat: *Nail Al-Authar*, As-Syaukani (8/154-156), cetakan Dar Al-Jail, Beirut.

Bab 9

Boikot Barangan Israel dan Amerika

Segala puji untuk Allah s.w.t. Selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. dan mereka yang menelusuri jejak langkah Baginda.

Antara perkara yang sudah nyata dan tetap dalam Al-Quran, hadith, dan ijmak para ulama adalah, jihad bagi membebaskan negara daripada serangan dan cengkaman musuh Islam adalah wajib. Memelihara keselamatan dan kebebasan bumi Palestin menjadi kewajipan kepada penduduknya, mereka yang ada sekitarnya, dan seluruh umat Islam yang ada di serata pelosok dunia.

Tambahan pula, bumi yang diserang itu pernah menjadi kiblat pertama orang Islam. Itu adalah bumi Israk Mikraj Rasulullah s.a.w. Di situ tersergam Masjid Al-Aqsa yang Allah s.w.t. berkati kawasan sekitarnya.

Bagaimana pula jikalau orang yang menyerang bumi suci adalah musuh ketat orang-orang beriman? Bagaimana pula sekiranya orang yang menyokong mereka adalah negara paling kuat yang ada di muka bumi kita sekarang, iaitu Amerika?

Jihad mempertahankan bumi suci Palestin adalah wajib. Ia adalah kewajipan pertama umat Islam yang ada di penjuru timur hingga ke hujung barat. Jihad hari ini bagi menentang golongan yang merampas bumi suci yang sepatutnya menjadi milik kita.

Tidak cukup dengan merampas, Yahudi menghalau ahli negara ini. Penduduk Palestin terpaksa menjadi pelarian. Mereka menumpahkan darah dan menodai kehormatan bumi suci itu. Mereka turut membakar tanaman dan melakukan kerosakan ke atas bumi Palestin.

Kita adalah satu umat. Kita dikumpulkan atas dasar akidah yang sama. Kita memiliki satu pensyariatan, satu kiblat, dan satu cita-cita yang sama. Allah s.w.t. menyatakan dalam surah *Al-Anbiyak*, ayat 92:

إِنَّ هَٰذِهِۦٓ أُمَّتُكُمۡ أُمَّةٗ وَٰحِدَةٗ

Sesungguhnya agama Islam ini adalah agama kamu, agama yang satu asas pokoknya.

Dalam surah *Al-Hujurat*, ayat 10 pula Allah s.w.t. memberitahu:

إِنَّمَا ٱلۡمُؤۡمِنُونَ إِخۡوَةٞ

Sebenarnya orang yang beriman itu bersaudara.

Dalam sebuah hadith, Rasulullah s.a.w. menyebut, ukhuwah bermaksud, "Seorang Muslim adalah saudara kepada Muslim yang lain. Dia tidak boleh menzalimi, tidak boleh menyerahkannya kepada musuh, dan tidak boleh membiarkannya tidak dibantu."

Hari ini kita dapat saksikan saudara kita dan anak-anak di bumi Palestin mengerah seluruh tenaga mereka mempertahankan bumi Palestin. Bukan itu sahaja, mereka terpaksa menggadai nyawa, menumpahkan darah, dan sanggup terbunuh demi mempertahankan bumi itu. Mereka tidak mempedulikan segala musibah yang mereka hadapi sewaktu berjuang di jalan Allah s.w.t.

Oleh itu, seluruh umat Islam yang berada di seluruh dunia perlu membantu mereka dengan segala kemampuan yang mereka miliki. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Anfal*, ayat 72:

وَإِنِ ٱسۡتَنصَرُوكُمۡ فِي ٱلدِّينِ فَعَلَيۡكُمُ ٱلنَّصۡرُ

Dan jikalau mereka meminta pertolongan dalam hal agama, maka wajiblah kamu menolongnya.

Dalam surah *Al-Maidah*, ayat 2 pula Allah s.w.t. menyatakan:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ

Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan dalam membuat kebajikan dan bertakwa.

Memboikot barangan musuh dengan bersungguh-sungguh adalah antara cara bagi membantu saudara kita yang tertindas. Setiap riyal, dirham, ringgit, qirsy, dan fulus yang kita sumbangkan dengan membeli barangan musuh seolah-olah kita menyumbangkan sebiji peluru ke dada saudara kita di sana.

Kita tidak boleh membantu musuh menyerang saudara kita di sana dengan membeli barang dagangan mereka. Sekiranya kita membeli barangan mereka, kita seolah-olah menguatkan mereka.

Kita wajib menguatkan saudara mujahidin kita yang berjuang mempertahankan bumi Palestin. Sekiranya kita tidak mampu menguatkan mujahidin, kita perlu melemahkan musuh. Antara cara untuk kita melemahkan musuh adalah memboikot barangan mereka. Apa yang tidak sempurna sesuatu kewajipan kecuali dengan sesuatu perkara, maka perkara itu menjadi satu kewajipan.

Barangan buatan Amerika sama seperti barangan buatan Israel. Haram untuk kita membeli dan mengedar barang-barang itu. Amerika yang wujud pada hari ini adalah Israel kedua. Israel menggunakan hasil jualan Amerika bagi menjayakan strategi mereka. Golongan Yahudi itu berseronok dan bertemasya menggunakan duit yang kita sumbangkan melalui pembelian barangan mereka. Mereka membeli senjata, harta, dan segala peralatan menggunakan duit yang disumbangkan oleh Amerika.

Amerika sudah lama melakukan perbuatan terkutuk itu. Tetapi, umat Islam terus berdiam diri dengan tindakan yang dilakukan oleh Amerika. Mereka tidak bangkit mempertahankan hak saudara mereka kerana terlindung dengan hijab yang menyebabkan mereka bersifat berat sebelah.

Kita mengatakan tidak kepada Amerika Syarikat dan barangan mereka. Tetapi hakikatnya, kita meminum, memakai, dan menunggang barangan buatan mereka.

Saidina Ali r.a. menyebut, "Tiga musuh kamu; musuh kamu, sahabat musuh kamu, sahabat kepada sahabat musuh kamu."

Amerika bukan sahaja sahabat Israel, bahkan lebih daripada itu. Umat Islam yang berada di seluruh dunia pada hari ini mencecah hampir tiga million. Mereka mampu bergabung bagi memboikot syarikat dan barangan buatan Amerika. Itu menjadi satu kewajipan mereka.

Semua umat Islam sekarang mengimport, membeli, dan menggunakan barangan buatan Israel dan Amerika. Mereka sudah melakukan sesuatu yang haram dan jelas, ia adalah satu dosa. Mereka pasti kembali kepada Allah s.w.t. dengan membawa bebanan berat dan dipandang hina dalam kalangan masyarakat.

Manakala, orang-orang Islam yang hidup di negara Amerika ataupun Israel, mereka terpaksa membeli dan menggunakan produk buatan Amerika. Allah s.w.t. tidak membebankan seseorang hamba melainkan dengan kemampuannya. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *At-Taghabun,* ayat 16:

فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ مَا ٱسْتَطَعْتُمْ

Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu.

Rasulullah s.a.w. menjelaskan, "Jikalau aku menyuruh kamu melakukan sesuatu, lakukanlah semampu kamu."

Untuk masyarakat Islam yang hidup di wilayah Amerika dan Israel, mereka perlu cuba bermuamalat dengan barangan yang dikeluarkan oleh syarikat yang kurang memusuhi umat Islam. Mereka perlu cuba sedaya upaya yang mungkin, untuk tidak bermuamalat dengan syarikat-syarikat yang jelas menentang dan memusuhi umat Islam.

Ini sama seperti yang diwajibkan kepada umat Islam daripada bangsa Arab dan mereka yang ada di seluruh dunia. Mereka perlu memboikot barangan Israel dan barangan keluaran Amerika Syarikat ataupun mana-mana negara yang menyumbang kepada permusuhan terhadap umat Islam. Contohnya, barangan Marks and Spencer, yang dikeluarkan oleh Israel. Barangan jenama itu memberi sumbangan besar kepada ekonomi Israel.

Boikot adalah senjata paling ampuh yang digunakan bagi menentang musuh. Ini terbukti dalam sejarah Rasulullah s.a.w. Ketika Baginda menyampaikan dakwah di kota Makkah, dakwah Rasulullah s.a.w. mendapat tentangan daripada kafir Quraisy. Mereka merancang bagi melumpuhkan dakwah Rasulullah s.a.w. dengan memboikot semua keturunan Bani Hasyim, sama ada mereka beragama Islam ataupun tidak.

Keturunan Bani Hasyim berasa amat terseksa kerana mereka tidak dapat berjual beli, berkahwin, ataupun bercakap dengan kabilah lain. Keadaan semakin teruk sehingga Rasulullah s.a.w., para sahabat, dan keturunan Bani Hasyim terpaksa memakan dedaun bagi meneruskan hidup. Peristiwa itu berlanjutan sehingga tiga tahun.

Para sahabat juga menggunakan cara yang sama bagi memerangi kaum Musyrikin ketika era Madinah. Ketika Thumamah bin Uthal memeluk Islam, beliau pergi ke Makkah bagi menunaikan umrah. Ketika tiba di sana, penduduk Makkah bertanya kepada beliau, "Adakah kamu sudah menjadi Sobiik, iaitu satu agama yang menyembah bintang?"

Thumamah menjawab, "Aku menganut sebaik-baik agama, iaitu agama Muhammad. Demi Allah, satu biji tanaman pun tidak akan sampai kepada kamu dari bumi Yamamah melainkan selepas diizinkan oleh Rasulullah."

Apabila Thumamah pulang ke Yamamah, Thumamah enggan menjual hasil tanaman kepada penduduk Makkah. Lalu, penduduk Makkah mengutus surat kepada Nabi s.a.w. Dalam surat itu mereka berkata, "Kamu sudah membunuh bapa-bapa kami dengan pedang dan anak-anak kami dengan kelaparan." Rasulullah s.a.w. kemudiannya menulis surat kepada Thumamah dan membenarkan tanaman tadi dihantar ke Makkah.[1]

Pada zaman moden kini, kita dapat melihat ramai yang menggunakan senjata pemboikotan bagi mengalahkan penjajah. Mahatma Ghandi menggunakan cara boikot bagi menyelamatkan bangsa beliau daripada penjajahan Inggeris. Mereka meneruskan pemboikotan itu sehingga mereka bebas daripada cengkaman penjajahan Inggeris.

Boikot adalah senjata yang ada di tangan sesuatu bangsa dan masyarakat. Kerajaan tidak mampu melarang dan menyekat masyarakat daripada membeli barangan-barangan tertentu. Kita perlu menggunakan senjata itu untuk bertempur dan mempertahankan umat kita. Kita perlu meneruskannya sehingga mereka merasakan roh kesatuan umat Islam itu wujud. Umat ini tidak hancur dan tidak lenyap dengan izin Allah s.w.t.

Boikot bukan bertujuan menyekat kemajuan ekonomi sahaja. Ia adalah satu bentuk tarbiah kepada umat Islam bagi membebaskan diri daripada perhambaan kepada sesuatu yang tidak bermanfaat dalam hidup mereka. Boikot menunjukkan rasa persaudaraan dan kesatuan kita sesama umat Islam.

Kita tidak mengkhianati saudara kita yang berjuang di bumi para nabi, bumi para mujahidin, dan Baitul Maqdis. Mereka mengorbankan segala-galanya bagi mempertahankan kesucian agama Islam.

Kaum Yahudi di seluruh dunia membantu antara satu sama lain bagi memenangkan bangsa mereka, menggunakan segala kemampuan yang mereka miliki. Seandainya seluruh umat Islam bersatu padu bagi membebaskan bumi Al-Aqsa, menyumbangkan segala kemampuan yang mereka miliki, pasti bumi Palestin akan merdeka. Serendah-rendah pengorbanan yang mampu dilakukan adalah memboikot barangan keluaran musuh. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Anfal*, ayat 73:

وَٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَآءُ بَعْضٍ ۚ إِلَّا تَفْعَلُوهُ
تَكُن فِتْنَةٌ فِى ٱلْأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ ﴿٧٣﴾

Dan orang yang kafir, setengahnya menjadi pembela untuk setengahnya yang lain. Jikalau kamu tidak menjalankan (dasar bantu-membantu), nescaya akan berlakulah fitnah (kekacauan) di muka bumi dan kerosakan yang besar.

Sekiranya membeli barangan Yahudi haram hukumnya, apatah lagi orang yang menjual dan berdagang barangan Yahudi. Dosa mereka lebih besar daripada orang yang membeli. Syarikat-syarikat dan para pedagang yang memperdagangkan barangan Yahudi lebih teruk. Ini kerana, mereka mengambil keuntungan daripada hasil jualan itu untuk diri mereka.

Umat Islam perlu menyedari, siapa sahabat dan siapa musuh. Kita perlu menyedari apa yang membawa kebaikan dan apa yang membawa keburukan kepada kita. Umat Islam tidak harus berasa lemah dan berputus asa, lalu mengikat perjanjian dengan Yahudi Zionis yang merugikan agama Islam sendiri. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Muhammad*, ayat 35:

فَلَا تَهِنُوا۟ وَتَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلسَّلْمِ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ وَٱللَّهُ مَعَكُمْ
وَلَن يَتِرَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ ﴿٣٥﴾

Maka janganlah kamu lemah dan mengajak berdamai, padahal kamu adalah orang yang tertinggi keadaannya. Dan Allah bersama-sama kamu dan Dia tidak akan mengurangi pahala amal-amal kamu.

Golongan yang perlu mengambil berat dalam meneliti perkara itu adalah saudara dan anak-anak perempuan. Keadaan mereka lebih menuntut mereka supaya lebih berhati-hati ketika berbelanja. Wanita lebih banyak meluangkan masa bagi memenuhi keperluan rumah tangga. Oleh itu, mereka perlu memilih barangan yang baik. Barangan yang sentiasa menghidupkan roh jihad dalam diri anak-anak. Bukannya menghidangkan barangan-barangan yang diragui, apatah lagi barangan yang menyumbang kepada kemusnahan di bumi Israk, Palestin.

Sekiranya anak-anak diajar daripada kecil untuk tidak menggunakan barangan boikot, mereka pasti terdidik dalam suasana yang elok. Mereka pasti sentiasa bersemangat dan kuat. Apabila dewasa, mereka mencontohi ibu bapa dalam mempertahankan kesucian bumi Palestin. Meskipun, itu adalah sekecil-kecil usaha.

Saya menyeru kepada semua orang yang beriman kepada Allah s.w.t. dan semua umat manusia supaya bersatu. Bersama-sama kita menegakkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan, menegakkan keadilan, dan menentang kezaliman. Kita perlu membantu orang-orang yang lemah daripada golongan lelaki dan wanita, kanak-kanak, serta orang tua di bumi Palestin.

Setiap detik, pasti ada kes pembunuhan yang berlaku. Setiap hari, penduduk Palestin berusaha membebaskan bumi mereka. Berjuang di jalan Allah s.w.t., tercedera, terbunuh, demi mempertahankan kesucian agama mereka.

Akhir sekali, saya menyeru kepada semua cerdik pandai, golongan pemikir, dan ulama di setiap negara supaya menubuhkan satu badan bagi memboikot barangan Israel. Mereka perlu mengadakan kempen dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang perkara itu. Gerak kerja itu perlu berterusan sehingga kebenaran tertegak dan kebatilan terhapus. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Israk*, ayat 81:

إِنَّ ٱلْبَـٰطِلَ كَانَ زَهُوقًا

Sesungguhnya yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap.

Allah s.w.t. menjelaskan lagi dalam surah *At-Taubah*, ayat 105:

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

Dan katakanlah, "Beramallah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya dan orang Mukmin akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu sudah kerjakan."

Nota Hujung

1. Lihat: *Sirah Ibnu Hisham* (4/211), cetakan Dar Al-Jail, *Thabaqat Ibnu Saad* (5/550), *As-Sirah An-Nabawiyah li Ibnu Kathir* (4/93).

Bab 10

Hukum Bermusafir Menziarahi Masjid Al-Aqsa

Soalan

Apakah harus bermusafir menziarahi Masjid Al-Aqsa ketika ia dikuasai oleh Yahudi yang merampas bumi itu daripada orang Islam? Sebagaimana yang diketahui, kita memperoleh banyak pahala ketika solat di dalam Masjid Al-Aqsa.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Segala puji untuk Allah s.w.t. Selawat dan dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Islam mewajibkan umat mempertahankan bumi Islam dengan diri dan segala harta yang mereka miliki. Kita tidak boleh membiarkan bumi kita dirampas. Kita tidak menerima sebarang wang ataupun gantian bagi menggadaikan tanah milik orang Islam kepada orang kafir, meskipun sedepa. Ulama sepakat dengan pengharaman ini.

Hukum itu berkaitan dengan tanah Islam, apatah lagi sekiranya tanah Islam itu adalah tanah Palestin.

Bagaimana pula sekiranya tanah itu adalah sebahagian daripada bumi yang terletak Masjid Al-Aqsa di atasnya? Bumi Israk Mikraj? Bumi yang menjadi kiblat pertama umat Islam?

Ini menguatkan lagi kewajipan supaya kita berjihad bagi mempertahankan agama Allah s.w.t., iaitu bumi Palestin. Kita juga wajib membunuh musuh-musuh Allah s.w.t. dan seterusnya mempertahankan para pemuda, golongan wanita, dan kanak-kanak yang lemah.

Sekiranya orang Islam tidak mampu untuk berjihad mempertahankan tanah air mereka yang dirampas oleh musuh atas sebab-sebab tertentu, mereka boleh menggunakan cara-cara lain.

Antaranya, memboikot musuh mereka daripada segi ekonomi, muamalat, dan pengetahuan. Ini berdasarkan beberapa faktor atau sebab:

Pertama: Itu adalah cara yang mampu kita lakukan sekiranya kita tidak mampu ke bumi Palestin bagi mempertahankan mereka. Apabila gugur hukum jihad daripada kita, maka ia tidak menjadi penyebab untuk kita berhenti membantu mereka selagi kita mempunyai kemampuan dalam bentuk lain. Sekiranya kita tidak mampu berjihad, kita mampu membantu dalam sudut lain. Islam tidak memaksa kita untuk berjuang pada satu sudut yang sama sahaja.

Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Al-Anfal*, ayat 60:

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ

Dan sediakanlah bagi menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, bagi menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu.

Kewajipan untuk berjihad tetap ditanggung oleh semua umat Islam selagi mereka mempunyai kemampuan. Maka, kita perlu berusaha membantu saudara kita dengan segala kemampuan yang kita miliki.

Rasulullah s.a.w. menjelaskan, "Sekiranya aku menyuruh kamu melakukan sesuatu, lakukanlah semampu kamu."

Kedua: Kita bermuamalat dengan musuh kita, membeli dan menjual barangan mereka. Bermusafir ke negara mereka lebih teruk daripada kita menziarahi mereka. Apabila kita bermusafir ke negara mereka, itu membantu mereka meningkatkan pendapatan ekonomi daripada sudut pelancongan. Kita seolah-olah memberi keuntungan kepada musuh.

Musuh menggunakan keuntungan ekonomi yang mereka peroleh daripada kita bagi memerangi saudara kita yang ada di bumi Islam. Kita

seolah-olah membantu musuh menjayakan agenda jahat mereka terhadap agama Islam. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Al-Maidah,* ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ

Dan hendaklah kamu tolong menolong dalam melakukan kebajikan dan bertakwa. Dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.

Ketiga: Bergaul dengan musuh yang merampas tanah kita dan menerima mereka sebagai tetamu adalah suatu yang tidak wajar. Apatah lagi sekiranya kita bermusafir ke negara musuh, menjadi tetamu mereka? Kita seolah-olah mengangkat jurang yang sepatutnya menjadi pemisah antara kita dan musuh.

Mereka menutup sempadan, meletakkan jurang pemisah di antara dua negara. Kita seolah-olah menutup mata dengan apa yang mereka lakukan. Malah, kita berjabat tangan dan melawat negara mereka. Kita seolah-olah tidak mengiktiraf permusuhan antara kita dan mereka. Kita tidak boleh menjadikan musuh sebagai pemimpin yang memimpin urusan harian kita. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Mumtahanah,* ayat 1:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَتَّخِذُوا۟ عَدُوِّى وَعَدُوَّكُمْ أَوْلِيَآءَ

Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil seteru-Ku dan seteru kamu menjadi teman rapat.

Kita seolah-olah menjadikan, permusuhan antara bangsa Yahudi dan Islam itu perkara yang biasa. Ini disebut dalam istilah bahasa Arab sebagai *at-tatbi'i.* Tidak ada apa-apa hubungan yang berlaku antara kita dan mereka. Seolah-olah mereka tidak pernah merampas dan tidak pernah memusuhi kita. Tidak cukup dengan muamalat ekonomi, mereka pasti

menyerapkan cara sosial dan budaya mereka kepada umat Islam. Perkara ini sangat merbahaya.

Keempat: Apabila kita bergaul dengan bangsa Yahudi, mereka bergaul dengan kita tanpa sebarang batasan dan syarat-syarat yang mengehadkan pergaulan antara kita dengan mereka. Ini adalah suatu perkara yang membimbangkan.

Perkara seperti itu menjadi ancaman kepada masyarakat Arab dan masyarakat Islam. Pasti kerosakan tersebar serta perkara keji dan tidak diingini berlaku. Mereka pasti menyerapkan pelbagai keraguan dalam masyarakat Islam dan membawa masuk budaya songsang mereka.

Selain itu berkemungkinan besar, penyakit yang mampu membawa maut dan penyakit berjangkit seperti AIDS menular. Mereka merancang pelbagai strategi bagi menghancurkan umat Islam. Mereka juga menyusun pelbagai helah yang pasti mereka laksanakan dengan cara yang keji.

Musuh Islam pandai merancang tipu daya ketika kita berada dalam keadaan lalai. Mereka memiliki satu tujuan jelas dan mereka berselindung di sebalik tindakan baik mereka. Tujuan utama mereka adalah menghancurkan umat Islam.

Islam ingin memelihara umat daripada melakukan perkara yang membawa kerosakan kepada mereka. Dalam istilah fiqh, ia disebut sebagai *saddu zarai'*, iaitu mengelakkan perkara yang membawa keburukan.

Cara itu bertujuan memelihara kefardhuan dan darurat. Ini kerana, kefardhuan adalah perkara yang diwajibkan dalam agama. Darurat pula bagi memelihara keadaan semasa yang berlaku.

Kesimpulannya, bermusafir ataupun melancong ke tempat musuh, Zionis dan bukan bagi menziarahi warga Palestin adalah haram pada hukum syarak, meskipun ziarah itu dinamakan sebagai pelancongan agama ataupun ziarah Masjid Al-Aqsa. Allah s.w.t. tidak menyuruh kita menziarahi Masjid Al-Aqsa, ketika masjid itu masih berada di bawah penguasaan Zionis.

Allah s.w.t. menyuruh kita membebaskan bumi Palestin daripada cengkaman bangsa Yahudi dan merebut kembali daripada tangan mereka. Kita perlu mengembalikan Palestin ke tangan orang Islam. Kita lebih berhak terhadap bumi Palestin daripada mereka.

Bangsa Yahudi sedang giat menggali lubang di bawah dan sekitar Masjid Al-Aqsa. Kita tidak mengetahui apakah akibat yang berlaku selepas ini. Apa yang kita tahu, mereka ingin membina Haikal Sulaiman di atas runtuhan Masjid Al-Aqsa. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Anfal*, ayat 30:

Mereka menjalankan tipu daya dan Allah menggagalkan tipu daya (mereka), kerana Allah sebaik-baik yang menggagalkan tipu daya.

Sememangnya kita begitu merindui untuk sampai ke Masjid Al-Aqsa. Solat di dalam Masjid Al-Aqsa seolah-olah kita solat sebanyak 500 kali di masjid biasa.

Tetapi, kita perlu menyimpan rasa rindu yang membara itu dalam hati. Sememangnya, kita pasti dapat menunaikan solat di dalam Masjid Al-Aqsa selepas kita membebaskan ia dan kawasan sekitarnya daripada cengkaman Yahudi. Kita perlu mengembalikan bumi itu ke tangan yang lebih berhak ke atasnya, iaitu penduduk asal bumi itu, bangsa Arab dan umat Islam.

Seorang Muslim mampu mendapat ganjaran berganda daripada solat di Masjid Al-Aqsa, dengan solat di Masjid An-Nabawi di Madinah. Solat di sana lebih baik 1000 kali ganda daripada solat di masjid biasa. Sepatutnya, mereka lebih bersungguh-sungguh untuk ke Madinah serta menunaikan solat di situ.

Bahkan, seseorang Muslim mampu merebut pahala lebih besar daripada itu sekiranya mereka bersolat di Masjidil Haram. Masjid pertama

yang dibina atas muka bumi ini untuk dijadikan tempat beribadat kepada Allah s.w.t. Solat di dalam masjid itu seolah-olah kita menunaikan solat sebanyak 100000 kali melebihi masjid-masjid lain, kecuali Masjid An-Nabawi dan Masjid Al-Aqsa.

Kesimpulannya, solat di dalam Masjidil Haram di Makkah seolah-olah kita bersolat sebanyak 200 rakaat di Masjid Al-Aqsa. Justeru, sesiapa yang terlalu rindu ingin bersolat di Masjid Al-Aqsa, dapat melepaskan kerinduan mereka dengan bersungguh-sungguh bermusafir ke Makkah dan solat di Baitullah, ataupun solat di Masjid An-Nabawi di Madinah. Ini lebih baik untuk mereka, sehingga Allah s.w.t. menetapkan satu kaum bagi mengembalikan kebenaran ke tangan orang yang berhak mendapatkannya. Iaitu sehingga Allah s.w.t. mengembalikan amanah ke tangan ahlinya. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah Ar-*Rum*, ayat 4 hingga ayat 5:

...dan pada ketika berlakunya kemenangan Rom itu, orang yang beriman akan bergembira. Dengan pertolongan Allah.

Baitul Maqdis tidak akan dikembalikan kepada rakyat Palestin. Yahudi pasti sentiasa menguasai bumi Palestin.

Mereka mengatakan, Baitul Maqdis menjadi ibu kota negara mereka untuk selama-lamanya. Mereka sentiasa bercucuk tanam di bumi ini dan mengubah struktur sedia ada di bumi Palestin. Mereka pasti berterusan melakukan kekerasan dan keganasan ke atas bumi itu. Rakyat Palestin pula berterusan menjadi pelarian dan dihalau dari bumi sendiri. Perjanjian itu hanya seperti perjanjian atas angin akan berterusan. Keadaan itu pasti sentiasa berterusan.

Bagaimana kita mampu menerima perjanjian dengan Yahudi, perampas bumi yang sepatutnya menjadi hak milik kita? Dalam masa yang sama, mereka adalah orang yang menolak syariat Islam. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Anfal*, ayat 42:

...iaitu supaya orang (kafir Musyrik) yang binasa itu, binasa dengan keterangan, dan supaya orang (Islam) yang hidup itu, hidup dengan keterangan yang nyata.

Ini adalah apa yang ingin saya sampaikan kepada umat Islam. Mereka sebenarnya dalam keadaan bahaya. Yahudi mencuba bagi melenyapkan rasa kesedaran terhadap kepentingan bumi Palestin dalam hati umat Islam. Mereka tidak mahu umat Islam sedar dengan keadaan yang melanda bumi Palestin sekarang. Yahudi seolah-olah menyuntik dadah kepada pemuda-pemuda Islam sehinggakan pemuda-pemuda itu tidak mampu bergerak. Sehingga pemuda-pemuda Islam tidak mampu membezakan antara yang benar ataupun yang salah.

Keadaan menjadi lebih berbahaya apabila seorang yang berilmu mengeluarkan fatwa yang bercanggahan. Ini menyebabkan manusia silap menilai sesuatu keputusan dan keadaan.

Semoga Allah s.w.t. memperlihatkan kebenaran itu sebagai kebenaran dan memperlihatkan kebatilan sebagai kebatilan. Jauhkan kami daripada kebatilan itu. Amin.

Bab 11

Tidak Boleh Berkasih Sayang dengan Pembunuh Saudara Kita

Soalan

Kami mendapat tahu, Kedutaan Israel yang berada di Kaherah mengagihkan hidangan dan jamuan berbuka puasa kepada orang-orang miskin. Mereka memberi bekalan itu sepanjang bulan Ramadhan. Mereka ingin mendapatkan fatwa daripada Jawatankuasa Fatwa Al-Azhar supaya membenarkan mereka membelanjakan harta mereka dengan memberi jamuan berbuka puasa kepada orang-orang miskin.

Soalan saya, adakah orang Yahudi berhak menyediakan *maidah rahman*, iaitu jamuan berbuka puasa? Adakah orang yang berpuasa boleh berbuka dengan hidangan itu. Apakah pandangan Tuan sekiranya ada antara orang Islam yang berpuasa menerima jamuan berbuka puasa itu? - Daripada: Fawwaz

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Saudara Fawwaz yang saya hormati, *assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh*. Semoga Allah s.w.t. memberikan kebaikan sepanjang tahun ini kepada kamu. Semoga Allah s.w.t. menerima amalan kita. Amin.

Saya sudah membaca pendapat dan persoalan yang saudara utarakan. Saya berterima kasih kepada saudara kerana mengambil berat terhadap keadaan yang berlaku di sekeliling umat kita.

Saya bersegera menjawab persoalan itu kerana ia persoalan yang mengaitkan fatwa. Islam juga menetapkan undang-undang untuk kita bermuamalat dengan orang bukan Islam. Contohnya, ayat 8 hingga ayat 9 daripada surah *Al-Mumtahanah* yang berkaitan dengan keadaan itu:

لَّا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ لَمْ يُقَـٰتِلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم
مِّن دِيَـٰرِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوٓا۟ إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ يُحِبُّ
ٱلْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾ إِنَّمَا يَنْهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ قَـٰتَلُوكُمْ فِى ٱلدِّينِ
وَأَخْرَجُوكُم مِّن دِيَـٰرِكُمْ وَظَـٰهَرُوا۟ عَلَىٰٓ إِخْرَاجِكُمْ أَن
تَوَلَّوْهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٩﴾

Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.

Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta mereka membantu (orang lain) bagi mengusir kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.

Islam tidak melarang umat Islam daripada melayan orang bukan Islam dengan baik dan berlaku adil kepada mereka. Selagi mereka tidak membunuh dan tidak mengeluarkan kita dari negara kita, terutamanya sekiranya mereka daripada kalangan Ahli Kitab. Islam membolehkan orang Islam memakan makanan yang disembelih oleh mereka. Ini kerana, mereka dikira sebagai ahli agama samawi yang asal.

Sebaliknya, Allah s.w.t. melarang kita mengambil pemimpin, mengasihi, dan mendekati golongan yang memerangi agama Allah s.w.t.

Mereka itu adalah golongan yang membunuh kita kerana agama yang kita anuti. Mereka mengeluarkan kita dari negara kita dan menampakkan permusuhan dengan kita. Mereka itu adalah golongan Yahudi, secara umumnya, dan Israel secara khususnya. Golongan Yahudi menyeleweng daripada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. Mereka memusuhi umat Islam. Mereka turut memerangi bangsa Arab dan orang Islam.

Orang Yahudi merampas hak milik umat Islam menggunakan segala kekuatan dan kepakaran yang mereka miliki. Pertempuran antara umat Islam dan Yahudi bermula sejak mereka merampas bumi Israk Mikraj. Mereka merampas Masjid Al-Aqsa. Mereka menumpahkan darah rakyat Palestin dan kanak-kanak yang tidak berdosa. Mereka menghalau umat Islam yang berada di bumi Israk sekiranya mereka mengatakan Allah s.w.t. itu sebagai Tuhan. Golongan Yahudi berterusan menggembar-gemburkan surat perjanjian bahawa mereka yang menguasai bumi Palestin. Mereka turut menguar-uarkan kepada dunia perihal pelaksanaan cita-cita terbesar mereka, iaitu membentuk negara Israel dari Sungai Furat hingga ke Sungai Nil. Dari negara beras hingga ke negara tamar.

Kita perlu menjauhkan diri daripada golongan Arab yang mengangkat bendera perdamaian dengan Israel. Ini kerana, tindakan itu membelakangi syariat Allah s.w.t. Allah sw.t. menjelaskan dalam surah *Muhammad*, ayat 35:

فَلَا تَهِنُوا۟ وَتَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلسَّلْمِ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ وَٱللَّهُ مَعَكُمْ وَلَن
يَتِرَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ ﴿٣٥﴾

Maka janganlah kamu lemah dan mengajak berdamai, padahal kamu adalah orang yang tertinggi keadaannya. Dan Allah bersama-sama kamu dan Dia tidak akan mengurangi pahala amal-amal kamu.

Kita menyaksikan, sejak zaman Robin sehingga zaman Netanyahu, Yahudi tetap mengatakan Baitul Maqdis menjadi ibu kota negara Israel untuk selama-lamanya. Golongan Yahudi sebenarnya sedang menggali lubang di

bawah Masjid Al-Aqsa. Mereka berterusan menggali sejak dari dulu lagi sehingga kini. Mereka pasti meneruskan proses penggalian itu sehingga mencapai matlamat mereka. Kita tidak tahu apakah yang berlaku kepada Masjid Al-Aqsa apabila mereka selesai menggali lubang itu.

Penubuhan negara Yahudi pasti terus menjadi perkara yang dimusykilkan. Ditambah pula dengan permasalahan masyarakat Palestin yang menjadi pelarian, isu hudud, dan masalah negara Palestin yang disebut oleh Netanyahu, "Sampai bila-bila pun, ia tidak akan wujud!"

Musuh Islam itu membunuh rakyat Palestin, merampas tanah, dan memerangi mereka. Mereka berjalan dengan angkuh di bumi ini. Sememangnya, golongan Yahudi itu terpedaya dengan kekuatan dan senjata yang mereka miliki.

Bagaimana orang Islam mampu mengharuskan kita mendekati mereka? Melakukan kebaikan dan berkasih sayang dengan mereka? Adakah kita mampu untuk memakan makanan yang mereka berikan? Makanan yang mereka berikan kepada kita seolah-olah makanan yang berlumuran darah! Darah saudara kita! Darah mereka yang terbunuh dalam keadaan rukuk dan sujud di bumi Al-Aqsa, di dalam Masjid Ibrahim!

Saya berasa terkejut dengan apa yang dilakukan oleh segelintir bangsa Arab. Mereka seolah-olah merugikan bangsa Arab dan umat Islam. Mereka menyembelih umat Islam dengan tangan sebelah kanan dan menghantar pemuda-pemuda untuk berjuang mempertahankan bumi Palestin dengan tangan sebelah kiri.

Seorang Muslim berpuasa pada waktu siang. Sungguh tidak dapat dibayangkan, mereka menahan diri daripada perkara-perkara yang dihalalkan oleh Allah s.w.t. pada waktu siang dan berbuka dengan perkara yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Mereka memakan makanan kotor yang dihidangkan oleh Yahudi ketika berbuka. Makanan itu adalah hasil riba dan harta haram yang Yahudi usahakan. Mereka itu adalah golongan yang tidak pernah surut daripada memusuhi orang Islam. Mereka pasti merampas bumi orang Islam pada waktu siang dan malam.

Bangsa Arab pasti memberi pengajaran kepada Yahudi pada kali ini. Mereka tidak akan terpedaya dengan propaganda Yahudi supaya menjadikan Yahudi sebagai teman. Masyarakat Arab Mesir tidak akan berlapang dada menerima kehadiran kaum Yahudi. Mereka sekali-kali tidak akan menganggap musuh sebagai teman. Bangsa Arab Mesir tidak akan memakan makanan Yahudi. Bangsa Arab Mesir tidak akan sesekali menghancurkan pahala puasa mereka dengan menerima makanan kotor itu. Mereka pasti berkata, "Dahaga kami pasti hilang. Peluh kami juga pasti kering. Tetapi, pahala kami pasti tetap di sisi Allah."

Yahudi yang mengadakan perjanjian dengan rakyat Mesir menyangka, mereka dapat menipu orang miskin di Mesir seolah-olah mereka menyayangi golongan miskin itu. Ini tidak mungkin berlaku. Mesir bumi bertuah. Terdapat antara orang miskin di Mesir itu tergolong dalam kalangan wali Allah sw.t. meskipun mereka berada di tepi jalan dan meminta sedekah. Kami dilarang menghina golongan peminta sedekah. Ini kerana, mungkin darjat mereka di sisi Allah sw.t. lebih dekat daripada kami yang tidak meminta sedekah.

Allah s.w.t. menggolongkan Israel daripada kelompok yang dilaknat oleh Allah s.w.t. Allah s.w.t. murka kepada mereka dan menjadikan Israel umpama kera, khinzir, dan penyembah Thaghut.

Mengapakah Yahudi menjadi mulia pada kali ini? Apakah mereka sudah keluar daripada sifat sebenar yang melekat di jiwa mereka? Adakah mereka sudah berubah? Sifat bakhil dan kikir melekat serta terpahat kukuh dalam jiwa orang Yahudi. Bagaimana mereka bersifat belas kasihan pada kali ini? Allah s.w.t. menyifatkan mereka dalam surah *An-Nisaak,* ayat 53:

Patutkah ada untuk mereka sesuatu bahagian daripada kuasa memerintah? Jikalau pun ada, mereka tidak akan memberikan sedikit pun kebaikan kepada manusia.

Kami tidak mahu Zionis melakukan kebaikan dengan mendermakan harta mereka. Tetapi, kami mahu Zionis mengembalikan harta itu kepada pemilik sebenar sekiranya mereka adalah orang yang benar. Hakikatnya, perkara ini tidak mungkin berlaku.

Kita tidak tahu bagaimana golongan terkutuk itu berani meminta fatwa daripada Syeikh Al-Azhar. Saya tidak rasa, ada mana-mana ulama Al-Azhar mengeluarkan fatwa berdasarkan soalan mereka itu. Tidak mungkin sama sekali.

Hutang Yahudi dengan kita tidak terlangsai begitu sahaja. Kita sama sekali tidak akan tunduk kepada Yahudi. Kita pasti berjihad di jalan Allah s.w.t. bagi mempertahankan hak milik kita. Kita tidak akan berhenti berjuang sehingga mereka menyerahkan bumi yang mereka rampas kepada tuannya yang asal. Kita pasti mengembalikan kemuliaan yang sudah dirampas oleh mereka dan mengembalikan mereka yang dihalau ke negara asal mereka.

Bulan Ramadhan memiliki memori indah untuk umat Islam. Kita menang dalam Perang Badar dan membuka Makkah pada bulan itu. Kemenangan pasti datang! Tidak mustahil itu berlaku. Kita cuma perlu berharap dan berdoa. Allah sw.t. menjelaskan dalam surah *Ar-Rum*, ayat 4 hingga ayat 6:

وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿٤﴾ بِنَصْرِ ٱللَّهِ ۚ يَنصُرُ مَن يَشَآءُ ۖ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٥﴾ وَعْدَ ٱللَّهِ ۖ لَا يُخْلِفُ ٱللَّهُ وَعْدَهُۥ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ ٱلنَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

...dan pada ketika berlakunya kemenangan Rom itu, orang yang beriman akan bergembira.

Dengan pertolongan Allah. Dia menolong sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Dialah juga yang maha kuasa, lagi maha mengasihani.

Demikian dijanjikan Allah. Allah tidak pernah mengubah janji-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya.

Dalam masa tidak sampai 10 tahun. Kepada pentadbiran Allah s.w.t. terpulang segala urusan, sebelum berlakunya dan sesudah berlakunya. Dan pada ketika berlakunya kemenangan Rom itu, orang-orang beriman pasti bergembira. Dengan kemenangan yang diberi oleh Allah s.w.t. Dia memberi kemenangan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Dia juga yang maha kuasa lagi maha mengasihani. Demikian dijanjikan oleh Allah s.w.t. Dia tidak pernah mengubah janji-Nya, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui hakikat sebenar.

Bab 12

Hukum Seorang Muslim Menyertai Knesset (Parlimen Israel)

Soalan

Apakah hukum seseorang beragama Islam menyertai Knesset, iaitu Parlimen Israel ketika berada dalam negara yang dirampas oleh orang Yahudi?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Segala pujian hanya untuk Allah s.w.t. Selawat dan salam untuk junjungan Nabi Muhammad s.a.w., ahli keluarga, serta sahabat-sahabat Baginda.

Pada pandangan syariat Islam, Israel menceroboh negara bangsa lain dan memunggah kaum kerabat serta seluruh kekuatan yang mereka ada ke bumi yang mereka rampas itu. Selepas itu, Israel melakukan kerosakan kepada penduduk asal bumi itu. Tidak cukup dengan itu, Israel ingin membina negara sendiri di atas negara orang lain.

Perbuatan Israel itu seolah-olah menumbuhkan satu anggota pelik pada sebatang tubuh. Pada masa yang sama, tubuh itu tidak memerlukan anggota yang pelik itu tumbuh di atas jasad mereka. Lalu, mereka pasti menyisihkannya dan tidak membiarkan anggota pelik itu memalukan mereka.

Jihad mempertahankan negara adalah fardhu ain kepada penduduk Palestin. Secara umumnya, ia adalah wajib kepada seluruh umat Islam. Mereka perlu membebaskan bumi Palestin daripada penguasaan musuh Islam dengan segala kekuatan yang mereka miliki walaupun mereka berasa terbeban dan susah. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *An-Nisaak*, ayat 104:

إِن تَكُونُوا۟ تَأْلَمُونَ فَإِنَّهُمْ يَأْلَمُونَ كَمَا تَأْلَمُونَ ۖ
وَتَرْجُونَ مِنَ ٱللَّهِ مَا لَا يَرْجُونَ ۗ

> *...sebab jikalau kamu menderita sakit maka sesungguhnya mereka pun menderita sakitnya seperti kamu; sedang kamu mengharapkan daripada Allah apa yang mereka tidak harapkan.*

Allah s.w.t. menjelaskan pula dalam surah *Ali Imran*, ayat 146:

وَكَأَيِّن مِّن نَّبِيٍّ قَٰتَلَ مَعَهُۥ رِبِّيُّونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُواْ لِمَآ أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَمَا ضَعُفُواْ وَمَا ٱسْتَكَانُواْۗ وَٱللَّهُ يُحِبُّ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٤٦﴾

> *Dan beberapa banyak daripada nabi-nabi (dahulu) sudah berperang dengan disertai oleh ramai orang yang taat kepada Allah, maka mereka tidak berasa lemah semangat akan apa yang sudah menimpa mereka di jalan Allah, dan mereka tidak mahu tunduk (kepada musuh). Dan (ingatlah) Allah sentiasa mengasihi orang yang sabar.*

Orang Islam sudah menghadapi pelbagai jenis musuh sepanjang perjuangan mereka dalam menegakkan agama Allah s.w.t. Tetapi, musuh yang mereka hadapi dahulu tidak seperti musuh yang mereka hadapi pada hari ini. Bangsa Yahudi lain daripada musuh-musuh Islam yang mereka hadapi dahulu. Yahudi memiliki tujuan dan cara mereka tersendiri.

Musuh yang dihadapi oleh orang Islam pada zaman dahulu berbeza dengan Yahudi yang mereka hadapi pada hari ini. Musuh Islam daripada orang kafir, tentera Salib, dan selain daripada mereka hanya datang dan menjajah sebuah negara. Mereka tidak membawa ahli keluarga untuk menetap di bumi itu. Keluarga mereka masih kekal di negara asal mereka. Mereka hanya ingin menguasai penduduk negara itu sahaja.

Yahudi pula datang ke Palestin membawa keluarga, kaum kerabat, dan semua keturunan mereka supaya menetap di bumi yang dirampas. Bukan itu sahaja, mereka bercita-cita menegakkan negara mereka sendiri di atas

negara yang mereka runtuhkan. Mereka menghalau ahli negara itu tanpa perasaan belas kasihan. Perancis tidak seteruk Yahudi semasa menjajah Semenanjung Tanah Arab. Mereka hanya datang menjajah, tetapi tidak membawa keluarga mereka untuk tinggal di negara yang mereka jajah. Mereka meninggalkan keluarga mereka untuk hidup di negara asal.

Antara cara paling keji yang digunakan oleh Israel, mereka menyembelih rakyat Palestin di kampung-kampung yang ada di Palestin. Antaranya, di kampung Syeikh Yaasin dan lain-lain lagi.

Permukiman Yahudi di bumi Palestin bercanggah dengan syariat Islam. Justeru, kita perlu memperjuangkan kembali hak kita. Kita perlu berjihad mempertahankan bumi Palestin sehingga Allah s.w.t. membenarkan kebenaran dan menghapuskan kebatilan, meskipun orang-orang yang berdosa membenci kebenaran itu.

Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Al-Baqarah,* ayat 190 hingga ayat 191:

وَقَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمۡ وَلَا تَعۡتَدُوٓاْۚ
إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُعۡتَدِينَ ١٩٠ وَٱقۡتُلُوهُمۡ حَيۡثُ
ثَقِفۡتُمُوهُمۡ وَأَخۡرِجُوهُم مِّنۡ حَيۡثُ أَخۡرَجُوكُمۡۚ

Dan perangilah kerana agama Allah orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang menceroboh.

Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usir mereka dari tempat yang mereka sudah mengusir kamu.

Kerana itu, segala muamalat yang dilakukan dengan Yahudi adalah sia-sia selagi muamalat kita membenarkan kewujudan mereka di bumi Palestin.

Segala tindakan dan perbuatan kita kepada Yahudi yang menyokong permukiman mereka di tanah Palestin adalah perbuatan buruk. Setiap perkara yang lahir daripada kebatilan, ia pasti menjadi satu perkara batil.

Perbuatan seperti itu perlu dielakkan. Ini kerana, ditakuti perbuatan itu menjadi cabang untuk kita melakukan kezaliman dan kita bekerjasama dengan mereka yang tidak mempercayakan Allah s.w.t. dan Rasul-Nya. Tidak cukup dengan itu, Yahudi pasti berterusan memerangi umat Islam.

Selain itu, syarak mewajibkan kita supaya menolak sebarang perjanjian dengan Zionis yang merampas bumi Palestin. Mereka menghalau dan membunuh penduduk Palestin. Ini bukan satu perjanjian damai, tetapi perjanjian yang melemahkan dan menyerah kalah. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Muhammad*, ayat 35:

فَلَا تَهِنُوا۟ وَتَدْعُوٓا۟ إِلَى ٱلسَّلْمِ وَأَنتُمُ ٱلْأَعْلَوْنَ وَٱللَّهُ مَعَكُمْ
وَلَن يَتِرَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ ﴿٣٥﴾

Maka janganlah kamu lemah dan mengajak berdamai, padahal kamu adalah orang yang tertinggi keadaannya. Dan Allah bersama-sama kamu dan Dia tidak akan mengurangi pahala amal-amal kamu.

Cuba kita teliti soalan seorang pemuda yang diajukan kepada saya pada tahun 1948. Beliau bertanyakan tentang keharusan mereka menyertai Parlimen Yahudi. Masuk bersama dalam kabinet yang ditubuhkan oleh negara Israel. Sebahagian daripada mereka berpendapat, penyertaan itu membawa kebaikan kepada rakyat Palestin daripada beberapa sudut.

Mungkin pemuda itu memaksudkan beberapa kebaikan tertentu yang memberi kebaikan kepada penduduk Palestin. Ini adalah satu perkara yang menggusarkan pemikiran saya. Pemuda itu mungkin menggunakan *fiqh muwazanat*, iaitu pemahaman dalam menimbang sesuatu perkara antara

perkara yang membawa kebaikan dan perkara yang membawa keburukan. Ini adalah pemahaman asas dalam pentadbiran Islam.

Sekiranya masyarakat Palestin mendapat banyak kebaikan dan keuntungan daripada kerugian dan keburukan, maka harus untuk mereka menyertai Parlimen Israel. Mereka boleh menyertai parlimen sekiranya mereka melihat tindakan itu memberi kebaikan kepada rakyat Palestin.

Pada pandangan saya, selepas saya meneliti secara mendalam dan mengkaji beberapa perkara daripada segenap sudut, saya melihat daripada sudut berbeza. Perkara yang sepatutnya dipilih oleh rakyat Palestin adalah untuk tidak menyertai kabinet negara Israel. Apabila mereka menyertai kabinet Parlimen Israel, mereka seolah-olah mengiktiraf kewujudan negara Yahudi. Situasi itu memberi peluang kepada Yahudi untuk kekal lebih lama di atas bumi yang dimiliki oleh rakyat Palestin.

Sepatutnya, rakyat Palestin menentang penubuhan negara Yahudi dan tidak menunjukkan sedikit pun rasa kebersamaan dengan mereka. Rakyat Palestin perlu melawan dan berjuang hingga ke titisan darah terakhir bagi mendapatkan kembali hak mereka.

Kita sebagai tuan rumah tidak sepatutnya tunduk kepada orang yang merampas rumah kita! Walaupun waktu itu berlalu selama mana pun, kebenaran tetap selama-lamanya kebenaran dan kebatilan tetap selama-lamanya menjadi kebatilan. Tidak mungkin kebatilan bertukar menjadi kebenaran. Sesuatu yang haram tidak sesekali bertukar menjadi halal.

Justeru, saya tidak bersetuju dalam isu perjanjian damai yang dilakukan dengan Israel. Saya juga tidak bersetuju rakyat Palestin menyertai Parlimen Israel.

Kita sewajarnya melihat urusan itu dengan kaca mata halus. Sekiranya kita menilai perkara itu menggunakan pemahaman yang betul dalam menimbang sesuatu keputusan, kita pasti mendapati kebaikan dalam jangka masa panjang. Kita perlu membuat sesuatu keputusan bukan untuk kebaikan jangka masa pendek sahaja. Tetapi, ia perlu difikirkan untuk jangka masa panjang. Kebaikan itu pula perlu meliputi seluruh

bangsa Arab Palestin dan keadaan mereka. Kesinambungan jihad perlu berterusan. Dakwah Islam perlu sentiasa bergerak.

Qawaid fiqhiyyah, iaitu kaedah menetapkan hukum dalam fiqh mengajar kita bagaimana cara bagi memilih antara perkara yang membawa kebaikan dan perkara yang membawa kepada keburukan. Kaedah itu juga mengajar kita cara-cara bagi memilih antara dua kebaikan, iaitu sekiranya bertembung antara perkara yang membawa kebaikan dan perkara yang membawa keburukan, kita perlu memilih perkara yang membawa kebaikan.

Sekiranya bertembung antara kebaikan yang bersifat kuliyyah, iaitu kebaikan untuk semua masyarakat dengan kebaikan yang bersifat juziyyah, iaitu kebaikan untuk sebahagian daripada masyarakat, maka kebaikan yang bersifat kuliyyah perlu didahulukan.

Sekiranya perkara yang membawa kebaikan untuk jangka masa pendek bertembung dengan perkara yang membawa kebaikan untuk jangka masa panjang, maka perkara yang membawa kebaikan untuk jangka masa panjang perlu didahulukan.

Oleh itu, saya menegaskan, haram untuk rakyat Palestin menyertai kabinet berparlimen yang dikuasai oleh musuh, kecuali sekiranya ia membawa keburukan tertentu kepada mereka. Ada hukum yang membolehkan mereka melakukan sedemikian sekiranya rakyat Palestin menghadapi keadaan-keadaan tertentu. Tetapi, rakyat Palestin perlu berusaha semampu mungkin dan tidak memudahkan sesuatu perkara sehingga mereka tidak berhajat langsung kepada golongan perampas, kaum Yahudi!

Anak-anak Palestin perlu berpegang pada kebenaran. Kamu semua perlu menggigit sekemas-kemasnya kebenaran dengan gigi geraham kamu. Jangan lepaskannya. Tetapkanlah pendirian untuk berada di jalan yang benar dan bersabarlah. Anak-anak Palestin perlu sentiasa bersama-sama dengan orang yang berjuang di jalan Allah s.w.t. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Ali Imran*, ayat 200:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱصْبِرُوا۟ وَصَابِرُوا۟ وَرَابِطُوا۟
وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٠٠﴾

Wahai orang yang beriman! Bersabarlah kamu dan kuatkanlah kesabaran kamu, dan bersedialah serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu berjaya.

Sentiasa berdoa seperti golongan beriman daripada sahabat Talut berdoa kepada Allah s.w.t. dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 250:

رَبَّنَآ أَفْرِغْ عَلَيْنَا صَبْرًا وَثَبِّتْ أَقْدَامَنَا
وَٱنصُرْنَا عَلَى ٱلْقَوْمِ ٱلْكَٰفِرِينَ ﴿٢٥٠﴾

Wahai Tuhan kami! Limpahkanlah sabar kepada kami, dan teguhkanlah tapak pendirian kami, serta menangkanlah kami terhadap kaum yang kafir.

Bab 13

Persoalan-Persoalan Berkenaan Tawanan yang Ditawan oleh Zionis di Bumi Palestin

Solat Tawanan di dalam Penjara

Bagaimana seorang tawanan dapat menunaikan solat fardhu di dalam penjara. Ketika itu, tangan dan kakinya diikat? Tubuhnya pula dirantai kemas pada dinding penjara. Kepalanya ditutup dengan penutup muka.

Sedangkan dia dalam keadaan berhadas, iaitu tidak suci dan kotor. Dia pula tidak dibenarkan membuang air dengan cara biasa selama beberapa hari. Oleh itu, sekiranya seorang tawanan berada dalam keadaan itu, bagaimanakah dia menunaikan kewajipannya?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Segala puji untuk Allah s.w.t. Selawat dan dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. Kita sama-sama berharap supaya Allah s.w.t. membebaskan saudara-saudara kita yang ditahan. Semoga Allah s.w.t. melimpahkan rahmat-Nya kepada saudara-saudara kita di sana. Semoga Allah s.w.t. memudahkan setiap urusan dan seksaan yang terpaksa mereka lalui.

Menjawab persoalan yang ditanya oleh saudara kita, solat adalah ibadah wajib kepada seluruh umat Islam walau bagaimana sekalipun keadaan mereka. Sama ada mereka sihat ataupun sakit, dalam keadaan baik ataupun ditimpa musibah. Sama ada ketika berada di tempat sendiri ataupun bermusafir, dalam keadaan aman ataupun berperang. Oleh itu, seseorang tidak memiliki alasan meninggalkan solat selagi dia berada dalam keadaan sedar. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 238 hingga 239:

حَٰفِظُواْ عَلَى ٱلصَّلَوَٰتِ وَٱلصَّلَوٰةِ ٱلْوُسْطَىٰ وَقُومُواْ
لِلَّهِ قَٰنِتِينَ ﴿٢٣٨﴾ فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا ۖ فَإِذَآ

أَمِنتُمْ فَٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا۟ تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٩﴾

Peliharalah kamu segala solat fardu, khasnya solat wusta (asar), dan berdirilah kerana Allah (dalam solat kamu) dengan khusyuk.

Dan jikalau kamu takuti (sesuatu bahaya) maka solatlah sambil berjalan ataupun berkenderaan, kemudian apabila kamu sudah aman sentosa, maka hendaklah kamu mengingati Allah, sebagaimana Allah sudah mengajar kamu apa yang kamu tidak mengetahuinya.

Ayat ini menerangkan, seorang Muslim itu wajib menunaikan solat fardhu walau bagaimanapun keadaan mereka. Seandainya mereka berada dalam ketakutan seperti dalam situasi peperangan, diperangi musuh, mereka tetap wajib menunaikan solat. Mereka boleh menunaikan solat dalam keadaan berjalan ataupun menunggang selagi mereka mampu. Iaitu solat mengikut kemampuan diri, sama ada di atas binatang tunggangan, kapal terbang, ataupun apa-apa kenderaan, selagi mereka mampu.

Rasulullah s.a.w. berkata kepada Imran bin Husain, "Solatlah kamu dalam keadaan berdiri. Sekiranya kamu tidak mampu, solatlah dalam keadaan duduk. Sekiranya kamu masih tidak mampu maka, solatlah di perbaringan."[1]

Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *At-Taghabun*, ayat 16:

Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu.

Rasulullah s.a.w. menjelaskan, "Sekiranya kamu disuruh melakukan sesuatu, maka lakukanlah suruhan itu mengikut kemampuan kamu."[2]

Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ۚ

Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya.

Fiqh Islam menetapkan, bersuci adalah syarat sah solat seseorang itu. Contohnya, suci daripada kekotoran, suci daripada najis, menghadap kiblat, menutup aurat, dan selain daripada itu yang termasuk dalam syarat sah solat.

Namun, terdapat rukun-rukun solat yang gugur apabila seseorang itu betul-betul tidak mampu melakukannya. Contohnya, berdiri tegak, rukuk, sujud, dan lain-lain lagi.

Apabila seseorang itu tidak mampu bersuci menggunakan air, dia boleh bersuci dengan bertayamum. Kemudian, dia boleh menunaikan solat dan tidak berhajat kepada berwuduk menggunakan air dan mandi.

Sekiranya seseorang itu tidak mampu untuk bersuci menggunakan air ataupun tayamum, iaitu berada dalam keadaan sebagaimana yang ditanya oleh saudara, dalam masalah ini, ulama fiqh menamakannya sebagai orang yang hilang suci. Ini bermaksud, tidak dapat mengambil air dan tayamum. Maka, tawanan yang berada dalam keadaan itu boleh menunaikan solat tanpa wuduk menggunakan air atau bertayamum.

Ibnu Rejab menyebut dalam kitab *Jami' Al-Ulum wal Hikam*, Rasulullah s.a.w. menjelaskan, "Sekiranya kamu disuruh melakukan sesuatu, maka lakukanlah suruhan itu mengikut kemampuan kamu."

Dalil ini menyatakan, seseorang yang tidak mampu melaksanakan tuntutan yang diwajibkan kepada dirinya, maka dia boleh menunaikan kewajipan itu setakat yang dia mampu. Sekiranya dia tidak mampu melaksanakan seluruh tuntutan, dia boleh melaksanakan separuh daripada tuntutan itu selagi dia mampu menunaikannya. Ini adalah masalah terpencil.[3]

Sesiapa yang tidak mampu menghadap kiblat, seperti tawanan yang dikurung di dalam penjara dan diikat pada dinding, dia boleh menunaikan solat mengikut kemampuan dirinya.

Sesiapa yang tidak mampu menunaikan solat dalam keadaan berdiri ataupun duduk, dia boleh menunaikan solat dengan memberi isyarat. Dia boleh memberi isyarat menggunakan kepala ataupun dahi mengikut kemampuan.

Solat itu wajib dilaksanakan selagi dia mampu melakukannya dalam apa-apa keadaan sekalipun. Allah s.w.t. tidak membebankan hamba-Nya melainkan mengikut kemampuan seseorang hamba itu. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Haj, ayat* 78:

هُوَ ٱجْتَبَىٰكُمْ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي ٱلدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ۚ

Dia sudah memilih kamu dan Dia tidak menjadikan atas kamu menanggung susah payah dalam perkara agama.

Seharusnya ketika seseorang beragama Islam berada dalam keadaan itu, dia perlu banyak bermunajat kepada Allah s.w.t. Ketika seseorang ditimpa musibah, sewajarnya dia banyak menunaikan solat bagi memohon bantuan dan pertolongan daripada Allah s.w.t. Dia juga perlu bersabar menanti pertolongan daripada Allah s.w.t. Ini adalah cara untuk dia menghadapi musuh Allah s.w.t.

Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 153:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱسْتَعِينُوا۟ بِٱلصَّبْرِ وَٱلصَّلَوٰةِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ
مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Wahai sekalian orang yang beriman! Mintalah pertolongan dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) solat; kerana sesungguhnya Allah menyertai orang yang sabar.

Seseorang Muslim wajib menunaikan kewajipan solat fardhu dalam apa keadaan sekalipun selagi dia dalam keadaan sedar. Sekiranya seseorang berada dalam keadaan tidak sedar atau hilang akal, maka tanggungjawab itu tidak dibebankan ke atasnya sehingga dia sedar. Amalannya pada waktu itu tidak akan dicatat. Wallahu'alam.

Kiblat Tawanan di dalam Penjara Bawah Tanah

Soalan

Bagaimana seorang tawanan yang berada di dalam penjara tertutup dapat menunaikan solat sedangkan dia tidak mengetahui arah kiblat? Sekiranya dia menunaikan solat namun selepas itu dia mengetahui arah kiblat yang sebenar, adakan dia perlu mengulangi solat itu?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Solat menghadap kiblat adalah perkara wajib. Menghadap kiblat antara asas solat yang ditetapkan dalam Al-Quran, hadith, dan ijmak ulama. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 144:

قَدۡ نَرَىٰ تَقَلُّبَ وَجۡهِكَ فِي ٱلسَّمَآءِۖ فَلَنُوَلِّيَنَّكَ قِبۡلَةٗ
تَرۡضَىٰهَاۚ فَوَلِّ وَجۡهَكَ شَطۡرَ ٱلۡمَسۡجِدِ ٱلۡحَرَامِۚ
وَحَيۡثُ مَا كُنتُمۡ فَوَلُّواْ وُجُوهَكُمۡ شَطۡرَهُۥ

Kerapkali Kami melihat kamu menengadah ke langit, maka Kami benarkan kamu mengadap kiblat yang kamu sukai. Oleh itu palingkanlah muka kamu ke arah Masjidil Haram; dan di mana sahaja kamu berada maka hadapkanlah muka kamu ke arahnya.

Rasulullah s.a.w. dan para sahabat solat menghadap kiblat. Ini adalah perkara yang *thabit*, iaitu tetap. Perkara ini dilaporkan oleh para sahabat dan ulama selepas itu secara *mutawatir*, iaitu diceritakan oleh ramai orang seperti mana ulama juga bersepakat dalam hal ini.

Seorang Muslim yang ingin menunaikan solat perlu mengetahui arah kiblat sebelum menunaikannya. Sekiranya dia tidak mengetahui arah kiblat, dia perlu bertanyakan penduduk setempat ataupun orang yang didapati berada di kawasan sekitarnya. Selain itu, dia juga boleh menggunakan kompas bagi menunjukkan arah kiblat. Dia juga boleh berijtihad dalam menentukan arah kiblat seperti melihat matahari, bulan, bintang kutub, ataupun selain daripada itu.

Sekiranya dia masih tidak mendapati apa-apa tanda yang membantunya dalam mengetahui arah kiblat walaupun dengan *zhon*, iaitu sangkaan, maka dia boleh solat ke arah mana sekalipun. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 115:

وَلِلَّهِ ٱلْمَشْرِقُ وَٱلْمَغْرِبُ ۚ فَأَيْنَمَا تُوَلُّوا۟ فَثَمَّ وَجْهُ ٱللَّهِ ۚ إِنَّ
ٱللَّهَ وَٰسِعٌ عَلِيمٌ ﴿١١٥﴾

Dan Allah jugalah yang memiliki timur dan barat, maka ke mana sahaja kamu arahkan diri (ke kiblat bagi menghadap Allah) maka di situlah arah yang diredhai Allah; sesungguhnya Allah maha luas (rahmat-Nya dan limpah kurnia-Nya), lagi sentiasa mengetahui.

Rukun dan syarat sah solat wajib dilaksanakan untuk mereka yang mampu. Ia gugur daripada mereka yang tidak berkemampuan. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *At-Taghabun*, ayat 16:

Oleh itu bertakwalah kamu kepada Allah sedaya upaya kamu.

Rasulullah s.a.w. menjelaskan, "Sekiranya kamu disuruh melakukan sesuatu, maka lakukanlah suruhan itu mengikut kemampuan kamu."

Sekiranya dia mengetahui arah sebenar kiblat selepas dia menunaikan solat, maka dia tidak perlu mengulangi solat itu. Solatnya sah dan dia perlu mengulang kembali solat itu.

Puasa Tawanan di dalam Penjara

Soalan

Apakah hukum seorang tawanan yang berpuasa sedangkan ketika itu dia sedang disoal siasat dan berada di bawah pemerhatian pegawai penjara?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Puasa dilaksanakan bagi mengecam nafsu syahwat. Puasa dilaksanakan dengan menahan dan mencegah diri daripada makan, minum, dan menggauli isteri. Seorang yang berpuasa perlu berniat bagi mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Seorang Muslim itu boleh menunaikan puasa walaupun dia berada dalam apa keadaan sekalipun. Walaupun dia ditahan dan berada di dalam penjara, dia perlu berpuasa selagi dia memenuhi syarat sah puasa. Syarat sah puasa adalah berniat untuk berpuasa dan menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang membatalkannya.

Namun, seorang Muslim yang ditahan dan berada di dalam penjara tidak mampu menunaikan puasa kerana dia tidak bersahur. Kebiasaannya, banduan di dalam penjara hanya diberi makan pada waktu tengah hari. Dia tidak boleh menyimpan makanannya itu sehingga waktu malam. Keadaan itu menyusahkan dia untuk berbuka puasa. Allah s.w.t. tidak membebankan hamba-Nya melainkan mengikut kemampuannya. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Haj*, ayat 78:

...dan Dia tidak menjadikan atas kamu menanggung susah payah dalam perkara agama.

Rasulullah s.a.w. melihat seorang pemuda dalam keadaan bermusafir. Dia berada dalam keadaan susah dan memerlukan pertolongan. Lalu, beberapa orang yang berada di sekitar itu menghulurkan air kepada pemuda itu. Ketika dihulurkan air, lelaki itu menolak dan mengatakan dia sedang berpuasa. Lalu, Rasulullah s.a.w. berkata, "Bukan sesuatu yang elok seseorang berpuasa ketika dia bermusafir. Seorang yang bermusafir itu pasti menghadapi kesukaran."

Rasulullah s.a.w. melarang mereka yang bermusafir untuk berpuasa. Sama juga dengan orang yang ditahan dan dipenjarakan oleh musuh. Mereka tidak digalakkan untuk berpuasa. Mereka tidak mampu untuk berpuasa kerana tidak mendapat makanan dan minuman pada waktu yang sesuai. Mereka pasti kecundang dengan kelaparan. Kita tidak ingin melihat mereka yang ditahan itu jatuh tersungkur di hadapan musuh.

Seseorang Muslim perlu berbuka sekiranya dia berada dalam keadaan itu. Keadaan itu sama seperti keadaan seseorang yang sakit ataupun yang sedang bermusafir. Tetapi, dia perlu berniat menunaikan puasa pada hari lain, iaitu selepas dia dibebaskan dari penjara ataupun pegawai penjara melayan dirinya dengan baik.

Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 185:

يُرِيدُ ٱللَّهُ بِكُمُ ٱلْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ ٱلْعُسْرَ

Allah menghendaki kemudahan untuk kamu dan tidak menghendaki kesukaran untuk kamu.

Tawanan Diseksa kerana Tidak Mahu Membuka Rahsia dan Tidak Mengiktiraf Negara Yahudi

Soalan

Apakah hukum untuk seorang tawanan yang berkeras dengan pegawai penjara, iaitu dia tidak mahu menjawab soalan yang ditanya kepada dirinya perihal rahsia-rahsia penting? Dia juga tidak mahu mengiktiraf negara Yahudi.

Apabila ditanya mengenai sahabatnya, dia menyembunyikan perkara itu kerana tidak mahu sahabatnya ditahan. Ketegasannya itu membawa kemudaratan kepada dirinya sendiri. Mungkin pegawai penjara menyeksa tawanan itu dengan seksaan yang teruk. Dia menanggung bebanan yang berat ketika di dalam penjara kerana tidak mahu tunduk kepada pegawai penjara yang bertanya ketika disoal siasat.

Kemungkinan besar, dia diseksa sehingga syahid. Justeru, apakah hukum daripada pandangan syarak mengenai keadaan yang sedang dihadapi oleh tawanan itu?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Sememangnya tawanan itu seorang yang tegas. Dia sanggup diseksa dan sabar dengan seksaan yang diterima supaya sahabat yang lain terselamat. Dia tidak mahu membocorkan rahsia dan memberi maklumat kepada musuh. Ini menunjukkan, iman yang ada dalam hati tawanan itu begitu kuat. Situasi itu juga membuktikan, dia seorang yang berpegang teguh dengan pendiriannya sendiri. Ini adalah amalan paling besar seorang Muslim bagi mendekatkan diri kepada Pencipta.

Tawanan itu menyelamatkan sahabatnya dengan mengorbankan diri sendiri. Dia mungkin tidak mampu menghadapinya. Dia juga mungkin tidak mempunyai kekuatan ketika menahan seksaan yang dikenakan kepada dirinya.

Tahanan yang bersabar dengan seksaan dan dugaan yang dihadapi kerana Allah s.w.t. serta menyelamatkan sahabatnya daripada kemudaratan dan musibah yang dihadapi adalah orang yang benar-benar beriman kepada Allah s.w.t. Mereka ini tergolong dalam kalangan orang yang mengutamakan orang lain berbanding dengan diri mereka sendiri meskipun ketika itu dia sangat memerlukannya.

Tidak ada yang sanggup bersabar dengan musibah sebegini melainkan mereka yang tergolong dalam kalangan *rijal ulul azmi*, iaitu para rasul yang paling sabar dalam menyampaikan dakwah. Namun, kewujudan golongan seperti itu sangat sedikit. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-Hasyr*, ayat 9:

...dan mereka mengutamakan (kaum Muhajirin itu) lebih daripada diri sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan.

Allah s.w.t. menurunkan ayat itu bagi memuji golongan Ansar dan mengkhabarkan kepada mereka bahawa mereka tergolong dalam kalangan orang-orang yang berjaya.

Ayat itu turun kepada seorang sahabat daripada kalangan Ansar yang menghidangkan makanan kepada tetamunya daripada kaum Muhajirin. Sedangkan pada ketika itu, dia dan ahli keluarga berada dalam kelaparan. Bagaimana seorang yang berada dalam keadaan susah sebegitu mampu memberikan apa yang diperlukan oleh diri sendiri dan keluarga kepada sahabatnya?

Itu adalah ciri-ciri orang yang mulia dan memiliki tahap *ithar*, iaitu melebihkan orang lain daripada diri sendiri. Itu adalah golongan yang memiliki kedudukan paling mulia di sisi Allah s.w.t. Mereka adalah golongan yang diredhai oleh Allah s.w.t. dan ahli-ahli syurga.

Saya mengetahui, terdapat kalangan mereka itu ditimpa penyakit gila, diseksa di dalam penjara perang sehingga meninggal dunia di jalan Allah

s.w.t. Mereka tetap tidak mendedahkan rahsia sahabat mereka sehingga mereka syahid.

Kita tidak mampu melakukan apa-apa bagi membantu mereka melainkan berdoa semoga Allah s.w.t. memuliakan dan mengangkat darjat mereka sepanjang mereka hidup. Semoga Allah s.w.t. mengampunkan dan merahmati kewafatan mereka. Mereka berhak tergolong dalam kalangan yang disebut oleh Allah s.w.t. dalam surah *Al-Ahzab*, ayat 23 hingga ayat 24:

مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا۟ مَا عَٰهَدُوا۟ ٱللَّهَ عَلَيْهِ ۖ فَمِنْهُم
مَّن قَضَىٰ نَحْبَهُۥ وَمِنْهُم مَّن يَنتَظِرُ ۖ وَمَا بَدَّلُوا۟ تَبْدِيلًا ﴿٢٣﴾
لِّيَجْزِىَ ٱللَّهُ ٱلصَّٰدِقِينَ بِصِدْقِهِمْ

Antara orang yang beriman itu, ada lelaki yang bersikap benar menunaikan apa yang sudah dijanjikannya kepada Allah; maka antara mereka ada yang sudah selesai menjalankan janjinya itu, dan antaranya ada yang menunggu giliran; dan mereka pula tidak mengubah janji mereka itu sedikit pun.

Supaya Allah membalas orang yang benar kerana kebenaran mereka.

Tawanan yang Tidak Tahan Diseksa, Lalu Menyebut Nama Sahabatnya

Soalan

Apakah hukum seorang tawanan yang tidak tahan diseksa oleh musuh, lalu membuka rahsia. Dia tunduk kepada musuh dan menyebut nama-nama sahabatnya yang terbabit?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Terdapat dalam kalangan tawanan yang tidak tahan diseksa dan dipaksa menyebut nama sahabatnya, lalu dia menyebutnya. Ini berlaku selepas dia dipaksa dengan teruk dan tidak tahan menghadapi kesakitan yang dikenakan oleh pihak musuh kepada dirinya. Dia tidak mampu bertahan. Dia termasuk dalam kalangan orang yang dipaksa. Dalam keadaan itu, dia begitu tertekan sehingga menuruti apa yang diinginkan oleh musuh. Akal adalah asas kepada *taklif*, iaitu pertanggungjawaban dan kewajipan.

Allah s.w.t. membolehkan seseorang menyebut kata-kata yang membawa kepada kekufuran sekiranya seseorang itu dipaksa secara bertubi-tubi. Cara itu bertujuan mengelakkan diri daripada diseksa dan terus disakiti oleh musuh. Sedangkan dalam keadaan itu, hatinya berasa tenang dengan beriman.

Seorang sahabat Rasulullah s.a.w., iaitu Amar bin Yasir pernah menghadapi situasi itu. Tuannya memaksa beliau untuk kufur dan menyebut kata-kata pujian kepada tuhan orang Musyrikin. Pada saat itu, beliau diseksa dengan teruk sehingga beliau menyebut kata-kata kufur, memuji tuhan kaum Musyrikin, dan mencela Nabi Muhammad s.a.w. Beliau hanya menyebut kata-kata itu di bibirnya sahaja, sedangkan hati beliau mengatakan sebaliknya.

Allah s.w.t. menurunkan ayat Al-Quran dalam surah *An-Nahl*, ayat 106:

مَن كَفَرَ بِٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ إِيمَٰنِهِۦٓ إِلَّا مَنۡ أُكۡرِهَ
وَقَلۡبُهُۥ مُطۡمَئِنُّۢ بِٱلۡإِيمَٰنِ وَلَٰكِن مَّن شَرَحَ بِٱلۡكُفۡرِ
صَدۡرٗا فَعَلَيۡهِمۡ غَضَبٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَلَهُمۡ عَذَابٌ
عَظِيمٞ ١٠٦

Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah dia beriman, kecuali orang yang dipaksa kufur sedang hatinya tenang dengan iman; tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur, maka atas mereka tertimpa kemurkaan daripada Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.

Rasulullah s.a.w. menjelaskan, "Allah melepaskan umatku sekiranya mereka tersalah, terlupa, dan dipaksa."[4]

Seseorang Muslim yang menghadapi keadaan itu perlu bertahan dan sabar menghadapi segala seksaan dan tujahan yang dikenakan oleh musuh kepada dirinya. Mereka perlu bersabar semampu mereka.

Namun, sekiranya mereka tidak mampu bertahan, lalu menyebut nama sahabat mereka, insya Allah mereka tidak berdosa dan tidak mendapat *kafarah*, iaitu denda. Tetapi, mereka perlu memohon keampunan daripada Allah s.w.t. atas perlakuan yang mereka katakan dan lakukan. Memohon ampun daripada Allah s.w.t. adalah perbuatan mulia.

Kita tidak dituntut supaya memohon ampunan daripada Allah s.w.t. dalam keadaan itu sahaja. Bahkan dalam apa-apa keadaan sekalipun, kita perlu memohon ampunan Allah s.w.t.

Tawanan Mogok Lapar

Soalan

Apakah hukum tawanan yang berada di dalam penjara melakukan mogok lapar? Cara itu memberi kesan besar kepada pengawal penjara. Mereka pasti berfikir kembali dan membantu tawanan.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Tawanan boleh menyelamatkan diri dengan melakukan percubaan mogok lapar. Tindakan itu berkesan kepada banduan. Ini adalah satu cara yang menyebabkan penjajah berasa marah dan bengang. Setiap perkara yang

menyebabkan orang kafir berasa marah adalah perkara yang dipuji oleh syarak.

Allah s.w.t. memuji sahabat Rasulullah s.a.w. dalam surah *Al-Fath*, ayat 29:

يُعْجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلْكُفَّارَ ۗ

> *...dengan keadaan yang mengagumkan orang yang menanamnya, kerana Dia hendak jadikan orang kafir merana dengan perasaan marah.*

Allah s.w.t. juga memberitahu para mujahidin, dalam surah *At-Taubah*, ayat 120:

وَلَا يَطَـُٔونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ ٱلْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ
مِنْ عَدُوٍّ نَّيْلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِۦ عَمَلٌ صَـٰلِحٌ ۚ

> *Dan tidaklah mereka menjejak sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang kafir; dan tidaklah mereka mendapat bahaya daripada musuh melainkan semuanya itu ditulis untuk mereka dengannya (pahala) amal yang soleh.*

Cara itu menyebabkan musuh berasa marah. Musuh pasti mendengar apa yang ingin diluahkan oleh tawanan. Penganiayaan dan kezaliman yang dilakukan terhadap tawanan pasti lebih didengari oleh pengawal penjara. Cara itu membantu mereka mendapatkan kembali hak-hak mereka. Perkara itu elok di sisi syarak selagi tidak membawa mudarat kepada diri sendiri. Ia boleh dilakukan sekiranya tidak membawa kepada kebuluran dan kematian.

Seorang yang beragama Islam perlu bersabar dan bertahan ketika menanggung bebanan yang dikenakan kepada mereka. Mereka tidak boleh menyeksa diri menggunakan cara mogok lapar sehingga mengancam

nyawa diri sendiri. Ini kerana, nyawa adalah harta yang bukan menjadi milik tawanan. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *An-Nisaak,* ayat 29:

...dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihi kamu.

Isteri Meminta Talak daripada Suami yang Dipenjarakan

Soalan

Seorang tawanan dipenjarakan seumur hidup, iaitu dalam tempoh selama 50 ataupun 100 tahun. Apakah hukum isteri meminta talak untuk bercerai daripada tawanan itu?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Pada pandangan saya, lebih elok sekiranya isteri tawanan itu menunggu sehingga suaminya kembali ke pangkuannya, dengan izin Allah s.w.t. Terutamanya, isteri para mujahidin yang berada di Palestin. Suami mereka keluar untuk berjihad di jalan Allah s.w.t. menentang musuh-musuh yang merampas tanah air mereka. Para isteri tawanan perlu bersabar menunggu kepulangan suami mereka. Itu adalah satu bentuk tipu daya kepada musuh. Cara itu juga mampu menyalakan api kemarahan musuh kepada kaum Muslimin.

Pertempuran yang mereka hadapi itu mencabar kaum wanita untuk bersabar dengan keadaan suami yang ditawan, terutamanya sekiranya mereka mempunyai anak. Sekiranya wanita itu masih muda dan tidak memiliki anak, maka harus untuk dirinya meminta talak daripada suami yang dihukumkan sebagai hilang untuk selama-lamanya. Ini dibenarkan dalam sebahagian daripada mazhab, iaitu apabila suami hilang ataupun

tidak pulang kepada isteri selama empat tahun ataupun lebih dengan sebab dipenjarakan ataupun dengan sebab lain.

Jalan terbaik bagi menyelesaikan masalah itu adalah, suami menguji isteri dengan memberi pilihan sama ada isteri mahu kekal bersama-sama suami yang menjadi tawanan di dalam penjara ataupun berpisah. Ini lebih baik daripada seseorang isteri meminta talak dari mahkamah. Perkara itu dapat memuliakan hubungan antara sesama Muslim. Tambahan pula sekiranya mereka tergolong dalam kalangan yang mempelajari agama dan mujahidin-mujahidin yang berperang di jalan Allah s.w.t.

Mengikut pengetahuan saya, wanita-wanita Mesir adalah golongan isteri yang penyabar. Mereka sanggup menunggu suami, walaupun selama 10 ataupun 20 tahun, sehingga suami mereka dibebaskan dari penjara. Mereka tidak mahu meminta talak daripada suami mereka meskipun dipaksa oleh ahli keluarga dan kaum kerabat terdekat. Mereka setia menanti kepulangan suami.

Kadangkala, terdapat juga dalam kalangan isteri yang tunduk dengan kehendak keluarga, lalu meminta cerai. Selepas itu, dia berkahwin dengan suami baru. Apabila suasana politik negara berubah, suaminya dibebaskan dari penjara. Ini menjadi masalah kepada isteri. Lebih-lebih lagi sekiranya mereka memiliki anak perempuan.

Haji untuk Tawanan

Soalan

Adakah kita boleh melaksanakan ibadat haji untuk orang yang ditawan? Ataupun kita perlu meminta keizinan terlebih dahulu daripada tahanan itu?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Ibadat haji adalah kewajipan terhadap setiap individu. Seseorang itu perlu melaksanakan haji dengan diri dan tubuh badan sendiri. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *An-Najm*, ayat 39:

وَأَن لَّيْسَ لِلْإِنسَٰنِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ﴿٣٩﴾

Dan bahawa sesungguhnya tidak ada untuk seseorang melainkan apa yang diusahakannya.

Tetapi, Allah s.w.t. maha mulia, maha baik, dan selalu melimpahkan rahmat-Nya kepada hamba-hamba-Nya. Allah s.w.t. memberi kelonggaran kepada hamba-Nya dalam ibadat-ibadat tertentu, untuk dilaksanakan oleh orang lain.

Ibadat haji boleh dilaksanakan oleh orang lain ketika seseorang Muslim itu tidak mampu melaksanakannya sama ada dia meninggal ataupun sakit, ataupun dia memang tidak berkemampuan.

Keadaan itu khusus untuk mereka yang memiliki harta dan mampu melaksanakan haji, tetapi dia tidak sempat melaksanakan haji, lalu ditimpa musibah. Allah s.w.t. membolehkan ibadat haji dilaksanakan oleh ahli keluarga lain bagi melepaskan Muslim itu daripada tanggungjawab yang sepatutnya dilaksanakannya sebagai seorang Muslim. Banyak hadith shahih menyebut perihal ini.

Orang yang tidak berkemampuan dalam melaksanakan ibadat haji seperti orang yang sudah meninggal. Selain itu, orang tua yang tidak mampu melaksanakan haji kerana tidak mampu melakukan beberapa perkara tertentu seperti menaiki kereta dan kapal terbang. Dia juga tidak mampu menunaikan rukun-rukun haji seperti berjalan, melontar batu, membawa bebanan.

Orang yang mengalami sakit teruk dan sukar untuk kembali pulih juga termasuk dalam golongan itu. Contohnya orang yang lumpuh, kebiasaannya sukar untuk dia pulih kembali.

Golongan yang ditahan di dalam penjara tidak termasuk dalam golongan itu. Mereka perlu menaruh harapan supaya mereka dibebaskan. Setiap perkara itu pasti berulang. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Ali Imran*, ayat 140:

وَتِلْكَ ٱلْأَيَّامُ نُدَاوِلُهَا بَيْنَ ٱلنَّاسِ

Dan itu adalah keadaan hari-hari, Kami gilirkan antara sesama manusia.

Kita wajib menaruh harapan yang tinggi pada hari esok. Kita juga perlu percaya, kemenangan itu pasti muncul. Kita tidak boleh berputus asa. Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Yusuf*, ayat 87:

إِنَّهُۥ لَا يَاْيْـَٔسُ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْكَـٰفِرُونَ ﴿٨٧﴾

Sesungguhnya tidak berputus asa daripada rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir.

Sekiranya kita ingin meng-*qias*-kan keadaan tawanan tadi kepada keadaan orang tua ataupun orang yang sudah lama jatuh sakit dan tidak mempunyai harapan untuk sembuh, maka qias atau perbandingan itu tidak kena pada tempatnya. Bahkan ia tidak sesuai, tidak betul.

Haji untuk Orang yang Syahid

Soalan

Adakah harus kita menunaikan haji untuk orang yang syahid, sedangkan dia tidak pernah berwasiat supaya kita melakukannya?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Ya, kita harus menunaikan haji untuk orang yang syahid, sekiranya dia tidak pernah melaksanakan haji sepanjang hidupnya. Sama ada orang yang syahid itu ada mewasiatkannya kepada kaum keluarga ataupun tidak, ia bukan menjadi syaratnya.

Orang yang lebih diutamakan bagi menunaikannya haji untuk pihak orang yang syahid adalah anak, saudara, ataupun kaum keluarga yang terdekat. Sekiranya saudara sedarah dagingnya tidak mampu melaksanakan haji untuk orang yang syahid itu, maka saudara seagamanya boleh menunaikannya.

Orang Mukmin itu bersaudara. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Hujurat*, ayat 10:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

Sebenarnya orang yang beriman itu bersaudara.

Tetapi pendapat kami mengatakan, kami lebih mengutamakan kaum kerabat. Hujah ini berdasarkan hadith yang dituturkan oleh Rasulullah s.a.w. mengenai haji, iaitu pengganti urusan yang sepatutnya adalah anak-anak sama ada lelaki ataupun perempuan, seibu ataupun sebapa.

Sebuah hadith menjelaskan, ketika musim haji, Rasulullah s.a.w. mendengar seorang pemuda menyebut, "*Labbaika ya Syabramah*." Lalu, Rasulullah s.a.w. bertanya kepadanya, "Siapakah Syabramah?" Pemuda itu berkata, "Saudara aku ataupun kaum kerabat aku." Rasulullah s.a.w. bertanya kepadanya, "Adakah kamu sudah menunaikan haji untuk diri kamu sendiri?" Lelaki itu menjawab, "Tidak, aku belum menunaikan haji untuk diriku sendiri." Lalu, Rasulullah s.a.w. berkata, "Laksanakan haji untuk diri kamu sendiri. Selepas itu, baru kamu boleh melaksanakan haji untuk Syabramah."[5]

Pelaksanaan Ibadah Korban untuk Tawanan

Soalan

Adakah harus kita melaksanakan korban untuk orang yang ditawan dan dipenjarakan sama ada dia berwasiat ataupun tidak pernah berwasiat supaya kita melakukannya?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Jumhur fuqaha berpendapat, melaksanakan ibadah korban adalah ibadah sunat. Imam Abu Hanifah pula mewajibkan ibadah korban itu kepada orang yang memiliki harta. Justeru, tidak menjadi satu kemudaratan untuk mereka yang ingin melaksanakan ibadah korban bagi pihak orang lain.

Sekiranya seseorang memiliki harta dan mampu berwasiat kepada keluarganya supaya membeli haiwan dan melaksanakan ibadah korban, maka dia harus mewasiatkannya. Sekiranya dia tidak berwasiat kepada keluarganya, maka, ahli keluarga itu tidak berhak membelanjakan hartanya melainkan selepas mendapat izinnya.

Pembayaran Zakat untuk Golongan yang Syahid ataupun Tawanan yang Dipenjarakan

Soalan

Apakah hukum kita membayar zakat harta kepada tawanan yang sudah syahid, ataupun mereka masih ditahan di dalam penjara? Apakah hukum kita membantu keluarga tawanan? Apakah kelebihannya dalam agama?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Membayar zakat untuk tawanan, ataupun orang yang dipenjarakan adalah tuntutan syarak. Bahkan, kita wajib melakukannya sekiranya mereka tergolong dalam kalangan *asnaf thamaniyah,* iaitu lapan golongan yang berhak menerima zakat. Surah *At-Taubah,* ayat 60 ada menjelaskan:

﴿ إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلْفُقَرَآءِ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱلْعَٰمِلِينَ عَلَيْهَا وَٱلْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِى ٱلرِّقَابِ وَٱلْغَٰرِمِينَ

وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةً مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦٠

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanya untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang terputus bekalan dalam perjalanan. Ketetapan hukum yang demikian itu adalah sebagai satu ketetapan yang datangnya daripada Allah. Dan ingatlah, Allah maha mengetahui, lagi maha bijaksana.

Zakat kepada golongan yang lapan itu lebih diutamakan kerana mereka benar-benar memerlukannya. Kita perlu memenuhi hajat golongan itu sebelum membantu golongan lain. Di samping itu, zakat dapat membantu golongan yang berjihad dan berjuang di jalan Allah s.w.t.

Semua umat Islam perlu membantu keluarga tawanan dan keluarga para syuhada yang terbunuh di jalan Allah s.w.t. Mereka mengorbankan jasad dan roh mereka bagi memperjuangkan agama Allah s.w.t. serta menyelamatkan umat Islam. Mereka sanggup menahan kesakitan dan seksaan demi berjuang di jalan Allah s.w.t. Mereka mungkin seorang bapa kepada anak-anak yang masih kecil.

Mungkin juga mereka itu saudara kepada adik-adik yang memerlukan tanggungan perbelanjaan daripada dirinya. Umat Islam wajib membantu dan menjaga keluarga tawanan.

Keluarga mereka sepatutnya berada di bawah perlindungan dan pengawasan kita, sebagai saudara seislam. Orang Mukmin itu ibarat satu binaan teguh. Mereka saling menguatkan antara satu sama lain. Sekiranya seorang hamba memenuhkan hajat saudaranya, maka Allah s.w.t. pasti memenuhkan hajatnya.

Hak Tawanan kepada Orang Islam

Soalan

pakah hak orang Islam kepada tawanan? Apakah yang perlu kita lakukan bagi membantu tawanan?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Umat Islam wajib berusaha semampu mungkin bagi membebaskan tawanan-tawanan yang berada di dalam penjara. Umat Islam perlu melakukan apa-apa sahaja bagi membebaskan orang Mukmin yang ditahan di dalam penjara. Antaranya, berperang dengan musuh Islam daripada kalangan orang kafir dan sebagainya. Sekiranya musuh meminta kita supaya melepaskan tawanan mereka, kita perlu menukar tawanan perang mereka dengan tentera kita sebagai tebusan.

Sekiranya mereka menginginkan tebusan dalam bentuk harta, kita perlu memenuhi permintaannya sehingga orang Islam yang dijadikan tebusan dapat dibebaskan.

Imam Qurtubi menyebut dalam kitab tafsir beliau, Imam Malik berkata, "Umat Islam wajib membebaskan tawanan perang, meskipun terpaksa mengeluarkan semua hartanya."

Saidina Umar r.a. berkata, "Aku lebih suka membebaskan seorang pemuda Islam yang berada di tangan orang kafir daripada seluruh Semenanjung Tanah Arab."[6]

Pemimpin perlu berusaha semampu mungkin bagi membebaskan tawanan yang ada di tangan musuh. Mereka perlu membebaskan tawanan walau dengan menggunakan apa cara sekalipun. Antaranya, mereka boleh mengadakan rundingan dengan musuh bagi membebaskan tawanan yang ditahan. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *An-Nisaak*, ayat 75:

وَمَا لَكُمْ لَا تُقَٰتِلُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱلْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ ٱلرِّجَالِ وَٱلنِّسَآءِ وَٱلْوِلْدَٰنِ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَآ أَخْرِجْنَا مِنْ هَٰذِهِ ٱلْقَرْيَةِ ٱلظَّالِمِ أَهْلُهَا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَٱجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا ﴿٧٥﴾

Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (bagi menegakkan agama Islam) dan (bagi menyelamatkan) orang-orang yang tertindas daripada kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata, "Wahai Tuhan Kami! Keluarkanlah kami dari negeri (Makkah) ini, yang penduduknya (kaum kafir Musyrik) yang zalim, dan jadikanlah untuk kami daripada pihak-Mu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah untuk kami daripada pihak-Mu seorang pemimpin yang membela kami daripada (ancaman musuh)."

Hukum membebaskan tawanan Islam yang ditahan adalah fardhu kifayah terhadap semua umat Islam. Mereka tidak boleh dibiarkan begitu sahaja di tangan musuh-musuh Islam. Dalam hadith shahih ada menyebut, Rasulullah s.a.w. berkata, "Berilah makan kepada orang yang lapar, cukupkan hajat orang yang berhajat, dan ziarahi saudaranya yang sakit."[7]

Sekiranya orang Islam tidak mempunyai cara terbaik bagi melepaskan tawanan yang berada dalam genggaman musuh, mereka perlu berdoa dan mengharap kepada Allah s.w.t. Kaum Muslimin perlu berdoa dalam solat mereka dan membaca qunut nazilah ketika mereka bersendirian. Ketika dalam peperangan, sewaktu beberapa orang Mukmin ditahan oleh kaum Quraisy, Rasulullah s.a.w. berterusan membaca doa itu sehingga Allah s.w.t. menghancurkan kafir Quraisy.

Nota Hujung

1. Direkodkan oleh Imam Al-Bukhari daripada Imran bin Husain (1117).
2. *Muttafaqun 'alaih* daripada Abu Hurairah, direkodkan oleh Imam Al-Bukhari (7288) dan Muslim (1337).
3. *Jami' Al-Ulum wal Hikam* (1/256), cetakan Ar-Risalah.
4. Direkodkan oleh Imam Ibnu Majah, nombor 2045 daripada Ibnu Abbas, dan dalam kitab *Az-Zawaid*, isnadnya shahih.
5. Direkodkan oleh Imam Abu Daud (1811) dan dishahihkan oleh Al-Albani (1596).
6. Dilaporkan oleh Ibnu Abi Syaibah dalam kitab *Mushannaf* beliau: 12/18, cetakan Darul Salafiyah, India, dan juga Abu Yusuf dalam kitab *Al-Kharaj*, halaman 196, cetakan As-Salafiyah.
7. Direkodkan oleh Imam Al-Bukhari (3046), daripada hadith Abu Musa Al-Asyari.

Bab 14

Hadith "Kiamat Tidak Berlaku sehingga Kamu Bangkit Menentang Yahudi"

Soalan

Saya meneliti pelbagai kitab hadith mengenai Yahudi. Antara hadith yang menyebut tentang Yahudi adalah, Rasulullah s.a.w. memberitahu:

لا تقوم الساعة حتى تقاتلوا اليهود ، فيختبئ اليهودي وراء الحجر والشجر ، فيقول الحجر والشجر : يا عبد الله - أو يا مسلم - هذا يهودي ورائي فتعال فاقتله.

Kiamat tidak berlaku sehingga kamu, orang Islam memerangi kaum Yahudi. Mereka akan bersembunyi di sebalik batu dan pokok, lalu pokok dan batu tadi berkata, "Wahai hamba Allah, mari ke sini, Yahudi ada di belakang aku. Mari ke sini dan bunuh dia."

Adakah hadith ini menyatakan pertempuran dan peperangan kita dengan Yahudi berterusan sehingga hari kiamat? Adakah pada saat itu, pokok dan batu benar-benar bercakap? Adakah ia menjadi satu *karamah*, iaitu perkara di luar pemikiran orang biasa untuk orang Islam? Adakah orang Islam pada hari ini adalah kaum sebagaimana yang digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadith ini? Adakah mereka yang memiliki karamah itu? Ataupun karamah itu bukan untuk umat pada zaman ini, tetapi untuk umat yang akan datang, yang menghampiri hari kiamat seperti yang digambarkan dalam hadith?

Saya berharap, Tuan dapat menjelaskan kekusutan kami perihal hadith itu. Semoga Allah s.w.t. memberi kefahaman kepada kami dalam memahami kata-kata Rasulullah s.a.w. Semoga Allah s.w.t. membalasnya dengan sebaik-baik pembalasan. - Daripada: Seorang Muslim yang mementingkan keadaan yang berlaku di Palestin.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Hadith itu adalah hadith shahih yang dilaporkan oleh ramai sahabat dan diambil daripada Rasulullah s.a.w. Ibnu Umar mengesahkan hadith itu dan Abu Hurairah melaporkannya. Imam Al-Bukhari dan Muslim merekodkan hadith itu daripada Abu Hurairah. Rasulullah s.a.w. menjelaskan:

لا تقوم الساعة حتى تقاتلوا اليهود ، حتى يقول الحجر وراءه اليهودي : يا مسلم هذا يهودي ورائي فاقتله .

Kiamat tidak berlaku sehingga kamu membunuh Yahudi. Sehingga batu berkata bahawa di belakangnya terdapat Yahudi, "Wahai Muslim, di belakang aku terdapat Yahudi, bunuhlah dia."[1]

Dalam rekod hadith Imam Muslim pula menyatakan:

لا تقوم الساعة حتى يقاتل المسلمون اليهود ، فيقتلهم المسلمون حتى يختبئ اليهودي من وراء الحجر والشجر ، فيقول الحجر أو الشجر : يا مسلم، يا عبد الله، هذا يهودي خلفي، فتعال فاقتله إلا الغرقد ، فإنه من شجر اليهود .

Kiamat tidak berlaku sehingga orang Islam membunuh Yahudi. Orang Islam membunuh Yahudi sehingga mereka bersembunyi di belakang batu dan pokok. Lalu, batu ataupun pokok itu berkata, "Wahai Muslim, wahai hamba Allah, ini Yahudi di

belakang aku. Mari ke sini dan bunuh mereka, kecuali pohon gharqad, sesungguhnya ia sejenis pohon daripada pohon-pohon Yahudi."[2]

Imam Al-Bukhari dan Muslim merekodkan dalam kitab, dengan lafaz daripada Ibnu Umar:

تقاتلون اليهود ،فتسلطون عليهم ، حتى يختبئ أحدهم وراء الحجر ، فيقول الحجر : يا عبد الله ، هذا يهودي ورائي فاقتله.

Kamu akan membunuh kaum Yahudi dan kamu akan menguasai mereka sehingga mereka bersembunyi di belakang batu, lalu batu itu berkata, "Wahai hamba Allah, ini Yahudi di belakang aku, bunuhlah dia."[3]

Hadith-hadith itu adalah hadith shahih serta tidak dinafikan keshahihan hadith-hadith itu. Hadith ini juga membuktikan kenabian Rasulullah s.a.w.

Beberapa kurun sudah berlalu. Mereka yang membaca hadith itu berasa kagum kerana ia menyebut keadaan orang Islam dan orang Yahudi yang belum berlaku, meski pun tiga kurun sudah berlalu.

Yahudi adalah golongan yang ditindas. Mereka menjadi tanggungan kepada orang Islam untuk dilindungi. Hanya orang Islam sahaja yang mengambil berat terhadap mereka dan membantu mereka sewaktu kesempitan. Orang Islam juga yang memberi peluang kepada mereka dalam mengamalkan agama. Yahudi tergolong dalam kalangan Ahli Kitab. Mereka diberi perlindungan oleh Allah s.w.t., Rasulullah s.a.w., dan orang Islam. Mengapa pertempuran antara orang Islam dan Yahudi berlaku? Bagaimana mereka mampu memerangi orang yang memberi perlindungan dan kehidupan kepada mereka? Di mana mereka mendapat kekuatan bagi membunuh orang Islam?

Pertempuran antara orang Islam dan Yahudi berlaku apabila Yahudi merampas bumi Palestin daripada umat Islam. Pada masa yang sama, Yahudi menghalau penduduk Palestin dari negara mereka sehingga penduduk Palestin terpaksa menjadi pelarian di negara sendiri. Yahudi menawan dan merancang bagi memusnahkan Masjid Al-Aqsa. Sesudah Masjid Al-Aqsa diruntuhkan, Yahudi mahu membina Haikal Sulaiman di atas runtuhan itu. Malangnya, umat Islam kini masih leka dan tidak mempedulikan keadaan yang berlaku di bumi Palestin.

Sebagai orang beriman, kita perlu tetap percaya, hadith ini pasti berlaku. Apa yang disebut dalam hadith shahih itu adalah perkara yang sudah tentu akan berlaku. Pertempuran orang Islam menguasai Yahudi pasti berlaku. Sekiranya sekarang ini golongan Yahudi itu menguasai kita, pada satu hari nanti, kita pasti memerangi mereka kembali selepas berlalunya beberapa tahun akan datang. Janji Allah s.w.t. itu pasti terlaksana.

Persoalannya, bilakah peristiwa itu berlaku? Hanya Allah s.w.t. yang mengetahui bilakah ia berlaku. Sama ada esok ataupun selepas hari esok. Ataupun selepas beberapa tahun yang Allah s.w.t. inginkan ia berlaku.

Perkara penting yang perlu diketahui, pertempuran itu bukan semata-mata pertempuran bagi menyelamatkan negara. Bukan juga pertempuran bagi menyelamatkan kaum, tetapi itu adalah pertempuran antara dua agama.

Pertempuran itu bukan semata-mata pertempuran antara orang Arab dan Zionis seperti yang kita ketahui pada hari ini. Ia juga bukan pertempuran antara Yahudi dan orang Palestin. Ia juga bukan perlu dihadapi oleh orang Iraq, Syria, dan Mesir sahaja.

Pertempuran itu memberi kesan besar kerana ia membabitkan dua agama, iaitu agama Islam dan Yahudi. Ia membabitkan orang Islam dan golongan yang menganut agama Yahudi. Ia bukan juga segolongan orang Islam melawan segolongan orang Yahudi. Bahkan pertempuran itu membabitkan semua orang Islam bagi menentang semua orang Yahudi, seperti yang kita fahami daripada lafaz hadith itu.

Realiti yang kita hadapi pada hari ini, golongan Yahudi sanggup mengorbankan apa sahaja bagi menghancurkan umat Islam. Mereka itu adalah golongan yang bakhil, tetapi sanggup mengerahkan tenaga dan mengorbankan apa sahaja yang mereka miliki demi melihat kehancuran orang Islam. Mereka bersungguh-sungguh dan merancang pelbagai strategi. Mereka membina kekuatan asas mereka dengan mempelajari kitab Taurat dan mereka ingin melaksanakan segala hukum yang ada dalam kitab Talmud.

Bagaimana pula dengan kita sebagai orang Islam? Kita sentiasa menjauhi pertempuran itu. Bahkan, ramai daripada kita tetap menyangka, pertempuran yang berlaku itu adalah pertempuran antara dua kaum serta tidak membabitkan isu agama.

Golongan Yahudi bersatu di bawah panji Yahudi, tetapi kita tidak bersatu di bawah panji Islam. Mereka menghormati hari Sabtu sebagai hari kemuliaan mereka. Namun, kita masih tidak menghormati dan memuliakan hari Jumaat, iaitu penghulu segala hari untuk seluruh umat Islam. Yahudi sentiasa berseru dan menyebut nama Nabi Musa a.s., tetapi kita, masih tidak bersatu dan tidak berseru dengan nama Nabi Muhammad s.a.w.

Kita perlu kembali menilai diri kita. Sekiranya kita ingin melihat kemenangan yang diimpikan dan dijanjikan kepada kita, maka kita perlu mengubah diri. Kita perlu mengubah diri kita sebelum Allah s.w.t. mengubah nasib sesuatu kaum. Kita mesti memerangi Yahudi seperti mana mereka memerangi kita dan seperti kata-kata Saidina Abu Bakar r.a. kepada Khalid Al-Walid.

Ini adalah apa yang kita perjuangkan. Ini adalah apa yang diseru oleh orang yang ikhlas dan golongan yang dicerahkan hati mereka oleh Allah s.w.t. Mereka mengetahui jalan yang benar, iaitu satu-satunya jalan bagi membebaskan bumi Palestin.[4]

Hadith itu memberi berita gembira kepada orang Islam dengan kemenangan yang bakal kita peroleh. Allah s.w.t. membantu kaum Muslimin dalam memerangi Yahudi, sehingga batu dan pokok turut

berkata-kata kepada seorang Muslim tadi, "Wahai hamba Allah, mari ke sini, di belakang aku ini ada seorang Yahudi, mari, bunuh dia!"

Batu dan pokok menyeru dengan panggilan 'hamba Allah'. Pokok ataupun batu itu tidak menyeru kepada orang yang menjadi hamba kepada diri sendiri, nafsu syahwat, dinar dirham, wanita dan arak, ataupun hamba kepada pangkat dan kemasyhuran dunia. Batu dan pokok tadi tidak sekali-kali menyeru hamba-hamba kepada keduniaan, tetapi mereka menyeru hamba-hamba yang betul-betul memperhambakan diri kepada Allah s.w.t. sahaja. Bahkan, musuh-musuh daripada golongan Yahudi yang menyeru hamba kepada dunia itu untuk bersama-sama mereka.

Dalam hadith juga ada menyebut, 'Wahai Muslim'. Batu dan pokok tadi tidak memanggil dengan panggilan 'wahai orang Arab', 'wahai orang Palestin', 'wahai orang Jordan', 'wahai orang Syria', 'wahai orang Mesir', 'wahai orang Syam', 'wahai orang Maghribi'. Tetapi, ia memanggil dengan satu gambaran yang meliputi maksud yang menyeluruh, iaitu, 'wahai Muslim', 'wahai orang Islam'.

Ketika kita menyertai pertempuran itu, kita merasakan sifat kehambaan kita kepada Allah s.w.t., di bawah bendera-bendera Islam, seolah-olah kemenangan sudah menghampiri kita. Perjuangan kita di ambang kemenangan. Semua makhluk pasti bersama-sama menyertai perjuangan itu sehingga batu dan pokok juga turut membantu.

Ada yang bertanya, adakah pokok itu betul-betul bertanya menggunakan *lisanul maqal,* iaitu kata-kata seperti percakapan yang kita tuturkan ataupun *lisanul hal*, iaitu menggunakan isyarat?

Saya menjelaskan, perkara itu tidak mustahil. Allah s.w.t. mampu menjadikan pokok yang bisu tadi berkata-kata kerana Allah s.w.t. memiliki kemampuan dalam melakukan apa sahaja yang diingini. Ini adalah satu karamah, iaitu perkara luar biasa yang berlaku kepada seorang Muslim yang beriman. Ini termasuk dalam perkara *khawariqul adat*, iaitu perkara yang tidak logik sekiranya difikirkan menggunakan akal. Kita sudah melihat pelbagai keajaiban yang berlaku pada zaman kita, pada hari ini. Keajaiban-keajaiban itu sungguh menghairankan sekiranya kita memikirkannya menggunakan akal.

Mungkin juga apa yang dimaksudkan di sini adalah lisanul hal. Ia lebih berkesan daripada lisanul maqal. Kata-kata daripada segi bahasa memberi maksud, sesuatu yang berfaedah dan memberi makna walaupun bukan percakapan atau pertuturan.

Apa yang pentingnya di sini, kemenangan yang bakal diperoleh oleh orang Islam itu pasti dibantu oleh makhluk Allah s.w.t. lain, iaitu makhluk yang berada di segenap penjuru. Tumbuh-tumbuhan, batu-batan, seluruh makhluk pasti membantu orang Islam pada saat itu. Apa yang menyelamatkan musuh Allah s.w.t. ini? Tidak ada apa yang mampu menyelamatkan Yahudi. Bahkan, pedang yang berada di tangan Yahudi pun tidak mampu menyelamatkan mereka.

Saudara kita tadi bertanya, berdasarkan hadith itu, adakah pertempuran yang berlaku antara orang Islam dan Yahudi itu berterusan sehingga hari kiamat berlaku? Saya menjelaskan, lafaz yang digunakan dalam hadith tidak memberi makna darurat. Lafaz yang digunakan selepas perkataan *hatta,* yang membawa maksud sehingga menunjukkan, peristiwa itu akan berlaku, sememangnya akan berlaku, tetapi tidak diketahui bilakah ia berlaku. Apa yang penting, peristiwa itu berlaku sebelum hari kiamat terjadi. Perkataan *qabla qiyam as-saah*, iaitu sebelum hari kiamat berlaku bermakna selepas kewafatan Rasulullah s.a.w. sehingga alam semesta itu dibolak-balikkan. Iaitu terjadinya hari kiamat.

Saya merujuk perkataan *la taqumu as-saah hatta*, yang mempunyai maksud tidak terjadi kiamat sehingga dalam kitab *Shahih Al-Jami' As-Soghir*. Saya mendapati, terdapat 25 hadith yang melaporkan dengan lafaz itu. Ada sebahagian daripada peristiwa-peristiwa yang disebutkan benar-benar sudah berlaku, iaitu peristiwa-peristiwa yang dinyatakan selepas kata penyambung *hatta*. Ada juga peristiwa-peristiwa yang belum berlaku dan dijangka akan berlaku.

Antara lafaz yang menunjukkan ia sudah berlaku, iaitu hadith daripada Abu Hurairah yang direkodkan oleh Imam Al-Bukhari:

لا تقوم الساعة حتى تأخذ أمتي القرون قبلها ، شبرًا شبرًا ، وذراعًا بذراع. قيل: يا رسول الله، كفارس والروم؟ قال: ومن الناس إلا أولئك.

Kiamat tidak berlaku sehingga umatku mengikut mereka seinci demi seinci, sehasta demi sehasta. Lalu, Rasulullah ditanya, "Wahai Rasulullah, adakah seperti Parsi dan Rom?" Rasulullah menjawab, "Dan bukanlah manusia selain daripada mereka."[5]

Umat akhir zaman pasti mengikut cara umat terdahulu daripada mereka, secara perlahan-lahan. Mereka pasti mengikuti cara hidup umat-umat terdahulu seinci demi seinci, sehasta demi sehasta. Ini sudah pun berlaku dan kita memohon perlindungan Allah s.w.t.

Daripada hadith Anas yang direkodkan oleh Imam Ahmad dan Ibnu Hibban:

لا تقوم الساعة حتى يتباهى الناس في المساجد.

Kiamat tidak berlaku sehingga manusia bermegah-megah dengan masjid yang dibina.[6]

Ini bermaksud, manusia berbangga dengan seni bina dan perhiasan yang diukir di dalam masjid. Perkara seperti itu sudah pun berlaku sejak berkurun-kurun lamanya. Selain itu, banyak juga hadith menyebut:

لا تقوم الساعة حتى تقاتلوا الترك.

Kiamat tidak berlaku sehingga orang Turki saling berbunuhan sesama mereka.[7]

Perkara itu sudah pun berlaku pada kurun lepas sehingga Allah s.w.t. memberi petunjuk kepada orang Turki bagi memeluk Islam. Mereka menjadi kalangan tentera Islam yang digeruni oleh musuh. Tentera Turki juga menjadi satu pertahanan yang paling kuat pada ketika itu. Mereka adalah golongan yang meninggikan syariat Allah s.w.t. dan memuliakan agama Islam.

Hadith-hadith lain juga ada menyebut perkara yang masih belum berlaku, antaranya:

لا تقوم الساعة حتى تطلع الشمس من مغاربها.

Kiamat tidak berlaku sehingga matahari itu terbit dari barat.

Saudara yang bertanya menyangka, hari kiamat itu masih lambat lagi akan berlaku kerana sekarang Yahudi masih lagi menguasai bumi Palestin. Mereka juga masih giat menindas penduduk Palestin. Hadith itu tidak bermaksud sebegitu.

Kita berharap semoga kemenangan pihak Islam semakin hampir. Insya Allah. Kita sebenarnya sedang menyaksikan revolusi itu berlaku. Gerakan-gerakan Islam semakin giat melakukan kebangkitan. Kita juga mampu menyaksikan demonstrasi yang berlaku di masjid-masjid dan perubahan yang bakal dilakukan oleh anak-anak kecil meskipun dengan menggunakan batu-batu kecil menentang musuh Allah s.w.t. itu.

Gerakan-gerakan Islam yang ada di seluruh dunia tidak pernah lekang daripada menyedarkan para pemuda Islam perihal hakikat sebenar yang berlaku. Mereka tidak pernah berputus asa mengajak umat Islam untuk kembali kepada keadilan dan kesyumulan ajaran Islam. Adakah ini yang memberi satu suntikan bibit-bibit kemenangan yang akan berlaku?

Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 214:

Ketahuilah, sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah.

Nota Hujung

1. Hadith disebut dalam *Shahih Al-Jami' As-Soghir,* (7414).
2. Hadith disebut dalam *Shahih Al-Jami' As-Soghir,* (7472).
3. Hadith disebut dalam *Shahih Al-Jami' As-Soghir,* (2977).
4. Lihat: buku *Dars An-Nakbah As-Saniah: limaza Inhazamna wa Kaifa Nantasir? (Pengajaran daripada Bencana Kedua: Mengapa Kita Kalah dan Bagaimana untuk Menang).*
5. *Shahih Al-Jami' As-Soghir* (7408).
6. *Shahih Al-Jami' As-Soghir* (7421).
7. *Shahih Al-Jami' As-Soghir* (7413), (7415), (7416), (7426).

Bab 15

Ayat-Ayat Al-Quran yang Menyebut Perihal Kehancuran Yahudi dan Tafsirannya

Soalan

Kami mengharap semoga Tuan dapat menjelaskan kepada kami tentang kehancuran Bani Israel, iaitu Yahudi yang disebut pada awal surah *Al-Israk*. Mereka dikalahkan sebanyak dua kali. Allah s.w.t. menghukum mereka disebabkan kesalahan yang mereka lakukan. Bangsa Yahudi menjadi hamba dan diperintah di bawah penguasaan bangsa lain.

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Ayat yang dimaksudkan adalah ayat ke-4 dalam surah *Al-Israk*:

وَقَضَيْنَآ إِلَىٰ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ فِى ٱلْكِتَٰبِ لَتُفْسِدُنَّ فِى ٱلْأَرْضِ مَرَّتَيْنِ وَلَتَعْلُنَّ عُلُوًّا كَبِيرًا ﴿٤﴾

Dan Kami katakan kepada Bani Israel dalam Kitab itu, Sesungguhnya kamu akan melakukan kerosakan di bumi dua kali, dan sesungguhnya kamu akan berlaku sombong angkuh dengan melampau-lampau.

Ayat ke-5:

فَإِذَا جَآءَ وَعْدُ أُولَىٰهُمَا بَعَثْنَا عَلَيْكُمْ عِبَادًا لَّنَآ أُو۟لِى بَأْسٍ شَدِيدٍ فَجَاسُوا۟ خِلَٰلَ ٱلدِّيَارِ ۚ وَكَانَ وَعْدًا مَّفْعُولًا ﴿٥﴾

Maka apabila sampai masa janji kali yang pertama daripada dua perjanjian itu, Kami datangkan kepada kamu hamba-hamba Kami yang kuat gagah dan amat ganas serangannya lalu mereka menjelajah di segala ceruk rantau; dan itu adalah satu janji yang tetap berlaku.

Ayat ke-6:

ثُمَّ رَدَدْنَا لَكُمُ ٱلْكَرَّةَ عَلَيْهِمْ وَأَمْدَدْنَٰكُم بِأَمْوَٰلٍ
وَبَنِينَ وَجَعَلْنَٰكُمْ أَكْثَرَ نَفِيرًا ﴿٦﴾

Kemudian Kami kembalikan kepada kamu kekuasaan bagi mengalahkan mereka, dan Kami beri kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan dan anak-pinak, serta Kami jadikan kamu kaum yang lebih ramai pasukannya.

Ayat ke-7 hingga ayat ke-8:

إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ۚ فَإِذَا
جَآءَ وَعْدُ ٱلْءَاخِرَةِ لِيَسُۥٓـُٔوا۟ وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا۟
ٱلْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا۟ مَا عَلَوْا۟
تَتْبِيرًا ﴿٧﴾ عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يَرْحَمَكُمْ ۚ وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا
وَجَعَلْنَا جَهَنَّمَ لِلْكَٰفِرِينَ حَصِيرًا ﴿٨﴾

Jikalau kamu berbuat kebaikan, maka faedahnya adalah untuk kamu; dan jikalau kamu berbuat kejahatan, maka berbalik kepada diri kamu juga. Oleh itu, apabila sampai masa janji kali kedua, Kami datangkan musuh-musuh kamu bagi memuramkan muka kamu; dan bagi memasuki masjid sebagaimana mereka sudah memasukinya pada kali pertama; dan bagi menghancurkan apa sahaja yang mereka sudah kuasai, dengan sehancur-hancurnya.

Semoga Tuhanmu merahmati kamu; dan jikalau kamu kembali menderhaka, maka Kami akan menyeksa kamu; dan Kami jadikan neraka penjara untuk orang kafir.

Ulama pada masa kini berbeza pendapat dalam memberikan tafsiran kepada ayat-ayat itu. Ada yang berpendapat, kemusnahan dalam ayat itu sudah terjadi kepada kaum Yahudi. Allah s.w.t. sudah pun menghukum Bani Israel, iaitu Yahudi. Kedua-duanya berlaku sebelum kedatangan Islam.

Ulama turut berbeza pendapat, apakah kemusnahan yang sudah menimpa mereka dan pada zaman bila? Antara perilaku buruk yang Yahudi lakukan sehingga Allah s.w.t. menghukum mereka adalah:

- Bani Israel menghalalkan apa yang diharamkan
- Bani Israel tidak menepati janji dan mencabul kehormatan sesama mereka
- Bani Israel hanya beriman kepada sebahagian sahaja daripada ayat dalam kitab yang diturunkan kepada mereka dan kufur kepada sebahagian ayat yang lain
- Bani Israel bersikap keras kepala. Mereka juga tidak mahu mengikut ajaran yang dibawa oleh para rasul sebelum itu dan membunuh rasul-rasul yang diutus kepada mereka

Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 87:

أَفَكُلَّمَا جَآءَكُمْ رَسُولٌۢ بِمَا لَا تَهْوَىٰٓ أَنفُسُكُمُ ٱسْتَكْبَرْتُمْ
فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾

Maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang rasul membawa sesuatu yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu sombong takbur, sehingga sebahagian daripada rasul-

rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?

Bani Israel membunuh Nabi Zakaria a.s. dan Nabi Yahya a.s. Mereka juga menyalib Nabi Isa a.s. meskipun orang yang mereka salib itu sebenarnya bukan Nabi Isa a.s., tetapi seorang daripada kalangan mereka yang menyerupai Nabi Isa a.s. Begitu juga dengan pelbagai kejahatan dan penyelewengan Bani Israel yang berbahaya seperti yang tercatat dalam surah *Al-Baqarah*. Pelbagai penipuan, pengkhianatan, dan kerosakan yang dilakukan oleh kaum Yahudi ada disebut dalam Al-Quran.

Ahli-ahli tafsir tidak sependapat mengenai apakah akibat dan balasan yang sudah menimpa kaum Yahudi disebabkan oleh tangan-tangan mereka yang melakukan kerosakan.

Pendapat pertama: Ramai ulama yang berpegang pada pendapat ini, iaitu hukuman pertama kepada kaum Yahudi adalah, mereka diperhamba dan berada di bawah penguasaan dan pemerintahan Babylon. Yahudi ditewaskan dengan kekalahan yang teruk. Tentera Babylon merampas negara mereka, kitab Taurat yang menjadi pegangan Yahudi diubah dan diselewengkan. Yahudi juga diheret ke kota Babylon sebagai hamba. Hak kehidupan mereka dinafikan dan mereka hidup dengan penuh kehinaan. Yahudi merasai penyeksaan yang teruk dan bangsa mereka diasingkan selama 70 tahun.

Hukuman kedua yang diterima oleh Yahudi adalah, mereka diperkuda oleh bangsa Rom. Saat itu yang menjadi titik noktah dan pengakhiran keturunan Bani Israel, iaitu Yahudi di bumi Palestin. Di mana-mana tempat sekali pun yang ada di muka bumi ini, mereka pasti diasingkan. Mereka seolah-olah dipulaukan oleh masyarakat dunia.

Pendapat kedua: Hukuman pertama sudah berlaku. Ia terjadi ketika Rasulullah s.a.w. dibangkitkan sebagai seorang Rasul. Yahudi mengadakan satu perjanjian dengan orang Islam di Madinah. Namun, mereka mengkhianati perjanjian ini, lalu diperangi oleh orang Islam memerangi dan menghalau mereka dari Madinah. Yahudi membawa kaum kerabat dan semua harta benda mereka keluar dari kota Madinah. Mereka

menghancurkan dinding-dinding rumah mereka tanpa meninggalkan sebarang kesan pun di kota Madinah. Ini adalah kemusnahan pertama yang menimpa kaum Yahudi. Mereka diperangi oleh orang Islam berhabis-habisan sehingga mereka tewas di tangan orang Islam.

Hukuman kedua, ia belum berlaku. Peristiwa yang akan dihadapi oleh Yahudi pada zaman ini. Mereka sedang merampas bumi orang Islam. Mereka membunuh, membakar, meletup, dan memusnahkan bumi Palestin. Mereka juga menghalau penduduk Palestin dari negara mereka sendiri. Mereka memerangi kaum Muslimin di Palestin dengan menggunakan senjata dan membunuh menggunakan peluru.

Kita menanti hukuman yang Allah s.w.t. turunkan kepada mereka, tidak lama lagi. Orang Islam pasti menguasai orang Yahudi dengan penguasaan penuh. Pada saat itu, Yahudi pasti tidak mendapat bantuan daripada mana-mana pihak sekali pun. Yahudi pasti tunduk kepada orang Islam seperti mereka tunduk kepada Rasulullah s.a.w. dan para sahabat ketika kali pertama kehancuran mereka di kota Madinah.

Pendapat kedua ini adalah pendapat yang dipegang oleh ulama kontemporari, seperti Syeikh Mutawalli Syakrawi, Syeikh Abdul Muaz Abd Sattar, dan lain-lain.

Hukuman pertama yang diterima oleh Yahudi itu adalah ketika zaman Rasulullah s.a.w. dibangkitkan menjadi Rasul. Ketika itu, Yahudi Bani Qainuqa', Bani Nadhir, dan Bani Quraizoh adalah ahli Khaibar mengadakan tipu daya dan helah bagi menipu Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Allah s.w.t. memenangkan para sahabat dan menewaskan mereka.

Hamba Allah s.w.t. yang menguasai Yahudi adalah Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Allah s.w.t. memuji para sahabat dengan menyebut perkataan, *'ibadan lana*.

Kehancuran kedua yang akan menimpa Yahudi adalah balasan yang bakal dihadapi hasil daripada perbuatan jahat mereka kepada penduduk Palestin. Orang Islam pasti menguasai Yahudi seperti mana mereka dikuasai oleh orang Islam pada kali pertama.

Berdasarkan pendapat kedua, Dr. Yusuf Al-Qaradhawi berpandangan, tafsir ayat itu lemah sekiranya dinilai dalam beberapa sudut:

Sudut pertama: Perihal ayat ke-4, daripada surah *Al-Israk*, kami ditegah daripada mereka dan kami mempelajarinya dalam kitab kami. Maksud kitab di sini adalah kitab Taurat, iaitu kitab yang diturunkan kepada kaum Nabi Musa a.s. seperti mana ayat ke-2 dalam surah *Al-Israk* ada menyebut:

Dan Kami berikan Musa Taurat...

Ayat itu bermaksud, apa yang ditetapkan dan disebut dalam kitab Taurat sudah berlaku. Pensyariatan Nabi Musa a.s. dilaksanakan, tetapi kaum Yahudi menyelewengkannya.

Sudut kedua: Kabilah Bani Qainuqa', Bani Nadhir, dan Bani Quraizoh tidak memiliki kekuatan dan kerajaan yang gah sebagaimana yang dimiliki oleh Bani Israel. Kabilah ini hanya sekumpulan kecil Yahudi yang bertebaran atas muka bumi selepas mereka berpecah kerana dihalau dari bumi mereka sendiri.

Sudut ketiga: Rasulullah s.a.w. dan para sahabat tidak menghantar mata-mata atau perisik bagi mengetahui keadaan negara Bani Israel sebagaimana yang disebut dalam surah *Al-Israk*. Kabilah daripada Bani Israel ini tidak berada di negara mereka pada ketika itu. Bahkan, mereka berada di negara Arab, di tanah Arab.

Sudut keempat: Perkataan *'ibadan lana* tidak bermaksud daripada hamba-Nya yang soleh. Allah s.w.t. juga menyebut dan menggelar golongan pendosa dan maksiat dengan sebutan yang sama, iaitu yang bermaksud hamba Allah s.w.t.

Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Furqan*, ayat 17:

ءَأَنتُمْ أَضْلَلْتُمْ عِبَادِى هَٰٓؤُلَآءِ أَمْ هُمْ ضَلُّوا۟
ٱلسَّبِيلَ ﴿١٧﴾

Adakah kamu yang menyesatkan hamba-hamba-Ku itu ataupun mereka yang sesat jalan?

Allah s.w.t. menerangkan lagi dalam surah *Az-Zumar*, ayat 53:

قُلْ يَٰعِبَادِىَ ٱلَّذِينَ أَسْرَفُوا۟ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا۟
مِن رَّحْمَةِ ٱللَّهِ

Katakanlah, "Wahai hamba-hamba-Ku yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah."

Sudut kelima: Allah s.w.t. memberitahu dalam surah *Al-Israk*, ayat 6:

ثُمَّ رَدَدْنَا لَكُمُ ٱلْكَرَّةَ عَلَيْهِمْ وَأَمْدَدْنَٰكُم بِأَمْوَٰلٍ
وَبَنِينَ وَجَعَلْنَٰكُمْ أَكْثَرَ نَفِيرًا ﴿٦﴾

Kemudian Kami kembalikan kepada kamu kekuasaan bagi mengalahkan mereka, dan Kami beri kepada kamu dengan banyaknya harta kekayaan dan anak-pinak, serta Kami jadikan kamu kaum yang lebih ramai pasukannya.

Ayat itu mengandungi rasa kasih sayang Allah s.w.t. kepada Bani Israel. Allah s.w.t. tidak memenangkan kaum Yahudi yang melakukan kerosakan

di muka bumi dan memperdayakan kaum Muslimin. Justeru, tafsir ini bertentangan dengan makna asal ayat.

Sudut keenam: Allah s.w.t. mengembalikan tipu yang yang dihadapi oleh Yahudi kepada musuh mereka. Musuh Yahudi dibalas balik selepas mereka menganiaya kaum Bani Israel pada kali pertama. Ini kerana, Bani Israel berkelakuan baik dan memakmurkan muka bumi. Allah s.w.t. membalas balik kebaikan yang mereka lakukan seperti mana Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Israk*, ayat 6.

Namun, golongan Yahudi yang kita lihat dan saksikan pada hari ini, bukan seperti yang digambarkan dalam ayat itu. Yahudi pada zaman kini tidak pernah berkelakuan baik dan cuba memakmurkan muka bumi.

Oleh sebab itu, golongan Yahudi dikuasai oleh mereka yang zalim seperti Hitler. Mereka merancang pelbagai tipu helah selama 100 tahun. Dalam tempoh itu juga, kita dijajah oleh mereka. Mereka merancang bagi mencuri bumi kita. Justeru, bila pula mereka pernah bersikap lembut dan berbuat baik sehingga Allah s.w.t. membantu mereka dengan membalas balik perancangan dan tipu daya mereka kepada kita?

Sudut ketujuh: Allah s.w.t. menyebut dalam surah *Al-Israk,* ayat 7:

إِنْ أَحْسَنتُمْ أَحْسَنتُمْ لِأَنفُسِكُمْ ۖ وَإِنْ أَسَأْتُمْ فَلَهَا ۚ فَإِذَا
جَاءَ وَعْدُ الْآخِرَةِ لِيَسُوءُوا وُجُوهَكُمْ وَلِيَدْخُلُوا
الْمَسْجِدَ كَمَا دَخَلُوهُ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَلِيُتَبِّرُوا مَا عَلَوْا
تَتْبِيرًا ﴿٧﴾

Jikalau kamu berbuat kebaikan, maka faedahnya adalah untuk kamu; dan jikalau kamu berbuat kejahatan, maka berbalik kepada diri kamu juga. Oleh itu, apabila sampai masa janji kali kedua, Kami datangkan musuh-musuh kamu bagi memuramkan muka kamu; dan bagi memasuki masjid sebagaimana mereka sudah

memasukinya pada kali pertama; dan bagi menghancurkan apa sahaja yang mereka sudah kuasai, dengan sehancur-hancurnya.

Orang Islam tidak pernah masuk ke dalam masjid menggunakan senjata dan menunjukkan sikap pemaksaan. Orang Islam tidak sekali-kali melakukan kemusnahan dan kehancuran ketika dalam peperangan ataupun sewaktu mereka membuka sesebuah wilayah.

Perbuatan buruk dan perangai yang tidak elok dalam peperangan itu adalah apa yang diamalkan oleh tentera Babylon dan Rom sewaktu mereka menunduk dan menguasai Bani Israel.

Sudut kelapan: Ramai ahli tafsir memilih pendapat pertama ketika mentafsirkan surah *Al-Israk*. Saya juga lebih memilih pendapat pertama yang mengatakan, kedua-dua kehancuran itu sudah pun berlaku kepada Bani Israel.

Kekalahan Yahudi kepada tentera Rom adalah satu pembalasan yang teruk dan memberi satu pukulan hebat kepada bangsa Yahudi pada saat itu. Mereka menjadi tawanan, hidup mereka dihina, dan negara mereka dilenyapkan oleh kerajaan Babylon. Tidak cukup dengan kemusnahan itu, tentera Babylon juga membakar kitab suci Bani Israel dan meranapkan Haikal Sulaiman, iaitu sebuah tempat yang akan menjadi singgahsana raja mereka, Dajal.

Tentera Rom memberikan tamparan lebih hebat kepada Bani Israel apabila mereka mengadakan perjanjian sesama mereka. Namun, tentera Rom mengkhianati perjanjian itu dan menghalau Bani Israel dari bumi Palestin. Allah s.w.t. menerangkan dalam surah *Al-A'raf*, ayat 168:

Dan Kami pecah-pecahkan mereka berpuak-puak di dunia ini.

Ketika kemusnahan itu berlaku, Bani Israel masih berada di bawah undang-undang Allah s.w.t. Allah s.w.t. menggambarkan dalam surah *Al- Israk*, ayat 8:

وَإِنْ عُدتُّمْ عُدْنَا

...dan jikalau kamu kembali menderhaka maka Kami akan menyeksa kamu...

Tetapi, Bani Israel yang melata di muka bumi kembali kepada kerosakan dan Taghut, iaitu mereka menyembah selain daripada Allah s.w.t. Allah s.w.t. yang akan menghalang dan mengajar mereka sehingga mereka mengetahui setakat mana kemampuan mereka yang sebenar. Satu rangkap syair Arab menyebut yang bermaksud:

Sekiranya kala jengking datang,

Kami pasti datang dengan kasut (bagi menujahnya),

Kasut adalah sebaik-baik penyambut untuk kala jengking.

Ini menguatkan lagi kata-kata Allah s.w.t. dalam surah *Al-A'raf*, ayat 167 yang menyatakan:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكَ لَيَبْعَثَنَّ عَلَيْهِمْ إِلَىٰ يَوْمِ ٱلْقِيَـٰمَةِ
مَن يَسُومُهُمْ سُوٓءَ ٱلْعَذَابِ ۗ

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memberitahu, "Bahawa sesungguhnya Dia akan menghantarkan kepada kaum Yahudi itu, (terus menerus) hingga hari kiamat, kaum-kaum yang akan menimpakan mereka dengan azab yang seburuk-buruknya..."

Bab 16

Perjumpaan Syeikh Al-Azhar dengan Pendeta Israel

Soalan

Apakah pandangan Tuan perihal pertemuan yang dilakukan oleh Syeikh Al-Azhar dengan Pendeta Besar Israel?

Jawapan Dr. Yusuf Al-Qaradhawi

Saya mengadakan satu lawatan ke Wilayah Bersatu Amerika bagi menghadiri satu muktamar. Dalam muktamar itu, saya mendapati ramai orang Islam yang datang dan mendengar ceramah yang dianjurkan. Lalu, terdapat seorang pendengar mengutarakan persoalan itu kepada saya.

Saya tidak menjawab persoalan yang diutarakan oleh anak muda itu. Ini kerana, saya tidak mengetahui perihal perjumpaan itu dengan lebih lanjut. Saya tidak memiliki maklumat yang tepat berkenaan pertemuan itu dan perbincangan yang diadakan ketika berlangsungnya pertemuan itu.

Seorang mufti tidak wajar mengeluarkan fatwa tanpa melihat keadaan yang berlaku dengan jelas sehingga dia dapat mengeluarkan fatwa yang betul-betul tepat. Itu yang membezakan antara fatwa yang dikeluarkan berdasarkan keadaan semasa ataupun berdasarkan semata-mata teori yang diambil daripada kitab-kitab yang dikarang.

Selepas saya kembali daripada lawatan itu, saya terus mencari maklumat pertemuan bersejarah yang berlaku antara Syeikh Al-Azhar dan Pendeta Besar Israel. Ini adalah perkara besar dalam dunia Islam apabila seorang syeikh menerima tetamu seperti Pendeta Besar Yahudi.

Ramai cendekiawan dan pemikir berpendapat, Zionis mampu menyerang Al-Azhar, pusat pemikiran Islam, di tempatnya sendiri. Sedangkan pada ketika ini, umat Islam bersatu dengan segala kekuatan yang ada bagi menentang sebarang bentuk perhubungan dengan Israel. Israel bersungguh-sungguh mengadakan perjanjian dengan orang Islam dan mereka berusaha dengan apa cara sekalipun bagi menjadikan perjanjian ini satu realiti.

Ketika saya meneliti maklumat pertemuan yang diadakan ini, saya terbaca satu artikel daripada penganalisis politik, iaitu Saudara Doktor Muhammad Salim Al-'Awa. Beliau menulis perihal pertanyaan orang ramai, kritikan, dan bantahan mereka kepada Syeikh Tantawi, iaitu syeikh Al-Azhar yang mengadakan pertemuan dengan pendeta Yahudi. Perkara itu mengejutkan dan mengesalkan saya.

Saya lebih terkejut apabila mendengar dan menyaksikan Syeikh Al-Azhar menerima jemputan ketua siaran Al-Jazeera di Qatar, iaitu Dr. Faisal Al-Qaseem.

Sesuatu perkara menjadi lebih jelas apabila kita berada dalam keadaan ataupun tempat itu. Syaitan pasti sentiasa mencari peluang bagi mencucuk manusia. Kebenaran hilang daripada kata-kata dan kebatilan secara perlahan-perlahan memulakan pertuturan.

Saya ingin menjelaskan, saya dan Syeikh Tantawi mempunyai hubungan baik. Saya tidak pernah memiliki sedikit pun masalah peribadi dengan Syeikh Tantawi. Kami hanya berselisih pendapat, *manhaj*, dan *uslub*, iaitu gaya menyampaikan dakwah sahaja. Sebelum ini, saya pernah menolak pandangan dan pendirian beliau berkenaan riba dan faedah bank, iaitu bunga.

Mungkin sebelum ini, saya tidak sependapat dengan Syeikh Tantawi ketika mengutarakan pandangan dalam masalah riba. Kini, saya juga tidak menerima pandangan beliau tentang pertemuannya dengan Pendeta Besar Israel. Saya tidak ingin menyentuh keperibadiannya ataupun mempersoalkan kredibilitinya sebagai seorang ulama. Saya juga tidak ingin mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati sehingga terkeluar daripada landasan yang digariskan oleh syarak, iaitu supaya kita menghormati ulama. Tambahan pula, beliau adalah seseorang yang memiliki pengetahuan agama dan dihormati dalam dunia Islam.

Rasulullah s.a.w. mengajar kita cara-cara untuk kita beradab dengan ulama. Baginda menjelaskan, "Bukan dalam kalangan kami mereka yang tidak menyayangi anak kecil, tidak menghormati orang tua, dan tidak mengiktiraf kepada orang yang berilmu hak-hak yang sepatutnya dimiliki."

Saya tidak bersetuju kerana Syeikh Tantawi berlapang dada mengadakan pertemuan dengan Pendeta Besar Israel, yang menjadi musuh terbesar orang Islam. Saya berharap Syeikh dapat menerima pendapat saya ini dengan hati terbuka. Saya tidak menggunakan apa-apa perkataan yang menggambarkan sifat-sifat buruk, seperti pengecut, lemah, hina, kurang cerdik, tidak berilmu, ataupun apa-apa bentuk perkataan negatif yang tersenarai dalam kamus. Iaitu perkataan yang tidak berhak digunakan bagi menggambarkan seseorang yang berilmu seperti Syeikh.

Rasulullah s.a.w. menegah kita daripada mencaci dan mencela manusia, haiwan, dan apa-apa sahaja. Rasulullah s.a.w. menerangkan, "Aku tidak dibangkitkan untuk pencelaan ataupun pelaknatan."

Sememangnya orang yang menggambarkan Syeikh Al-Azhar dengan apa-apa sifat yang tidak layak untuk dirinya adalah satu perbuatan yang tidak memiliki *iffah*, iaitu belas kasihan. Perkara ini sama seperti yang berlaku kepada Syeikh Al-Azhar yang dahulu.

Saya berasa terkedu dengan apa yang saya dengar dan dengan apa yang saya baca tentang pertemuan itu. Saya terkejut apabila Syeikh berasa ragu-ragu dengan perkara yang sudah disepakati oleh umat Islam bagi menolak *at-tatbi'i*, iaitu mengadakan apa-apa hubungan bagi memulihkan kembali hubungan yang terputus dengan Israel. Bahkan Syeikh bertanya, apakah makna at-tatbi'i? Ia adalah satu kalimah kering yang tidak ada makna padanya!

Saudara Faisal Al-Qaseem tidak mampu menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan at-tatbi'i. Ia adalah perkara yang amat diingini oleh Israel pada saat ini. Umat Islam sepakat bagi menolak at-tatbi'i.

At-tatbi'i adalah perhubungan yang akan terjalin antara kita dan Israel. Kita mengadakan kerjasama rasmi dengan Israel, negara yang baru dibina di atas tanah rampasan. Kita juga bekerjasama dengan penduduknya yang menghalau penduduk asal sehingga menjadi pelarian di tanah air sendiri.

Seolah-olah tidak ada apa yang berlaku antara kita dan mereka. Mereka menziarahi kita dan kita menziarahi mereka. Kita menerima

mereka sebagai tetamu kita dan mereka menerima kita sebagai tetamu mereka. Kita menjual barangan mereka dan mereka menjual barangan kita. Tidak ada boikot ekonomi, pendidikan, mahupun masyarakat.

Boikot adalah satu-satunya cara yang ada di tangan orang Arab dan Islam untuk kita memulaukan golongan Yahudi itu.

Golongan Yahudi bersungguh-sungguh memecahkan tembok pemisah antara kita dan mereka dengan harta dan apa cara sekali pun.

Syeikh dengan megah bercakap kepada bangsa Mesir, "Pertemuan ini memulihkan hubungan kita dengan Yahudi selepas termeterainya Perjanjian Kem David pada era pemerintahan Anwar Sadat sebagai Perdana Menteri Mesir.

Israel sekadar datang bagi menziarahi Mesir. Bangsa Mesir tidak ke sana bagi melawat Israel, negara Palestin. Kita juga tidak membeli barangan dan tidak bercampur dengan mereka. Rakyat tetap masih memiliki kekuatan yang utuh. Pertemuan ini tidak melemahkan rakyat Mesir daripada apa-apa sudut sekalipun."

Boikot adalah satu tindakan yang berkesan bagi memberi pengajaran kepada seseorang. Ia digunakan pada zaman dahulu dan masih digunakan sehingga sekarang.

Sejarah mengajar kita mengenali boikot atau pemulauan. Dalam sirah Rasulullah s.a.w., sewaktu mula-mula menyampaikan risalah Islam kepada penduduk Makkah, ramai pembesar Makkah berasa terancam dan tidak menyukai agama yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Lalu, para pembesar Makkah berpakat bagi memulaukan semua keturunan Bani Hasyim.

Rasulullah s.a.w. berketurunan Bani Hasyim daripada Bani Mutalib, iaitu yang dinasab kepada datuk Baginda. Semua orang Quraisy yang berada di Makkah pada ketika itu dilarang untuk bergaul, berjual-beli, ataupun melakukan apa-apa urusan dengan keturunan Bani Hasyim. Mereka juga dilarang daripada mengahwini mana-mana keturunan Bani Hasyim.

Peristiwa itu menyeksa Rasulullah s.a.w., para sahabat, dan kaum kerabat Baginda. Mereka tidak memiliki apa-apa makanan untuk dimakan sehingga terpaksa memakan ranting kayu. Pada waktu yang sama, Bani Hasyim menyembunyikan diri di sebalik lorong di kota Makkah. Pemulauan itu berlanjutan sehingga tiga tahun. Begitulah peritnya permulaan dakwah dan ancaman yang diterima oleh Rasulullah s.a.w.

Pemulauan juga menjadi cara bagi menghukum seseorang kerana dosa, kesalahan yang dilakukan, sifatnya yang tidak beradab, ataupun orang yang melakukan perkara *bid'ah*, iaitu menambah-nambah dalam urusan agama.

Ketika Perang Tabuk, Rasulullah s.aw. memulaukan tiga orang sahabat yang berlengah-lengah daripada menyertai peperangan sehingga mereka tertinggal di belakang. Selepas Rasulullah s.a.w. kembali daripada Perang Tabuk, tiga orang sahabat itu, iaitu Kaab bin Malik, Muroroh bin Rabi'ah, dan Hilal bin Umaiyah menghadap Rasulullah s.a.w. tanpa memberi sebarang alasan. Mereka juga tidak menyatakan sebab mengapa mereka tidak menyertai peperangan.

Lalu, Rasulullah s.a.w. menghukum supaya mereka dipulaukan. Tiada sesiapa yang dibenarkan untuk bercakap, bermuamalat, bertegur sapa, ataupun mengadakan apa-apa urusan dengan mereka. Kaum kerabat mereka juga dilarang bergaul dengan mereka. Mereka bertiga berasa tertekan dengan keadaan yang dihadapi. Ini menyebabkan mereka menyesal dan bertaubat kepada Allah s.w.t. Kemudian, ayat 118 daripada surah *At-Taubah* turun bagi mengampunkan dosa mereka:

وَعَلَى ٱلثَّلَٰثَةِ ٱلَّذِينَ خُلِّفُوا۟ حَتَّىٰٓ إِذَا ضَاقَتْ عَلَيْهِمُ
ٱلْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ وَضَاقَتْ عَلَيْهِمْ أَنفُسُهُمْ وَظَنُّوٓا۟
أَن لَّا مَلْجَأَ مِنَ ٱللَّهِ إِلَّآ إِلَيْهِ

Dan (Allah menerima taubat) tiga orang yang ditangguhkan hingga apabila bumi yang luas ini (terasa) sempit kepada mereka

dan hati mereka pula menjadi sempit, serta mereka pula yakin bahawa tidak ada tempat untuk mereka lari daripada Allah melainkan kepada-Nya.

Al-Hafiz Sayuthi menulis dalam *Risalah Az-Zajru bil Hajr* dengan menceritakan pelbagai peristiwa lagi tentang pemulauan yang berlaku dalam sejarah.

Sekiranya pemulauan itu bertujuan memberi pengajaran sesama Muslim, apatah lagi dengan orang yang bukan Islam? Yahudi? Mereka sentiasa menyalakan api permusuhan, menyuburkan semarak peperangan, menghidupkan suasana yang tidak aman! Mereka merampas Baitul Maqdis. Mereka juga tidak akan berhenti menganiayai penduduk bumi Palestin. Semakin hari, mereka semakin besar kepala. Adakah kita layak memelihara hubungan dengan musuh ini?

Pemulauan atau boikot adalah senjata paling ampuh bagi menentang Yahudi. Pemulauan adalah senjata perang jangka masa panjang antara kita dan bangsa Yahudi. Kita perlu memelihara dan mengasah senjata kita sehingga benar-benar tajam. Akhirnya, dengan senjata itu kita dapat memotong sektor ekonomi, pendidikan, dan kemasyarakatan Yahudi. Senjata itu perlu diperelok dari semasa ke semasa. Kita sebagai umat Islam perlu bersatu menjayakan kempen memboikot barangan Israel supaya pemulauan bangsa Yahudi pada kali ini berjaya. Sekiranya kita tidak bersatu menjayakannya, sampai bila-bila pun generasi Islam tertindas.

Kunjungan Pendeta Besar Yahudi menemui Syeikh Al-Azhar seolah-olah mengangkat jurang pemisah yang sudah sekian lama kita bina dengan bangsa itu. Pemulauan yang kita rencanakan seolah-olah disia-siakan.

Syeikh Al-Azhar berkata, "Apa yang menegah seorang pemuda daripada satu agama untuk bertemu dengan pemuda yang beragama lain, sama ada Yahudi ataupun Nasrani untuk berbincang tentang agama masing-masing?"

Kami katakan kepada Syeikh, "Perbincangan agama daripada sudut mana yang dapat kita bincangkan dengan Pope, iaitu pendeta kaum Yahudi? Adakah pertelingkahan yang berlaku antara kita dan kaum Yahudi adalah pertelingkahan atas dasar akidah? Sehingga kita perlu berbincang dengan mereka perihal ketuhanan, kenabian, dan hari akhirat?

Ataupun pertelingkahan yang berlaku antara kita dan mereka adalah persengketaan daripada sudut lain? Tentang rampasan tanah? Kemudian menghalau penduduknya dari bumi sendiri? Memusnahkan apa yang ada di bumi yang mereka rampas itu? Pengyahudian Baitul Maqdis? Pemusnahan Masjid Al-Aqsa?

Wahai Syeikh, ini adalah keadaan yang kami ingin utarakan di sini. Perbincangan itu tidak perlu dibincangkan antara Syeikh dan Pendeta Besar Yahudi. Tetapi, pertelingkahan itu perlu dibincangkan oleh ahli politik dan para mujahidin, iaitu mereka yang memiliki senjata. Syeikh dikenali sebagai seorang ahli agama, tidak tergolong dalam kalangan mujahidin itu.

Setiap kata-kata perlu kena pada tempatnya. Justeru, perbincangan itu tidak sesuai dibincangkan oleh agamawan, kerana perbincangan itu di peringkat jihad. Ia perlu dibincangkan oleh golongan yang memiliki kekuatan. Ia perlu dirundingkan oleh ahli politik dengan syarat-syarat yang sepatutnya diutarakan.

Syeikh membenarkan pertemuan dengan pendeta Yahudi kerana mengambil dalil daripada sirah Rasulullah s.a.w. yang pernah mengadakan pertemuan dengan Yahudi Bani Nadhir.

Dalil yang diutarakan oleh Syeikh itu adalah betul, tetapi tidak diletakkan pada keadaan yang sepatutnya dipadankan dengan dalil itu.

Ketika Rasulullah s.a.w. bertemu dengan Yahudi Bani Nadhir, iaitu selepas termeterai perjanjian yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak, Rasulullah s.a.w. memohon mereka menepati janji mereka seperti mana yang ditetapkan.

Rasulullah s.a.w. bertemu dengan mereka kerana mereka sudah belot dan mengkhianati perjanjian yang dilakukan. Disebabkan itu, tercetusnya peperangan antara Yahudi Bani Qainuqa' dengan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat. Maka, pertemuan itu diadakan bagi meminta penjelasan daripada Yahudi Bani Qainuqa' dan Bani Nadhir. Tujuan Rasulullah s.a.w. adalah menjernihkan kembali kekusutan yang berlaku.

Rasulullah s.a.w. tidak mengadakan rundingan dengan Yahudi bagi membincangkan urusan agama. Tetapi, Rasulullah s.a.w. berjumpa dengan mereka bagi menyelesaikan urusan politik ataupun pentadbiran negara. Rasulullah s.a.w. berjumpa dengan mereka sebagai seorang imam kepada umat. Sebagai ketua kepada negara. Pertemuan itu bertujuan memulihkan keadaan politik negara. Justeru, di mana letaknya perbincangan politik antara Syeikh dengan Pendeta Besar Yahudi?

Syeikh juga menggunakan dalil ayat Al-Quran yang mana dalil itu mengharuskan kita untuk bergaul dengan Ahli Kitab. Kita dibolehkan memakan makanan yang disembelih oleh Ahli Kitab dan kita juga dibolehkan mengahwini wanita-wanita mereka. Syeikh terlupa, Ahli Kitab itu terbahagi kepada tiga kategori, iaitu:

- ***Zimmi:*** Ahli yang berada di negara kita dalam keadaan aman. Mereka mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh negara Islam dan tidak membahayakan penduduk Islam.
- ***Mua'hhad:*** Orang kafir yang memeterai perjanjian dengan orang Islam. Mereka bukan daripada penduduk negara Islam. Mereka menepati janji yang termeterai dan tidak melanggarinya.
- ***Harbi:*** Mereka yang mengisytiharkan perang terhadap orang Islam. Hubungan kita dengan Israel berada dalam kategori ini. Ulama sepakat mengatakan, Israel adalah kumpuan Ahli Kitab kafir Harbi. Mereka itu adalah golongan yang Allah s.w.t. sebut dalam surah *Al-Mumtahanah*, ayat 9:

إِنَّمَا يَنۡهَىٰكُمُ ٱللَّهُ عَنِ ٱلَّذِينَ قَٰتَلُوكُمۡ فِي ٱلدِّينِ وَأَخۡرَجُوكُم مِّن دِيَٰرِكُمۡ وَظَٰهَرُواْ عَلَىٰٓ إِخۡرَاجِكُمۡ أَن تَوَلَّوۡهُمۡۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمۡ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ٩

Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta mereka membantu (orang lain) bagi mengusir kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.

Tidak ada apa-apa yang dapat kita bincangkan dengan Yahudi kecuali dengan satu bahasa sahaja, iaitu bahasa pedang dan kekuatan perang! Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Baqarah*, ayat 190 hingga ayat 191:

وَقَٰتِلُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ ٱلَّذِينَ يُقَٰتِلُونَكُمۡ وَلَا تَعۡتَدُوٓاْۚ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلۡمُعۡتَدِينَ ١٩٠ وَٱقۡتُلُوهُمۡ حَيۡثُ ثَقِفۡتُمُوهُمۡ وَأَخۡرِجُوهُم مِّنۡ حَيۡثُ أَخۡرَجُوكُمۡۚ

Dan perangilah kerana agama Allah orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang menceroboh.

Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usir mereka dari tempat yang mereka sudah mengusir kamu.

Masalah perihal dalil yang diutarakan oleh Syeikh Tantawi dan apa yang disepakati oleh beliau adalah:

- Syeikh Tantawi menggunakan dalil dengan melihat secara umum dan mengetepikan khusus
- Syeikh Tantawi berhujah secara *mutlak* (umum) dan meninggalkan *muqayyad* (khusus)
- Syeikh Tantawi mengambil *syahid* (sokongan) daripada kata-kata semata-mata dan melupakan *siyaqul kalam* (makna sebenar perkataan)
- Syeikh Tantawi bercakap berkenaan Ahli Kitab, seolah-olah mereka hanya tergolong dalam satu golongan sahaja
- Syeikh Tantawi membicarakan perihal peperangan dan permusuhan seperti membicarakan tentang keamanan dan kasih sayang
- Syeikh Tantawi menolak dalam mengadakan ziarah ke Baitul Maqdis dan solat di Masjid Al-Aqsa. Beliau berkata, "Untuk masuk ke negara itu memerlukan visa dan pemeriksaan ketat tentera Israel di sempadan negara. Sekiranya visa dan pemeriksaan tadi dilakukan oleh penduduk Palestin dan dikuasai oleh warga Palestin, kita dibenarkan menziarahi bumi Palestin."

Ini adalah pendirian beliau perihal Masjid Al-Aqsa. Kefahaman yang Syeikh gunakan sewaktu melontarkan pendapat itu adalah kefahaman yang betul. Mengapa Syeikh tidak mengatakan, solat di dalam Masjid Al-Aqsa termasuk dalam pensyariatan? Hadith shahih menyebut, "Kita digalakkan untuk ke Masjid Al-Aqsa."

Justeru, mengapa tidak menggunakan dalil itu dalam mengharuskan kita menziarahi Masjid Al-Aqsa?

Antara pendapat Syeikh Tantawi berkenaan Masjid Al-Aqsa lagi, "Menteri Kehakiman Palestin mengharamkan jual beli bumi Palestin kepada mereka yang tidak berasal dari Palestin. Ini adalah satu ketetapan yang benar dan kita tidak meraguinya."

Mengapa Syeikh tidak berhujah dengan menggunakan dalil surah *Al-Baqarah*, ayat 275:

Padahal Allah sudah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Fatwa yang tepat mesti perlu dinilai melalui beberapa sudut. Antaranya, keadaan semasa, waktu, dan tempat. Tidak boleh mengeluarkan hukum semata-mata, secara tergesa-gesa. Banyak sudut yang perlu diperhatikan supaya fatwa itu sesuai untuk digunakan dan tepat.

Seandainya kita hanya melihat dalil yang digunakan oleh Syeikh secara luaran, kita juga dapat menyatakan, Rasulullah s.a.w. bergaul dengan Yahudi dan melayan mereka dengan layanan yang baik sehingga akhir hayat Rasulullah s.a.w.

Rasulullah s.a.w. pernah meminjamkan tiga *wisaq*, iaitu sejenis nilai timbangan gandum kepada seorang Yahudi untuk diberikan kepada keluarganya.

Rasulullah s.a.w. juga pernah menggadaikan baju besi Baginda kepada seorang Yahudi sebagai jaminan. Selepas Rasulullah s.a.w. wafat, baju besi itu digadai kepada Yahudi itu. *Muttafaqun 'alaihi.*

Syeikh boleh menggunakan dalil itu bagi menghentikan pemboikotan ekonomi yang dilakukan kepada Israel. Syeikh lupa bahawa Yahudi yang berurusan dengan Rasulullah s.a.w. adalah Yahudi zimmi dan bukannya golongan harbi.

Ketua siaran Al-Jazeera bertanya kepada Syeikh Al-Azhar, adakah penduduk Palestin boleh mengahwini wanita Yahudi Israel?

Syeikh menjawab, adakah kita mengharamkan apa yang dihalalkan oleh Allah s.w.t? Allah s.w.t. mengharuskan perkahwinan itu seperti mana yang terdapat dalam surah *Al-Maidah*, ayat 5:

وَطَعَامُ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ ۖ وَٱلْمُحْصَنَـٰتُ مِنَ ٱلْمُؤْمِنَـٰتِ وَٱلْمُحْصَنَـٰتُ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ مِن قَبْلِكُمْ

Dan makanan (sembelihan) orang yang diberikan Kitab itu adalah halal untuk kamu, dan makanan kamu adalah halal untuk mereka. Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan wanita yang menjaga kehormatan antara wanita yang beriman dan juga wanita yang menjaga kehormatannya daripada kalangan orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu.

Syeikh terlupa, ayat itu tidak ditujukan kepada mereka yang berada dalam peperangan. Abdullah Ibnu Abbas menterjemahkan maksud ayat itu dalam tafsir beliau, "Wanita Ahli Kitab tidak dihalalkan untuk mereka yang berperang, iaitu golongan Muslimin." Abdullah Ibnu Abbas menyebut kata-kata Allah s.w.t. dalam surah *At-Taubah*, ayat 29:

قَـٰتِلُوا۟ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَلَا بِٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ ٱلْحَقِّ مِنَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ

Perangilah orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan tidak mengharamkan apa yang sudah diharamkan

oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar daripada orang yang diberikan Kitab.

Kata-kata Ibnu Abbas itu bermaksud, Allah s.w.t. menyuruh kita membunuh mereka. Bagaimana kita boleh menikahi mereka? Sekiranya kita menikahi Ahli Kitab daripada kalangan Yahudi yang kita perangi itu, seolah-olah kita memiliki isteri daripada kalangan musuh. Keturunan kita tergolong dalam kalangan Yahudi yang diperangi. Darah daging kita daripada keturunan mereka. Datuk anak-anak kita adalah datuk-datuk mereka, ibu saudara anak kita adalah keturunan Yahudi! Justeru, mereka menjadi saudara kita dan memiliki hubungan kekeluargaan dengan kita!

Islam mewajibkan kita memulaukan mereka. Haram kita menjadikan mereka sebagai pemimpin apatah lagi berkasih sayang dengan mereka.

Abu Bakar Ar-Razi (Al-Jasos) menyebut dalam kitab *Ahkam Al-Quran* tentang hukum itu. Beliau menyebut kata-kata Ibnu Abbas, Ibrahim (An-Nakhaie). Ini mengejutkan Syeikh.

Abu Bakar menyebut berdasarkan apa yang disebutkan oleh Ibnu Abbas dalam surah *Al-Mujadalah*, ayat 22:

لَّا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ يُوَآدُّونَ
مَنْ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ

Kamu tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih mesra dengan orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya.

Pernikahan itu perlu dibina berdasarkan nilai-nilai kasih sayang. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Ar-Rum*, ayat 21:

وَمِنْ ءَايَـٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً

Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu, isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dengannya, dan dijadikan antara kamu perasan kasih sayang.

Justeru, menikahi golongan harbi adalah perkara yang ditegah. Allah s.w.t. menjelaskan dalam surah *Al-Mujadalah*, ayat 22:

يُوَآدُّونَ مَنْ حَآدَّ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ

...tergamak berkasih mesra dengan orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya.

Mereka tergolong dalam kalangan ahli harbi. Pergaulan antara kita dan mereka terbatas.[1] Sesiapa yang menikahi Yahudi ataupun Israel, dia sudah melakukan perkara haram! Dia seolah-olah membawa masuk seorang perisik Israel ke dalam rumahnya.

Saya berharap supaya Bahagian Kajian Islam Al-Azhar, mengutarakan tiga, empat orang ataupun lebih daripada kalangan ahli pakar fiqh bagi menjawab isu ini. Membetulkan balik keadaan itu. Saya mengharap semoga kesalahan yang dilakukan oleh Syeikh kita diperbetulkan, sekiranya salah.

Pendapat seseorang boleh kita gunakan dan boleh ditinggalkan kecuali apa yang datang daripada seseorang yang ma'sum, iaitu Rasulullah s.a.w. Selepas ditabalkan menjadi khalifah, Saidina Abu Bakar r.a. berkata dalam ucapan pertamanya, "Sekiranya aku melakukan kebaikan, bantulah aku. Sekiranya aku salah, perbetulkanlah aku."

Barisan ulama Al-Azhar terdiri daripada mereka yang berani menyatakan kebenaran. Terutamanya yang berada di barisan hadapan. Bantulah Syeikh membetulkan urusan beliau. Di sana terdapat dua orang yang membetulkan balik kenyataan yang dikeluarkan oleh Syeikh. Kedua-dua orang itu adalah pelajar Syeikh Tantawi. Kedua-duanya adalah pelajar beliau. Seorang daripada mereka adalah ketua barisan hadapan ulama Al-Azhar, iaitu Dr. Muhammad Abdul Mun'im Al-Barri dan Dr. Yahya Ismail.

Martabat seseorang tidak jatuh sekiranya beliau ditegur oleh mereka yang lebih muda daripada dirinya. Apabila seorang ulama melakukan kesalahan, maka tidak menjadi kesalahan apabila pelajar membetulkan balik kesalahan yang dilakukan oleh gurunya. Tidak ada istilah besar dan tua dalam ilmu. Orang yang lebih mengetahui itu lebih tinggi daripada orang yang hanya mengetahui sesuatu perkara.

Suatu ketika dahulu, terdapat seorang ilmuwan muda menegur seorang ilmuwan yang hebat. Ilmuwan muda itu mengkritik sebahagian daripada pendapat ilmuwan hebat. Mereka yang melihat situasi itu seolah-olah tidak bersetuju dengan cara ilmuwan muda itu, tetapi beliau berkata, "Sekiranya kamu hebat, kamu tidak sehebat Nabi Allah Sulaiman. Sekiranya aku muda dan kerdil, aku tidak sekerdil burung hud-hud. Sedangkan burung hud-hud pun pernah berkata kepada Nabi Allah Sulaiman, 'Aku mengetahui apa yang kamu tidak tahu mengenainya dan aku membawa berita yang diyakini dari negeri Saba.'"

Saya ingin menegaskan di sini, saya tidak bersetuju Syeikh Tantawi mengadakan pertemuan dengan Pendeta Besar Yahudi. Mereka tidak berhak menyerbu masuk Al-Azhar As-Syarif. Mereka sepatutnya kembali dalam keadaan hampa. Kita perlu bertegas dengan orang kafir. Memerangi golongan Yahudi adalah tujuan utama kita sebagai umat Islam. Surah *Al-Fath*, ayat 29 menyebut:

يُعْجِبُ ٱلزُّرَّاعَ لِيَغِيظَ بِهِمُ ٱلْكُفَّارَ

...dengan keadaan yang mengagumkan orang yang menanamnya, kerana Dia hendak jadikan orang kafir merana dengan perasaan marah.

Allah s.w.t menjelaskan dalam surah *At-Taubah*, ayat 120:

وَلَا يَطَـُٔونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ ٱلْكُفَّارَ

Dan tidaklah mereka menjejak sesuatu tempat yang menimbulkan kemarahan orang kafir.

Semoga Allah s.w.t. memberi petunjuk serta saya bertawakal dan bertaubat kepada Allah s.w.t.

Nota Hujung

1. *Ahkam Al-Quran* (2/326), terbitan Dar Al-Kitab Al-Arabi, Beirut.

Catatan